

**PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA DI MALAYSIA:
PERBANDINGAN ANTARA YAYASAN ISLAM
KELANTAN (YIK) DAN BAHAGIAN
PENDIDIKAN ISLAM JABATAN
AGAMA ISLAM SELANGOR
(BPI JAIS)**

MASITAH BT RAMLI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA DI MALAYSIA:
PERBANDINGAN ANTARA YAYASAN ISLAM
KELANTAN (YIK) DAN BAHAGIAN
PENDIDIKAN ISLAM JABATAN
AGAMA ISLAM SELANGOR
(BPI JAIS)**

MASITAH BT RAMLI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA DI MALAYSIA: PERBANDINGAN
ANTARA YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK) DAN BAHAGIAN
PENDIDIKAN ISLAM JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (BPI JAIS)**

ABSTRAK

Sekolah agama merupakan institusi Pendidikan Islam yang kini semakin diperakui oleh masyarakat sebagai salah satu institusi Pendidikan Islam yang mampu melahirkan modal insan yang berjaya. Kini, sekolah-sekolah agama semakin berkembang pesat di seluruh negeri. Perkembangan tersebut dapat dibuktikan melalui pembentukan pelbagai aliran serta peringkat pengajian. Perbezaan pihak pengelola menyebabkan berlakunya ketidakseragaman dalam pengurusan sekolah-sekolah agama negeri. Oleh itu, kajian ini akan meninjau latar belakang perkembangan sekolah-sekolah agama negeri di Kelantan dan di Selangor, bagaimanakah bentuk pengurusan sekolah-sekolah agama di sana, adakah wujud persamaan maupun perbezaan dalam pengurusan di kedua-dua negeri tersebut. Metodologi yang digunakan dalam membantu pengkaji mendapatkan maklumat adalah melalui kaedah dokumentasi serta temubual beberapa orang sumber. Hasil kajian menunjukkan bahawa sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS menggunakan sukan Kurikulum Azhari sebagai kurikulum asas dan berbagai-bagai jenis kurikulum lain yang menyebabkan berlakunya ketidakseragaman dari sudut pelaksanaan peperiksaan dan penilaian yang dijalankan. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa terdapat beberapa kewajaran yang perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan YIK dan BPI JAIS dalam memastikan keberlancaran pengurusan dan perkembangan sekolah-sekolah agama negeri dapat dicapai.

**PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA DI MALAYSIA: PERBANDINGAN
ANTARA YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK) DAN BAHAGIAN
PENDIDIKAN ISLAM JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (BPI JAIS)**

ABSTRACT

Religious schools is an institution of Islamic education which is now increasingly recognized by the community as one of the institutions of Islamic education capable of producing successful human. Today, religious schools are growing rapidly across the country. Such development can be proven through the formation of various streams and levels of study. The difference between the management has led to the inconsistency in the management of state religious schools. Therefore, this study will examine the background of the development of state religious schools in Kelantan and in Selangor, what is the form of management of religious schools there, is there any similarity or difference in management in both states? The methodology used to assist the researcher in obtaining information is through the method of documentation and interviews of several sources. The findings show that religious schools managed by YIK and BPI JAIS use the syllabus of *Azhari* curriculum as the basic curriculum and various other types of curriculum that resulted in unevenness in the scope of the examinations and assessments conducted. Therefore, the researcher is of the view that there are some justifications that must be taken by the management of YIK and BPI JAIS in ensuring the smooth running of the management and development of state religious schools.

PENGHARGAAN

مَلَلَ الْرَّحْمَنُ لِرَجْمٍ

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan Kurnia-Nya dapat juga menyempurnakan penulisan ini. Di kesempatan ini, pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia Dr Faisal @ Ahmad Faisal Ab. Hamid yang begitu bersungguh-sungguh memberi tunjuk ajar serta dorongan dan semangat serta teguran yang membina sehingga mampu untuk menyiapkan kajian ini. Tidak lupa kepada Dr.Aizan Mat Ali yang banyak mengajar tentang peri pentingnya kehidupan di samping, Dr Abdullah Yusuf, Dr. Asyikin Ab. Halim, Dr. Nor Hayati serta kakitangan JSTI dan paling tidak lupa kepada Puan Suzana yang banyak membantu dalam melancarkan segala urusan dalam tempoh masa pengajian.

Selain Itu, ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada barisan-barisan tertinggi Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor (BPI JAIS) yang telah memberikan kerjasama baik dalam usaha mendapatkan data-data kajian dan bersanggupan untuk ditemubual walau dalam keadaan sibuk sekalipun.

Tidak lupa ucapan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa Ramli Bin Mohamad dan Senah @ Hasnah Bt Ishak kerana sentiasa mendoakan segala kebaikan untuk anakmu ini. Terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga yang sentiasa memberi dorongan untuk terus menerus menggapai kejayaan dan tidak ketinggalan juga penghargaan ini ditujukan kepada suami tercinta Mohd Azmi Ab. Rashid yang sanggup berkorban masa dan tenaga menjaga anak-anak dan sentiasa memberi dorongan untuk terus maju menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada tuan mudir Ustaz Ab. Aziz B. Ya'cob selaku majikan yang banyak memberikan toleransi dalam tugas-tugas harian di sekolah

dan tidak dilupakan kepada Puan Norazmeyra Bt Amil yang telah banyak membantu di saat-saat akhir menyiapkan kajian ini, serta ditujukan juga kepada rakan-rakan sekerja di sekolah yang sentiasa memberikan dorongan untuk terus maju kehadapan. Akhiran, tidak di lupakan kepada semua yang membantu sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana tanpa mereka, kajian ini tidak akan sama seperti yang dibentangkan sekarang. Semoga setiap kerjasama yang diberikan akan diberi ganjaran yang sewajarnya oleh Allah S.W.T

Akhir sekali, pengkaji memohon kemaafan atas segala kekurangan yang telah dilakukan. Semoga hasil kajian ini akan memberi manfaat di dunia dan akhirat. Pengkaji turut mengalu-ngalukan segala komentar dan penambahbaikan terhadap hasil penulisan ini dari masa ke masa melalui maklumat perhubungan yang dinyatakan di bawah.

Sekian, Wassalam.

MASITAH BINTI RAMLI,

Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

masitah.ramli@yahoo.com

SMU (A) Syukuriah Bukit Sireh
18000 Kuala Krai,
Kelantan.

1 September 2018/ 21 Zulhijjah 1439H

ISI KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK	i
BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pengertian Tajuk	9
1.3 Permasalahan Kajian	12
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Batasan Kajian	18
1.7 Sorotan Perpustakaan	22
1.7.1 Kajian bertemakan sekolah agama di Malaysia	20
1.7.2 Kajian bertemakan sekolah agama YIK	22
1.7.3 Kajian bertemakan sekolah agama BPI JAIS	24
1.7.4 Kajian perbandingan antara YIK dan BPI JAIS	27
1.8 Metodologi Kajian	29
1.8.1 Metodologi Pengumpulan Data	30
1.8.1.1 Metode Kajian Perpustakaan	30
1.8.1.2 Metode Dokumentasi	30

1.8.1.3 Temubual	30
1.8.2 Metode Analisis Data	32
1.8.2.1 Metode Induktif	32
1.8.2.2 Metode Deduktif	32
1.8.2.3 Metode Komparatif	33
1.8.3 Kesimpulan	33
1.9 Susunan Kajian	34

**BAB 2: CORAK PERKEMBANGAN SEKOLAH AGAMA DI KELANTAN
(KELOLAAN YIK) DAN DI SELANGOR (KELOLAAN BPI JAIS)**

2.1 Pengenalan	36
2.2 Pengenalan Umum Negeri Kelantan	40
2.2.1 Kelantan Dari Segi Geografi	39
2.2.2 Kelantan Dari Sudut Sejarah Ringkas	41
2.2.3 Institusi Pendidikan Islam Di Kelantan	45
2.2.4 Pengurusan Sekolah-Sekolah Agama Di Kelantan	51
2.3 Pengenalan Umum Negeri Selangor	52
2.3.1 Selangor Dari Segi Geografi	51
2.3.2 Selangor Dari Segi Organisasi Pentadbiran	53
2.3.3 Selangor Dari Sudut Sejarah Ringkas	54
2.3.4 Institusi Pendidikan Islam Di Selangor	57
2.3.5 Pengurusan Sekolah Agama di Selangor	62

**BAB 3: PERSAMAAN DAN PERBEZAAN UNIT-UNIT PENGURUSAN
SEKOLAH AGAMA YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK) DAN BAHAGIAN
PENDIDIKAN ISLAM JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (BPI JAIS)**

3.1	Pengenalan	66
3.2	Pengurusan Sekolah	67
3.3	Pengurusan Sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan (YIK)	68
3.3.1	Bahagian Pengurusan	71
3.3.2	Bahagian Sekolah	72
3.3.3	Bahagian Akademik	72
3.3.4	Bahagian Kenaziran	72
3.4	Pengurusan Sekolah Agama Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor (BPI JAIS)	74
3.4.1	Sektor Pengurusan Naziran	74
3.4.2	Sektor Pengurusan Pendidikan	74
3.4.3	Sektor Pengurusan Akademik	75
3.5	Bahagian Pengurusan Sekolah Agama YIK dan BPI JAIS	78
3.5.1	Unit Pengurusan Sekolah Agama YIK dan BPI JAIS	78
3.5.1.1	Pelaksanaan Kurikulum	80
3.5.1.2	Pelaksanaan Peperiksaan	84
3.6	Kelbagai Jenis Sekolah agama YIK dan BPI JAIS	87
3.6.1	Tadika Islam	88
3.6.2	Sekolah Rendah Agama (SRA)	89
3.6.3	Sekolah Agama Menengah (SAM)	91
3.6.4	Sekolah Jenis Maahad/ Tahfiz	91
3.6.5	Sekolah Jenis Pondok	93
3.7	Kepelbagaian Guru	95

BAB 4: ANALISIS PERBANDINGAN TAHAP KEBERKESANAN PENGURUSAN YIK DAN BPI JAIS

4.1 Pengenalan	97
4.2 Perbandingan Tahap Keberkesanan Pengurusan Kurikulum YIK dan BPI JAIS	98
4.2.1 Elemen-Elemen yang Mempengaruhi Tahap Perbezaan Keberkesanan Pengurusan Kurikulum YIK dan BPIJAIS.	103
i. Tahap Perkembangan Agama Yang Tidak Seiring	103
ii. Jalinan Hubungan Diantara Negara Luar	104
iii. Pemerintahan Dan Pentadbiran Negeri yang Berbeza	105
4.3 Perbandingan Tahap Keberkesanan Pengurusan Peperiksaan YIK dan BPI JAIS	108
4.3.1 Analisis Perbandingan Tahap Keberkesanan Peperiksaan YIK dan BPI JAIS	112
4.3.1.1 Peringkat Rendah	108
4.3.1.2 Peperiksaan Peringkat Menengah	115
i. Sijil Menengah Agama/Ugama	115
ii. Sijil Menengah Tahfiz Quran/ Sijil Menengah Agama Tahfiz Quran	118
iii. Sijil Pengajian Pondok	121
iv. Lain-Lain Penilaian	119
a) Ujian Khas <i>Saf Awwal</i> (UKSA)	119
b) Penilaian Standart Kurikulum <i>I'dadi</i> (PSKI)	123

4.4	Analisis Perbandingan Dari Sudut Cabaran dan Permasalahan Semasa Dalam Pengurusan Sekolah-Sekolah Agama YIK dan BPIJAIS	124
4.4.1	Pengurusan Nama dan Penjenamaan Sekolah	125
4.4.2	Lokasi dan Infrastruktur	126
4.4.3	Sumber Kewangan	127
4.4.4	Pengurusan Sumber Manusia	128
5.	Kesimpulan	130

BAB 5: PENUTUP

5.1	Pengenalan	132
5.1.1	Peningkatan Mutu Pendidikan	133
5.1.2	Lahirnya Pelbagai Aliran Berkonsepkan Agama	134
5.1.3	Kebolehpasaran dalam kerjaya	136
5.2	Rumusan	137
5.3	Cadangan	138
5.3.1	Cadangan Pelaksanaan	138
5.3.1.1	Penstrukturan dan Penjenamaan semula Bagi SRA YIK	138
5.3.1.2	Perangkaan Sistem Penilaian Khusus Terhadap SRA YIK	140
5.3.1.3	Penelitian Semula Terhadap Penilaian STUP YIK	140
5.3.1.4	Mempelbagaikan Aliran Pengajian Di BPI JAIS	141
5.3.1.5	Penambahbaikan Dari Aspek Pengurusan Kewangan	142
5.3.2	Cadangan Umum Kepada Pengkaji Akan Datang	143
5.4	Kesimpulan	144
5.5	BIBLIOGRAFI	145

SENARAI KEPENDEKAN

KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
SAR	:	Sekolah Agama Rakyat
LPS/JPS	:	Lembaga Pengurusan Sekolah /Jemaah pengelola Sekolah
YIK	:	Yayasan Islam Kelantan
BPI JAIS	:	Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor
JASA	:	Jabatan Sekolah-Sekolah Agama Kelantan
YPINK	:	Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan
SABK	:	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAN	:	Sekolah Agama Kerajaan Negeri
SRAR	:	Sekolah Rendah Agama Rakyat
SMAR	:	Sekolah Menengah Agama Rakyat
JPS	:	Jemaah Pengelola Sekolah
SMAN	:	Menengah Agama Kerajaan Negeri Pahang
MMN	:	Majlis Mesyuarat Negeri
MAIK	:	Majlis Agama Islam Kelantan
MAIS	:	Majlis Agama Islam Selangor
LZS	:	Lembaga Zakat Selangor
SAS	:	Sekolah Agama Swasta
KSPK	:	Kurikulum Standart Pra Sekolah Kebangsaan
UKSA	:	Ujian Khas Saf Awal
PMRU	:	Sijil Menengah Rendah Ugama
SMU	:	Sijil Menengah Ugama

SMTQ	:	Sijil Menengah Tahfiz Quran
STUP	:	Sijil Tinggi Ugama Pondok
PMR	:	Penilaian Menengah Rendah
PT3	:	Penilaian Tingkatan 3
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
STAM	:	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	:	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
PSRA	:	Penilaian Sekolah Rendah Agama
UTH	:	Ujian Tilawah dan Hafazan
ITQAN	:	Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan
SMATD	:	Sijil Menengah Agama Turath & Dakwah
SKM	:	Sijil Kafa Menengah

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.5 (a) : Jenis-Jenis Kurikulum YIK dan BPI JAIS
- Jadual 3.5 (b) : Jenis-Jenis Peperiksaan YIK
- Jadual 3.5 (c) : Jenis-Jenis Peperiksaan BPI JAIS
- Jadual 3.7 : Gred Pemarkahan PSRA BPI JAIS
- Jadual 3.8 : Kepelbagaian Sekolah-Sekolah YIK Dan BPI JAIS
- Jadual 3.7.1 : Jenis-Jenis Guru YIK Dan BPI JAIS
- Jadual 4.1 : Jenis Kurikulum
- Jadual 4.2 (a) : Jenis Peperiksaan Dan Peratusan Bagi Sekolah Agama YIK Mengikut Tahun
- Jadual 4.2 (b) : Jenis Peperiksaan Dan Peratusan Bagi Sekolah Agama BPI JAIS Mengikut Tahun
- Jadual 4.5 : Peratusan SMTQ Dan SMATQ Mengikut Tahun
- Jadual 4.6 : Peratusan STUP dan SMATD Mengikut Tahun

SENARAI RAJAH

- Rajah 3.1 : Kategori Sekolah Agama YIK
- Rajah 3.2 : Pengurusan Tertinggi YIK
- Rajah 3.3 : Organisasi Pentadbiran BPI JAIS
- Rajah 3.4 : Kategori Sekolah Agama BPI JAIS
- Rajah 4.3 : Peratusan PSRA BPI JAIS Mengikut Tahun
- Rajah 4.4 : Peratusan SMU dan SMA Mengikut Tahun

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Apabila menelusuri sejarah pembentukan sekolah agama di Malaysia, secara khusus pembentukannya berjalan seiring dengan proses penyebaran Islam di Alam Melayu. Pembentukan sekolah agama berkait rapat dengan perkembangan Pendidikan Islam. Pendidikan Islam di Malaysia telah melalui tempoh masa yang panjang bermula sejak kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu lagi dan ia kekal sehingga ke hari ini. Tuntasnya, perkembangan pendidikan Islam di Malaysia tidak dapat dipastikan secara tepat bilakah ia bermula¹. Namun perkara ini dapat dilihat berdasarkan kepada latar belakang dan perkembangan agama Islam ke Negara ini.

Jika ditinjau sejarah kedatangan Islam ke Alam Melayu amnya dan ke Malaysia khususnya, para sejarawan berselisih pendapat tentang tarikh yang tepat kedatangannya.² Begitu juga dengan daerah yang mula-mula menerima Islam. Pedagang dan pengembara Arab yang menjelajah ke Barat dan ke Timur dunia juga adalah pendakwah yang berperanan dalam menyebarkan agama Islam dan pada masa yang sama turut menjadi pencetus kearah perkembangan pendidikan Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Bertitik tolak dari sinilah Pendidikan Islam mula mencatatkan sejarahnya di Malaysia.³

Pendidikan memainkan peranan penting dalam proses pembinaan Negara dan ummah. Ia menjadi saluran penting bagi penerusan budaya sesuatu bangsa disamping membentuk serta melahirkan suatu fenomena baru yang dapat mengubah tamadun bangsa. Perkembangan pendidikan adalah pencetus kearah perkembangan sekolah dan

¹ Muhd Nur Manutu, “Perkembangan Pendidikan Di Malaysia: Beberapa Analisa Kritis Terhadap Pemikiran-Pemikiran Asas Dalam Perspektif Sejarah”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil.2. Selangor: Angkatan Belian Islam Malaysia, 1984, 46.

² Muhd Nur Manutu, “Perkembangan Pendidikan Di Malaysia: Beberapa Analisa Kritis Terhadap Pemikiran-Pemikiran Asas Dalam Perspektif Sejarah,” 46.

³ Ahmad Kilani Mohamed, *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*, 24.

institusi pendidikan yang menjadi pusat penyebarannya. Sejak lahirnya agama Islam sehingga sekarang, institusi pendidikan Islam telah mengalami banyak perkembangan khususnya di Alam Melayu.

Pembentukan sekolah agama di Malaysia pada hari ini berasaskan kepada tiga peringkat perkembangan. Pendidikan Islam di peringkat awal kemunculan Islam adalah bersifat *non-formal* yang berlandaskan kepada pola kehidupan tradisional yang menyaksikan Pendidikan Islam tidak menghadapi persaingan dalam perkembangannya di Alam Melayu. Apabila penjajah Barat muncul, Pendidikan Islam mula disaingi dengan satu bentuk pendidikan baru yang sekular. Rentetan daripada sistem dualisme yang diperkenalkan penjajah, muncul pula tokoh-tokoh ulama yang mula memperkenalkan satu sistem Pendidikan Islam baru bagi menyaingi pendidikan yang diperkenalkan oleh Barat.⁴

Pendidikan Islam telah melalui pelbagai zaman dan mengalami pelbagai bentuk perkembangan yang melibatkan institusi-institusi Pendidikan Islam.⁵ Ia merupakan medium penting dalam usaha penerapan ilmu pengetahuan agama kepada para pelajar dan masyarakat tempatan. Ia juga merupakan usaha memberi pengetahuan tentang ajaran *diniah* yang berteraskan akidah, syariah dan akhlak. Penekanan diberikan kepada penghayatan akidah dan kepercayaan kepada Islam, perlaksanaan sistem ibadah umum dan khusus serta memberikan panduan dalam membentuk sikap kebertanggungjawaban terhadap diri, pencipta dan alam.⁶

⁴ Mohd Hairudin Amin (2012), *op.cit*, h. 1

⁵ Sabariah Hasan , *Hala Tuju Pengajaran Islam Di Malaysia*, 1.

⁶ Mohd Roslan Mohd Nor et al., “Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia”, *Jurnal Al-Tadib*, 6, 1, Januari 2011, 60-61.

Menurut Haron Din dan Sobri Salamon, perkembangan Pendidikan Islam di Semenanjung Malaysia secara kasarnya melalui empat tahap, iaitu melalui Institusi Rumah Imam atau Guru, Institusi Pondok, Institusi Madrasah serta Sistem Sekuler.⁷ Namun jika ditinjau secara menyeluruh, masih terdapat institusi-institusi lain yang turut berperanan besar dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan di awal perkembangan Islam di Malaysia, antaranya istana, masjid, surau, wakaf dan lain-lain.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa perkembangan institusi pendidikan pada zaman kegemilangan Islam turut mempengaruhi proses perkembangan pendidikan di Alam Melayu. Wan Hussain Azmi menyatakan bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu berlaku sekitar tahun 603 Masihi atau pertengahan abad ke-7 Masihi yang dibawa oleh para saudagar Arab. Di antara kurun tersebut, telah ramai pedagang dan pengembara Arab sampai ke Kepulauan Melayu. Mereka turut berperanan sebagai pendakwah yang memainkan peranan besar dalam pengembangan Islam serta Pendidikan Islam.⁸ Pada tahun 1414M, Raja Melaka pertama iaitu Parameswara (Megat Iskandar Syah) telah memeluk Islam dan dari situ sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu mula berkembang. Bagi memantapkan kefahaman tentang Islam, baginda mempelajari Islam daripada para ulama dan pendakwah yang berdakwah ke Melaka.⁹

Ekoran minat yang mendalam serta rasa kecintaan terhadap ilmu pengetahuan, istana dijadikan tempat mempelajari ilmu pada masa itu. Bukan setakat itu sahaja, para pemerintah turut memberikan sanjungan yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan Islam, ulama-ulama, kitab-kitab agama serta hari-hari kebesaran Islam. Ini membuktikan bahawa mereka mempunyai perasaan cinta yang mendalam terhadap Islam dan ilmu

⁷ Haron Din, *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1988), 16.

⁸ Ahmad Kilani Mohamed, *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah Huraian Menurut Perspektif Islam*, (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2003), 24.

⁹ Mohd Roslan Mohd Nor et al. 2011, 66

pengetahuan.¹⁰ Sejak mula diperkenalkan, pendidikan tersebut terus berkembang. Sistem pendidikan Islam yang diwujudkan pada waktu tersebut seperti kelas mengaji al-Quran. Ia merupakan pengajian utama kepada semua lapisan masyarakat ketika itu walaupun tidak dilakukan secara formal.¹¹ Pada waktu itu juga telah di perkenalkan huruf Jawi bagi memudahkan penduduk tempatan mempelajari huruf-huruf Arab yang menjadi tunjang kepada pembacaan al-Quran.¹²

Dalam pada itu, Balai turut berperanan sebagai medium perkembangan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat tempatan. Balai atau balaisah merupakan bangunan yang dijadikan sebagai pusat segala kegiatan, baik kegiatan mengajar maupun kegiatan solat berjemaah dan sebagainya. Besar atau kecil ukuran balai bagi sesebuah pondok bergantung kepada jumlah pelajar yang sedia ada. Jika jumlah pelajar bertambah banyak maka bangunan balai akan diperbesarkan. Biasanya balai didirikan bersambung dengan rumah tok guru.¹³ Wakaf turut berperanan dalam usaha melestarikan perkembangan pendidikan Islam di Alam Melayu. Wakaf merujuk kepada tempat persinggahan atau tempat bermalam para pedangang yang didirikan di sepanjang jalan perdagangan. Ia didirikan oleh pihak pemerintah dan ada sesetengah didirikan oleh orang berada. Ia berfungsi sebagai tempat rehat para pengembara atau tempat mendirikan solat apabila tiba waktunya. Wakaf turut dijadikan sebagai pusat perkongsian ilmu, bermuzakarah mengenai agama dan lain-lain pengetahuan.¹⁴

Sehari keseharian, pengajian agama semakin diminati, buktinya apabila bilangan mereka yang datang belajar di rumah guru bertambah dari semasa ke semasa sehingga

¹⁰ Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1995), 127.

¹¹ Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 3.

¹² Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya di Malaysia*, 131.

¹³ Abdul Latif Hamidong, “Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu”, (kertas kerja Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Melayu), Kuala Lumpur, bil. 2, J.28, 11-13 November 1986, 746.

¹⁴ Temubual bersama Imam Tua Haji Che Soh, kg Pasir Puteh RPT Batu Mengkebang, Kuala Krai pada 15 November 2014.

keadaan menjadi sesak. Dari situ proses pembelajaran di rumah guru mula berpindah ke masjid. Di dalam sejarah, masjid adalah satu-satunya institusi tertua yang dijadikan tempat untuk mempelajari ilmu pengetahuan.¹⁵ Keadaan yang sama juga wujud di Alam Melayu bilamana masjid turut dijadikan pusat utama dalam sistem pendidikan Islam bagi masyarakat setempat. Di samping masjid, surau dan balasoh turut menjadi penggerak kearah perkembangan ilmu pengetahuan di Alam Melayu.

Kemunculan institusi pondok menjadikan struktur pembelajaran agama menjadi lebih komprehensif, dinamik, tersusun, lengkap dan sempurna.¹⁶ Sistem pengajian pondok boleh dikatakan lebih kemas daripada penyampaian guru agama di rumah guru ataupun di surau.¹⁷ Struktur pengajian pondok berbentuk ‘*umumi* iaitu dengan cara menadah kitab dan duduk di sekeliling tuan guru dalam bentuk bulatan atau setengah bulatan yang di sebut *halaqah* tanpa kerusi, meja dan peralatan mengajar.¹⁸

Institusi pondok dikatakan mula berkembang ke Utara Tanah Melayu pada permulaan abad ke 19. Kebanyakan guru pondok di Tanah Melayu dalam kurun ke 19 dan awal kurun ke 20 terdiri daripada bekas-bekas pelajar pondok dari Pattani, Makkah dan Mesir.¹⁹ Mereka tidak dilatih secara khusus dalam pendidikan, namun pengajaran mereka berasaskan pengalaman yang ada. Kaedah mengajar yang biasa digunakan ialah secara syarahan.²⁰ Mereka inilah yang membawa balik cara pendidikan sekolah-sekolah pondok ke Tanah Melayu.²¹

¹⁵ Hanafi Mohamed, *Falsafah Pendidikan Menurut Al-Quran*, (Batu Caves, Selangor: Pustaka Ilmi, 1996), 46.

¹⁶ *Ibid.*, 187.

¹⁷ Ahmad Kilani, *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah Huraian Menurut Perspektif Islam*, 27.

¹⁸ *Ibid.*, h. 203

¹⁹ Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*, 203.

²⁰ Md. Miskan Kamari (1988), “Sistem Pentadbiran Sekolah Agama Dan Arab Negeri Johor: Satu Tinjauan Di Pejabat Agama Negeri Johor Dan Juga Tiga Buah Sekolah: Sekolah Men Arab (Maahad Johor), Sekolah Rendah Arab Al-Quran Waddin Dan Sekolah Agama Dato’ Abdullah Esa, Johor Bahru.” (latihan ilmiah Ijzah Sarjana, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 45.

²¹ Sobri Salamon, 18.

Maziah Yunus menyatakan bahawa institusi pondok merupakan pengajian agama terawal di Kelantan.²² Negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu merupakan tiga buah negeri yang banyak menubuhkan sekolah pondok. Di Kelantan, sekolah pondok mula di perkenalkan pada awal abad ke 19. Sementara itu, sekitar tahun 1870-an telah terdapat sekurang-kurangnya lapan buah sekolah pondok di negeri Kedah. Hal ini diyakini kerana pada tahun 1899, Kelantan, Kedah, Perlis dan Terengganu berada di bawah naungan kerajaan Siam, perhubungan ini memudahkan bagi anak-anak Melayu untuk pergi menuntut ilmu agama di sana, ekoran itu yang menjadi faktor pendorong ke arah kegemilangan sisitem pondok di negeri-negeri tersebut²³

Menjelang awal abad ke 20, lahir pula institusi yang lebih kemas tersusun yang merangkumi ilmu *aqliah* dan *naqliah*. Institusi ini dipelopori oleh golongan muda yang kembali dari Timur Tengah khususnya dari Al-Azhar. Institusi yang di maksudkan adalah madrasah atau juga dikenali sebagai sekolah agama. Lahirnya institusi pengajian madrasah ini terutama di Kedah, Kelantan dan Terengganu sekali gus mampu menyaingi sekolah-sekolah Melayu yang telah ditubuhkan oleh pihak penajah British pada akhir abad ke 19.²⁴

Madrasah atau Meunasah merupakan institusi pendidikan permulaan yang biasanya didirikan di setiap kampung. Para pelajar diajar membaca al-Quran, membaca dan menulis huruf Arab dan belajar perkara-perkara asas dalam Islam. Sistem pendidikan di madrasah lebih sistematik dan lebih formal daripada sistem pondok. Selain diajar ilmu agama, madrasah turut mengajar mata pelajaran Bahasa Arab,

²² Maziah Yunus, “Yayasan Islam Kelantan: Sejarah Dan Peranannya Dalam Pendidikan Islam Di Negeri Kelantan”, (latihan ilmiah Jabatan Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, (1988),16.

²³ Sobri Salamon, 19.

²⁴ Sabariah Hasan, 4

Matematik, Geografi dan sebagainya. Perkembangan sistem madrasah nizamiah yang lebih bersistem ini telah menyebabkan sistem pondok sedikit menurun.²⁵

Institusi madrasah di Alam Melayu umumnya muncul kira-kira pada awal abad ke 20 Masihi, iaitu melalui pengaruh daripada Gerakan Islah yang berlaku di Timur Tengah yang mula meluas di Asia Tenggara dan India.²⁶ Hakikatnya pendidikan agama di Tanah Melayu mengalami satu perkembangan baru sebaik sahaja sistem madrasah diperkenalkan, idea islah mulai meluas di kalangan masyarakat Islam sehingga menjadikan sistem pengajian madrasah pada ketika itu lebih bersifat sistematik dan formal. Kurikulumnya menyeimbangkan di antara ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah.²⁷ Dalam hal ini, Haron Din dan Sobri Salamon menyatakan bahawa institusi madrasah lebih formal daripada sistem pondok. Melalui institusi madrasah, mata pelajaran Islam tidak tertumpu kepada persoalan ibadah semata-mata, namun ia lebih komprehensif yang dilengkapi dengan mata pelajaran lain seperti Bahasa Arab, Ilmu Hisab, Geografi dan sebagainya²⁸.

Perkembangan institusi-institusi tersebut memainkan peranan penting dalam menggerak dan membangunkan sistem pendidikan Islam dan wujudnya sekolah-sekolah agama pada hari ini. Pendidikan Islam boleh dilihat sebagai satu sistem pendidikan sebagaimana yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama. Kini di Malaysia, terdapat berbagai jenis sekolah agama yang cuba melaksanakan pendidikan Islam sebagai satu sistem pendidikan sepertimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak-pihak swasta, badan-badan tertentu serta orang

²⁵ Mohd Hairudin Amin, 20.

²⁶ Muhammad Sarim Haji Mustajab “Islam Dan Perkembangan Dalam Masyarakat Melayu Di Semenanjung Tanah Melayu” (tesis sarjana, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia), Bangi: Selangor, (1975), 15

²⁷*Ibid*, 30.

²⁸ Haron Din, 19.

persendirian. Berdasarkan tinjauan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa jenis sekolah agama yang cuba dilaksanakan di peringkat sistem persekolahan.²⁹

Umumnya masyarakat kini telah sedar tentang peranan yang dimainkan oleh sekolah agama sebagai asas dalam proses pembangunan modal insan. Sekolah agama yang wujud pada hari ini telah mencakupi pelbagai bidang ilmu untuk diterokai beralaskan bukan semata-mata bidang *naqliyah* namun turut dilengkapi dengan ilmu *aqliyah*, sains dan teknologi. Perkara ini telah dikembangkan demi mencapai keseimbangan ilmu dalam proses pembelajaran. Apa yang pasti aspek agama dan keperluan akademik tidak boleh dipisahkan malah perlu disepadukan di antara kedua-duanya.³⁰

Oleh itu, jika ditinjau sekolah agama yang terdapat di Malaysia pada hari ini, pengkaji boleh membahagikannya kepada beberapa kategori berdasarkan pentadbiran, antaranya sekolah agama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Sekolah Menengah Agama Negeri, sekolah agama dibawah kelolaan Majlis-Majlis atau Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri, Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dibangunkan oleh masyarakat setempat dan dikendalikan oleh Lembaga/Jemaah Pengurusan Sekolah (LPS/JPS) di peringkat rendah dan menengah. Malah kini Sekolah Agama yang dikendalikan oleh pihak swasta juga ada yang meliputi peringkat rendah dan menengah, tidak ketinggalan juga sekolah agama jenis Maahad Tahfiz serta berbagai-bagai jenis lagi, samaada menjadi milik persendirian, kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat dan sebagainya.³¹

²⁹ Abdul Halim Tamuri et al, “Nilai, Amalan Dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat Hingga Kini”, (kajian bersama Fakulti Pendidikan Malaysia Dan Universiti Teknologi Malaysia, 2009), 10.

³⁰ Hairunnizam Wahid et al, Pembangunan Modal Insan Melalui Pendidikan Sekolah Agama: Kajian Awal Di Sekolah Menengah Agama Bandar Baru Salak Tinggi: Selangor, (T.T), 5.

³¹ Sabariah Hasan, *Hala Tuju Pengajian Islam DiMalaysia* (Putrajaya: Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia, 2010), 4.

Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji mengambil peranan untuk mengenalpasti bagaimakah sistem pengurusan sekolah-sekolah agama yang terdapat di Malaysia pada hari ini, khususnya sekolah agama di Kelantan dan Selangor. Umumnya mengetahui bahawa sekolah agama di negeri Kelantan pada hari ini berada di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK), manakala sekolah agama di peringkat negeri Selangor pula berada di bawah bidang kuasa Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor (BPI JAIS).

1.2 PENGERTIAN TAJUK

Tajuk merupakan sesuatu yang amat penting, tanpa tajuk tidak mungkin berlakunya kajian. Oleh kerana itu, untuk mendapatkan suatu kajian yang bertepatan dengan kehendak tajuk, terlebih dahulu perlulah difahami maksud tajuk yang sebenarnya.

Merujuk kepada tajuk kajian **PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA DI MALAYSIA: PERBANDINGAN ANTARA YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK) DAN BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM (BPI) JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**. Jika dilihat kepada setiap istilah yang terkandung pada tajuk tersebut ianya mengandungi maknanya yang tersendiri.

Pengurusan, antara definisi yang dikemukakan oleh para Sarjana Arab moden tentang pengurusan boleh disimpulkan seperti berikut, “pengurusan pendidikan ialah satu usaha menggunakan sumber manusia dan kemudahan fizikal kearah menjayakan sesuatu matlamat. Wan Azmi Ramli turut menggunakan istilah pengurusan sebagai sebuah organisasi. Menurut beliau, organisasi ditubuhkan untuk kepentingan sesebuah masyarakat. Ia dikelolakan dengan rapi, disusun dengan baik, diatur dengan sempurna agar setiap yang terlibat dapat berhubung dan mengambil tindakan sesama mereka. Lazimnya ia memberikan penekanan kepada peraturan-peraturan struktur rasmi yang

diwujudkan antara ahli-ahli organisasi tersebut supaya dapat bekerjasama mencapai sesuatu tujuan.³²

Menurut Prof. Hassan Mustapha, pengurusan sekolah ialah suatu usaha yang dilakukan oleh lebih daripada seorang individu dengan cara bekerjasama dan saling memahami antara satu sama lain dengan setiap individu berusaha dalam batas kemampuannya memberi khidmat untuk memperbaiki sistem pendidikan dan pengajaran dan menjayakan matlamat masyarakat secara umum.³³

Menurut Prof. Hikmak Abdullah Al- Bazzar dalam satu penyelidikan yang berjudul “*Idarah Al- Madrasah Al- Ibtida’iyah: Taktit Wa Taqwim*”, pengurusan sekolah ialah satu sistem pengurusan yang berkaitan dengan aspek-aspek dalaman dan luaran sekolah menggunakan pendekatan kerjasama kearah menjayakan objektif pendidikan.³⁴ menurut Kamus Dewan Edisi Ke Empat ialah perihal (kerja dsb) mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan, dll)³⁵

Daripada definisi yang dikemukakan diatas, boleh disimpulkan bahawa pengurusan ialah beberapa usaha yang dilaksanakan secara terancang, melibatkan kerjasama sekelompok manusia yang berusaha secara berterusan menyediakan persekitaran yang kondusif, psikologi dan material yang sesuai dengan menghimpunkan sumber fizikal dan sumber tenaga manusia yang diarahkan kepada mencapai objektif pendidikan secara berkesan.³⁶

³² Azizi Umar, Masalah Pengurusan Dan Keperluan Sekolah Agama Rakyat/ Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain Persendirian di Selangor, Pusat Pengajian Umum, UKM,137.

³³*Ibid.*

³⁴ Sabariah Hasan, *Hala Tuju Pengajian Islam DiMalaysia*, 7.

³⁵ Sheikh Othman Bin Sheikh Salim et al, Kamus Dewan Edisi Baru, Kuala Lumpur: DBP, 578.

³⁶ Azizi Umar, Masalah Pengurusan Dan Keperluan Sekolah Agama Rakyat, 180.

Sekolah Agama menurut Nawawee dalam suatu tinjauan ringkas berkenaan dengan tajuk “proses pendidikan berorientasikan Agama/Arab” menyatakan:

“perkataan sekolah adalah suatu perkataan yang paling ketara kepada kita semua. Ianya boleh dikonseptkan kepada kegunaan yang digunakan untuk kerja-kerja pendidikan dalam konteks yang lebih formal. Formalitinya itulah yang membezakan dengan kelas-kelas membaca al-Quran yang biasa diadakan di rumah-rumah sahaja atau bangunan-bangunan kecil yang diperkenalkan yang berkaitan dengan perkembangan Islam, dikenali sebagai “kelas al-Quran yang dibina berhampiran dengan masjid-masjid. Perkataan Agama atau Arab pula memberi maksud mata pelajaran-mata pelajaran yang diajar di sesebuah sekolah berkenaan merangkumi semua mata pelajaran yang berkaitan dengan agama Islam seperti yang berkaitan dengan Tauhid, Fiqh, Tafsir, Hadis dan Bahasa Arab sendiri”³⁷

Oleh itu Sekolah Agama dapat diertikan sebagai institusi yang berfungsi dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran serta menerima ilmu pengetahuan yang berkaitan hal keagamaan serta yang bersangkutan dengan ajaran Islam. Adapun ianya juga difahami sebagai sekolah Arab samaada rendah atau menengah yang menjadikan mata pelajaran agama sebagai pelajaran utama di sekolah-sekolah tersebut³⁸ atau kata lain sekolah agama beridentitikan kepada perlaksanaan kurikulum *diniah*.³⁹ Sekolah ugama turut dikenali dengan sekolah rakyat atau sekolah Arab⁴⁰.

Tuntasnya sekolah agama di Malaysia merujuk kepada sekolah yang mengajarkan agama, iaitu Pendidikan Islam dan cabang ilmu berkaitan dengan Pendidikan Islam. Menurut Enakmen Pengawalan Sekolah Agama Islam 1991, sekolah agama bermaksud mana-mana sekolah agama dalam negeri Johor atau mana-mana tempat termasuklah masjid, madrasah, surau, Pusat Islam, pondok, Balai Islam dan tadika yang mempunyai lima orang atau lebih, mempelajari atau akan diajar mata pelajaran yang berkaitan

³⁷ Nawawee Mohammad, “Proses Pendidikan Berorientasikan Agama/ Arab,” 37.

³⁸ Che Som Bte Mansor “Pendidikan Islam Di Sekolah-Sekolah Agama Di Pasir Mas, Kelantan”, (latihan ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 1989), 10.

³⁹ Azizi Umar et.al, “Cabaran Melahirkan Ulama Melalui Pelaksanaan Kurikulum Diniah Di Sekolah Agama Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan” (prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN)IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, Pusat Pengajaran Umum, Institusi Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor, t.t), 98.

⁴⁰ Mohamad Yaacob “Dakwah Islam Kerajaan Kelantan 1978-1984” (tesis, Jabatan Pengurusan Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1998), 37.

agama Islam tetapi tidak termasuk mana-mana sekolah agama yang berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kerajaan Negeri.⁴¹

Yayasan Islam Kelantan (YIK) merupakan sebuah agensi agama kerajaan negeri Kelantan yang diamanahkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan Islam dan pengajian bahasa Arab dalam kalangan penduduk negeri tersebut. Penubuhan asalnya ialah pada 1 Januari 1974 yang terletak di bawah penguatkuasaan Enakmen Kelantan 9/1968. YIK ditubuhkan pada 1 Julai 1974 dengan nama Jabatan Sekolah-Sekolah Agama Kelantan (JASA). Pada 1 Jun 1979 namanya telah diubah menjadi Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) dan seterusnya menjadi YIK pada 1 Mac 1983.⁴²

Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor (BPI JAIS). BPI JAIS merupakan sebuah sektor yang telah dibertanggungjawabkan oleh JAIS untuk mentadbir urus bahagian pendidikan islam kepada anak-anak orang Islam di negeri Selangor. BPI JAIS merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam mengurus pendidikan Islam di negeri Selangor seperti yang diperuntukkan kuasa oleh pihak Berkuasa Negeri dan Bahagian 10 Seksyen 120 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 serta Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Islam 1988 (Enakmen No. 2/1988).⁴³

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Agama mempunyai peranan yang penting dalam membina masyarakat bertamadun. Kesedaran akan kepentingan kepada agama semakin meningkat dalam kalangan masyarakat pada hari ini, khususnya bagi mereka yang bergelar ibubapa. Hakikatnya

⁴¹ Mohd Aminudin Amin, *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu Dan Cabaran*, (Johor Bahru, UTM Press 2012), 55.

⁴² <http://www.yik.edu.my/v3/index.php/my/mengenai-kami/sejarah-yik>, 12 April 2015

⁴³ <http://www.jais.gov.my/artikel/pendidikan-islam-0>

ibubapa sememangnya menginginkan asas pendidikan yang terbaik buat anak-anak mereka. Ekoran dari kesedaran itulah, pendidikan agama kini semakin mendapat tempat di hati masyarakat. Jika ditinjau dengan keadaan semasa, pendidikan agama dapat dilestarikan melalui sistem pengajaran dan pembelajaran. Ekoran dari situ, pendidikan agama kini telah disistemkan sebagai institusi persekolahan agama.

Buktinya, sekolah agama di Malaysia kini dilihat semakin berkembang dari sehari keseharian. Perkembangan tersebut dinilai berdasarkan pelbagai aspek, antaranya dari sudut pentadbiran dan kelolaan, samaada sekolah agama KPM, sekolah agama kelolaan Majlis/ Jabatan Agama Islam Negeri, sekolah agama kelolaan Yayasan-Yayasan Islam Negeri, Sekolah Agama Swasta, sekolah agama milik persendirian, badan-badan NGO dan sebagainya. Tambahan lagi, sekolah agama kini turut tersedia dengan pelbagai bentuk, peringkat serta aliran. Sekolah agama kini bukan sahaja memberi penekanan terhadap aspek pengajian agama semata-mata, namun ia telah diintegrasikan atau dengan kata lain diseimbangkan dengan pelbagai bentuk sukanan, seperti digabungkan kurikulum akademik, *diniah*, *tahfiz*, *qiraat*, sains, teknologi dan sebagainya. Keadaan ini menggambarkan bahawa sekolah-sekolah agama di Malaysia kini telah melalui satu bentuk perkembangan yang positif.

Seperti yang dimaklumkan bahawa sekolah agama yang wujud pada hari ini berada di bawah kelolaan yang pelbagai khususnya sekolah-sekolah agama di peringkat negeri. Ekoran dari ketidakseragaman dalam pengurusan sekolah-sekolah agama di peringkat negeri ini yang menjadi pokok pangkal kepada kajian ini. Rentetan daripada permasalahan tersebut, penulis telah merumuskan beberapa persoalan kajian, antaranya:

1. Bagaimanakah latar belakang perkembangan sekolah-sekolah agama negeri di Kelantan dan Selangor?

2. Bagaimanakah sistem pengurusan sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS.
3. Adakah wujud persamaan/perbezaan pengurusan diantara YIK dan BPI JAIS?
4. Sejauh manakah pengurusan sekolah agama YIK dan BPI JAIS dapat membantu memperkembangkan institusi sekolah agama masa kini?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan matlamat khusus yang mengandungi lebih daripada satu tujuan. Tujuan objektif kajian adalah untuk mengenalpasti maksud tersurat dan kepentingan sesebuah kajian yang akan dijalankan. Oleh itu, objektif kajian merupakan suatu aspek penting dalam setiap kajian dan ianya sebagai landasan utama kepada pengkaji dalam meneruskan pengkajian ini. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai tiga objektifnya yang tersendiri, antaranya:

1. Mengkaji corak perkembangan sekolah-sekolah agama negeri di Kelantan dan Selangor.
2. Mengenalpasti unit-unit pengurusan sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS.
3. Menghuraikan persamaan/perbezaan pengurusan YIK dan BPI JAIS dari sudut pengurusan kurikulum, peperiksaan dan sekolah.
4. Mengenalpasti kesediaan pengurusan YIK dan BPI JAIS dalam membantu hala tuju negeri dalam memperkasakan sekolah-sekolah agama masa kini.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Islam secara umumnya menggalakkan proses menuntut ilmu. Bahkan wahyu pertama yang diturunkan kepada baginda s.a.w juga berkaitan galakan menuntut ilmu. Demi mencapai keseimbangan dalam menuntut ilmu, Islam menggalakkan ummatnya untuk

menyeimbangkan diantara ilmu *diniah* dan juga akademik. Ekoran daripada kesedaran tersebut, maka pihak-pihak berwajib telah mengambil inisiatif membentuk medium yang mampu menggabungjalinkan diantara komponen-komponen utama dalam sistem pengajian dan pendidikan. Ekoran dari itu lahirnya kepelbagaiannya jenis sekolah-sekolah agama seperti mana yang wujud pada hari ini.

Secara umumnya, sekolah agama di Malaysia berada di bawah pentadbiran dan bidang kuasa yang berbeza. Ringkasnya di sini, sekolah agama boleh dibahagikan kepada beberapa katogari utama, antaranya sekolah agama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah agama kelolaan Jabatan/ majlis Agama Islam Negeri, Yayasan-Yayasan Islam Negeri, Sekolah Agama Swasta milik NGO, persendirian dan sebagainya.

Terbentuknya sekolah agama seperti yang sedia ada pada hari ini adalah berasaskan Sekolah Agama Rakyat (SAR). SAR merujuk kepada sekolah yang mengajarkan ilmu agama iaitu Pendidikan Islam dan cabang ilmu yang berkaitan.⁴⁴ Ia merupakan sekolah agama dan Arab yang dikendalikan oleh rakyat pada awalnya dari segi pentadbiran, kewangan, pengurusan, sukan dan lain-lain. SAR terletak di bawah kuasa persendirian, namun ia digalakkan supaya mendaftar dengan Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri. Pendaftaran ini bertujuan untuk memudahkan pihak kerajaan (negeri dan pusat) menyalurkan apa-apa bantuan dan nasihat kepada sekolah-sekolah berkenaan.⁴⁵

SAR diawalnya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat tempatan, namun disebabkan kekangan-kekangan tertentu maka pihak yang bertanggungjawab mula mengambil alih tugas pentadbirannya demi untuk mempertahankan kewujudan sekolah-sekolah tersebut, seperti SMKA dan SABK

⁴⁴ Mohd Hairudin Amin, *Sekolah Agama DiMalaysia: Sejarah Isu Dan Cabaran* (Johor: UTM Press, 2012), 55.

⁴⁵ Ahmad Kilani Mohamed, *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam* (Universiti Teknologi Malaysia: Johor, 2005), 37.

yang wujud pada hari ini.⁴⁶ Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) merupakan SAR yang ditadbir oleh kementerian melalui proses pendaftaran dan dijadikan SABK, ia ditadbir bersama antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan.⁴⁷

Sekolah Agama Kerajaan Negeri (SAN) juga merupakan di antara salah satu jenis sekolah agama yang wujud di Malaysia pada hari ini. Kemunculan SAN berasal daripada SAR yang diambil alih oleh kerajaan negeri sepenuhnya dan sekarang menjadi milik kerajaan negeri. SAN terletak di bawah pengawasan Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri. Walau bagaimanapun di sesetengah negeri, SAN diletakkan di bawah badan-badan tertentu yang bertanggungjawab menggubal dasar serta mentadbir sekolah berkenaan seperti mana yang terdapat di Kelantan dan Melaka, SAN Kelantan diselenggara oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK), dan di Melaka pula oleh Lembaga Pendidikan Islam Melaka.⁴⁸

Di antara lain, sekolah agama di bawah kelolaan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri yang meliputi peringkat rendah dan menengah. Sekolah agama yang berada di bawah kelolaan dan kawalan Majlis Agama Islam Negeri hanya meliputi dua jenis sahaja, iaitu Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR). SMAR ini pula terbahagi kepada dua iaitu SMAR yang dibantu sepenuhnya oleh majlis agama dan SMAR yang dibantu sebahagian sahaja dan pemberian yang selebihnya ditampung oleh Jemaah Pengelola Sekolah (JPS) serta masyarakat setempat, seperti mana yang wujud di negeri Johor serta lain-lain negeri.⁴⁹

Kemunculan Sekolah Tahfiz ataupun Maahad Tahfiz turut menjadi petanda bahawa kepelbagaiannya sekolah agama kini semakin berkembang dari sehari ke sehari, pemilikannya pula samaada menjadi milik persendirian, kerajaan negeri maupun

⁴⁶Ibid., 35.

⁴⁷ Nik Azis Nik Pa et al., *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan Islam DiMalaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd, 2008) ,627.

⁴⁸Ibid., 35.

⁴⁹ Mohd Hairudin Amin et al., *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlaq* (Johor: UTM Press, 2011), 56.

kerajaan pusat.⁵⁰ Tuntasnya, kewujudan sekolah agama kini bermula dari peringkat rendah iaitu prasekolah, sekolah rendah diikuti peringkat menengah. Secara umumnya sekolah agama kini merupakan institusi yang dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan, Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri, Lembaga atau Jemaah Pengurus Sekolah mahupun pembiayaan sendiri oleh individu-individu.⁵¹

Fahamilah di sini bahawa kewujudan sekolah agama kini meliputi pelbagai jenis, aliran, bentuk dan peringkat. Kepelbagaian pihak pentadbiran yang telah melahirkan kepelbagaian sekolah-sekolah agama tersebut, samaada dibawah kelolaan Kementerian Pendidikan, Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri, Jemaah Pengurusan Sekolah, milikan persendirian, pihak swasta dan sebagainya. Kewujudan kesemua ini menggambarkan bahawa pengajian Islam telah mendapat tempat di hati masyarakat, jika tidak mana mungkin sekolah agama kini mampu berkembang serta wujud dalam berbabagai-bagai bentuk serta aliran.

Ekoran dari itu, melalui kajian ini maka pengkaji akan cuba mengupas hal berkaitan pengurusan sekolah agama yang wujud di Kelantan di bawah kelolaan YIK dan sekolah agama di Selangor kelolaan JAIS. Di sini penulis tidak menafikan bahawa terdapat banyak hasil kupasan yang berkaitan sekolah agama yang telah disingkap dalam pelbagai aspek, antaranya berkaitan matlamat penubuhan sekolah agama, sejarah penubuhan, serta lain-lain aspek, namun pada masa yang sama sukar bagi penulis untuk menemui kajian-kajian yang berbentuk perbandingan seperti mana yang dilakukan ini. Oleh itu, kajian ini mempunyai beberapa keistimewaan dan kepentingan, antaranya:

1. Dapat mengetahui latar belakang perkembangan sekolah-sekolah agama negeri di Kelantan dan di Selangor.
2. Dapat mengetahui unit-unit pengurusan YIK dan BPI JAIS.

⁵⁰Sabariah Hasan, *Hala Tuju Pengajian Islam DiMalaysia* (Putrajaya: Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia, 2010), 1.

⁵¹Ahmad Kilani Mohamed, *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam.*, 35.

3. Dapat mengetahui persamaan/perbezaan pengurusan yang dilaksanakan oleh YIK dan BPI JAIS terhadap sekolah-sekolah agama kelolaan.
4. Dapat dijadikan bahan rujukan serta model kajian bagi para pengkaji akan datang sekali gus dapat memperkasakan lagi pengetahuan tentang pengurusan sekolah agama di YIK dan JAIS.

1.6 BATASAN KAJIAN

Dalam menghasilkan sesuatu penulisan, skop kajian memainkan peranan yang amat penting di mana ia akan membatasi kajian sehingga kajian tidak lari dan bersesuaian dengan tajuk yang telah ditentukan. Dalam membicarakan skop kajian ini, pengkaji menumpukan perbincangan berkisarkan kepada 3 aspek pengurusan utama, antaranya yang melibatkan:

- i. Pengurusan Kurikulum
- ii. Pengurusan Peperiksaan
- iii. Pengurusan Sekolah
- iv. Pengurusan Guru

1.7 SOROTAN PERPUSTAKAAN

Perkembangan sekolah agama semakin hari semakin berkembang. Buktinya sekolah agama kini wujud dalam pelbagai pentadbiran dan kelolaan seperti mana sekolah agama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sekolah agama kelolaan Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri, Yayasan-Yayasan Islam Negeri, Sekolah Agama Swasta milik NGO, persendirian dan sebagainya. Tambahan lagi, sekolah agama yang wujud hari ini juga meliputi pelbagai aliran dan bentuk yang telah digabungjalinkan dengan pelbagai sukanan kurikulum seperti akademiki, diniah, tafsir, qiraat, sains, teknologi dan sebagainya.

Oleh itu berdasarkan tinjauan pengkaji terhadap kajian-kajian terdahulu didapati bahawa telah wujud banyak kajian mengenai sekolah agama. Kajian berkaitan telah wujud dari dahulu lagi, lebih-lebih lagi pada hari ini. Perkara ini berlaku ekoran daripada perkembangan sekolah agama yang semakin berkembang pesat pada masa kini dan ianya telah menjadi faktor dorongan dan galakan kepada para pengkaji untuk menjalankan kajian-kajian berkaitan. Namun melalui kajian-kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa masih tidak dapat ditemui hasil kajian terkini dan baharu yang berkaitan sekolah agama yang seumpama yang ingin dilakukan oleh pengkaji. Di sini pengkaji tidak menafikan bahawa terdapat banyak kajian-kajian yang berkaitan sekolah agama, antaranya kajian-kajian yang bertemakan sekolah agama di seluruh negeri di Malaysia, kajian-kajian lepas yang bertemakan sekolah agama di negeri-negeri tertentu seperti Terengganu, Perak, Kelantan, Selangor dan sebagainya. Kajian-kajian lepas yang bertemakan sekolah agama kelolaan Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri serta Yayasan-Yayasan Islam Negeri di samping kajian-kajian perbandingan diantara sekolah-sekolah agama dan sebagainya.

Pokok pangkalnya di dalam kajian ini, pemfokuskan utama kajian adalah melibatkan kajian perbandingan diantara sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan JAIS. Oleh itu, ingin sekali pengkaji menegaskan di sini bahawa daripada hasil-hasil kajian tersebut, pengkaji juga tidak menafikan bahawa kajian berkaitan sekolah agama kelolaan YIK dan kelolaan JAIS juga telah ditemui, namun dalam masa yang sama pengkaji tidak dapat menemui hasil kajian khusus yang melibatkan perbandingan diantara sekolah agama yang wujud di bawah kelolaan YIK dan JAIS. Ekoran dari itulah, ianya memberi galakan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian seumpama ini dengan tujuan dan harapan agar dapat menghasilkan sesuatu kajian baharu dan terkini.

Bagi mengukuhkan lagi keperluan kepada kajian yang akan dijalankan ini, pengkaji akan cuba menyenaraikan kajian-kajian lepas yang berkaitan sekolah agama. Kajian-kajian tersebut disenaraikan berdasarkan tema dan susunan setiap tema mengikut kronologi. Berikutan dari itu, penulis telah membagikannya kepada empat tema utama:

1.7.1 Kajian bertemakan sekolah agama di Malaysia

Institusi Pendidikan Islam atau turut di kenali kini sebagai sekolah agama secara khususnya meliputi pelbagai bentuk dari jenis pemilikan, sistem, peringkat pengajian, kurikulum dan konsep identiti pengajaran tambahan. Melalui penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian berkaitan yang bertemakan sekolah agama di seluruh Malaysia dapat diteliti melalui beberapa hasil kajian, antaranya Roslan Hussin (2003) yang membincangkan hal berkaitan SAR di dalam kajian beliau yang bertajuk, Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat Di Negeri Perak. Melalui kajian tersebut, pengkaji telah menjadikan 33 buah SAR di Perak sebagai lokasi kajian.⁵²

Yusri Bin Chek (2005), Pelajaran Tajwid Al-Quran Di Malaysia: Kajian Terhadap Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran Di SMKA Kuala Lumpur. Perfokusan kajian beliau turut tertumpu di sekolah agama kementerian iaitu di SMKA Kuala Lumpur yang memfokuskan tentang keberkesanan pengajian tajwid dalam kalangan pelajar.⁵³ Mukhamad Hadi Musolin Subagio (2006), “Peranan Sekolah Menengah Agama Rakyat Negeri Kedah Di Dalam Pendidikan Islam: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Agama (Arab) Yayasan Khairiah Kampung Pisang.” Melalui kajian

⁵² Roslan Hussin, “Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat Di Negeri Perak”, (tesis Fakulti Pendidikan Islam, UKM, Bangi, 2003).

⁵³ Yusri Bin Chek, “Pelajaran Tajwid Al-Quran Di Malaysia: Kajian Terhadap Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran Di SMKA Kuala Lumpur”, (Disertasi M. Usuluddin, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005).

tersebut, penulis telah memfokuskan tentang keberkesanan SMAR Negeri Kedah dalam keberjayaan membentuk para pelajar dalam aspek sahsiah dan akademik.⁵⁴

Zawawi Ismail (2011), “Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA di Malaysia”. Melalui kajian tersebut, para pengkaji telah menjadikan 16 buah SMKA di Malaysia sebagai lokasi kajian yang dibahagikan kepada empat zon, iaitu Zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Pemfokusan kajian tersebut kepada teknik pengajaran kemahiran bertutur yang digunakan dalam mengajar bahasa Arab di SMKA terpilih berdasarkan penilaian guru dan juga pelajar.⁵⁵

Kamaruzaman Yusoff dan Azizi Umar (2012), “Sekolah Agama Islam Di Pahang: Satu Kajian Sejarah Dan Perkembangan Awal.” Secara umumnya, kajian tersebut membincangkan sejarah perkembangan awal Sekolah Agama Rakyat di Pahang di samping faktor-faktor pendorong pengambilalihan SAR oleh Kerajaan Negeri Pahang sehingga terbentuknya Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Pahang (SMAN). Hasil kajian turut menyatakan bahawa pengambil alihan SAR oleh kerajaan bertujuan untuk menjadikan pengurusan dan pentadbiran agama lebih baik di samping untuk melengkapkan prasarana dan pembangunan fizikal sekolah untuk kemudahan pengajaran dan pembelajaran.⁵⁶

Di samping SMAN, SABK turut dijadikan sebagai sekolah kajian oleh para penyelidik terdahulu. Perkara tersebut telah dikaji oleh Roszaini Bin Mohd Zainal (2013). Melalui kajian beliau yang bertajuk Tanggapan Pentadbir Dan Lembaga Pengelola Sekolah Terhadap Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Dalam Mengkalkan Identiti Sekolah Agama Rakyat Di Daerah Pontian. Pengkaji telah mengkaji situasi

⁵⁴ Mukhamad Hadi Musolin Subagio, “Peranan Sekolah Menengah Agama Rakyat Negeri Kedah Di Dalam Pendidikan Islam: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Agama (Arab) Yayasan Khairiah Kampung Pisang”, (dissertasi M. Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

⁵⁵ Zawawi Ismail et.al, “Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA DiMalaysia”, *Journal Of Language Studies* 11, bil. 2, (2011), 67.

⁵⁶Kamaruzaman Yusoff et.al, “Sekolah Agama Islam Di Pahang: Satu Kajian Sejarah Dan Perkembangan Awal, (tesis/penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2012),14.

terkini yang sedang dihadapi oleh SABK berkaitan isu dan cabaran selepas mengalami perubahan kepada SABK, disamping mengenalpasti identiti SAR yang masih kekal selepas perubahan kepada SABK. Menurut beliau lagi, hasil kajian menunjukkan bahawa aspek kokurikulum dan sahsiah merupakan identiti SAR yang masih kekal di sekolah-sekolah tersebut, namun dari sudut kurikulum memperlihatkan masih terdapat keimbangan dan kerisauan dari segi jaminan.⁵⁷

1.7.2 Kajian bertemakan sekolah agama YIK

Melalui penelitian pengkaji terhadap hasil-hasil kajian terdahulu yang bertemakan sekolah agama di Kelantan umumnya, dan sekolah agama kelolaan YIK secara khususnya, maka pengkaji merumuskan bahawa agak kurang dan sukar untuk ditemui kajian-kajian berkaitan. Dalam masa yang sama, pengkaji tidak menafikan bahawa banyak hasil-hasil kajian yang berkaitan telah dikaji di peringkat sarjana muda, malangnya tema-tema berkaitan terhenti di peringkat itu sahaja, dan tidak diperkembangkan ke peringkat sarjana dan PhD. Tambahan lagi, sukar juga untuk pengkaji temui hasil-hasil kajian dari tahun-tahun terkini dan kajian terbaru yang berjaya ditemui pada tahun 2007. Buktinya hanya beberapa buah kajian sahaja yang berjaya ditemui pengkaji, antaranya melalui hasil kajian Mohd Suzli bin Abdullah (1997) dalam kajian Sarjananya yang bertajuk Permasalahan Aktiviti Ko-Kurikulum Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan Daerah Pasir Mas. Kajian tersebut di jalankan untuk mengenalpasti aktiviti ko-kurikulum, 7 orang pengetua, 70 orang guru ko-kurikulum dan 280 orang pelajar telah menjadi sampel kajian.⁵⁸

⁵⁷ Roszaini Bin Mohd Zainal, “Tanggapan Pentadbir Dan Lembaga Pengelola Sekolah Terhadap Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Dalam Mengelakkan Identiti Sekolah Agama Rakyat Di Daerah Pontian”, (tesis sarjana Fakultti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor, 2013), 71.

⁵⁸ Mohd Suzli bin Abdullah, “Permasalahan Aktiviti Ko-Kurikulum Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan Daerah Pasir Mas”, (tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah, 1997), 3.

Noraini Mohd Zain (2002) pula membuat kajian tinjauan terhadap aspek Pengajian Al-Quran Di Kelantan: Tumpuan Kepada Sekolah-Sekolah Di Yayasan Islam Kelantan.⁵⁹ Aubaidillah Bin Yusof (2003), Pengajian “Tasawwur Islam” Dan Kesannya Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Ugama, Yayasan Islam Kelantan. Umumnya berdasarkan tinjauan, pengkaji telah menegaskan bahawa Tasawwur Islam menjadi salah satu asas dalam pembentukan individu dan para pelajar, dan hasil kajian turut menyokong terhadap penegasan yang dinyatakan.⁶⁰ Mohd Sidek bin Mamat (2005), Pengajian Seni Khat di Sekolah Menengah Ugama (ARAB) Maahad Muhammadi (Lelaki), Kota Bharu: Kajian Tentang Kaedah Dan Keberkesanannya. Kajian beliau telah menyelitkan tentang sejarah penubuhan Maahad Muhammadi sebagai institusi terawal yang muncul di Kelantan, di samping pemfokusan terhadap pencapaian para pelajar dalam Seni Khat.⁶¹ Nik Mohd Rahimi (2006), Tahap Kemahiran Kefahaman Mendengar Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri. Kajian ini telah di jalankan di 16 buah Sekolah Menengah Agama Negeri di bawah pentadbiran YIK, manakala 165 responden daripada tingkatan dua terlibat dalam kajiant tersebut.⁶² Antara lain, hasil pengkajian Arba’iyah Mohd Noor (2007), “Perkembangan Pendidikan Islam Di Kelantan”. Melalui hasil kajian tersebut, beliau telah menjelaskan tentang sejarah perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan yang berasaskan perkembangan pengajian pondok, diikuti dengan perkembangan sekolah pondok, pembentukan sekolah agama MAIK sebelum bidang

⁵⁹ Noraini Mohd Zain, “Pengajian Al-Quran Di Kelantan: Tumpuan Kepada Sekolah-Sekolah Di Yayasan Islam Kelantan” (disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2002), 8.

⁶⁰ Aubaidillah Bin Yusof, “Pengajian “Tasawwur Islam” Dan Kesannya Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Ugama, Yayasan Islam Kelantan” (disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2003), 11

⁶¹ Mohd Sidek Bin Mamat, “Pengajian Seni Khat Di Sekolah Menengah Ugama (ARAB) Maahad Muhammadi (Lelaki), Kota Bharu: Kajian Tentang Kaedah Dan Keberkesanannya” (dissertation (M. Usuluddin), Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005).

⁶² Nik Mohd Rahimi, “Tahap Kemahiran Kefahaman Mendengar Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri” (*Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia* 45, (2006), 86.

pentadbiran bertukar kepada YIK serta perkembangan Sekolah Agama Rakyat di bawah seliaan masyarakat tempatan.⁶³ Berlandaskan kajian-kajian tersebut, pengkaji akan cuba mengetengahkan kajian berkaitan sekolah agama di Kelantan dari sudut yang berbeza dari kajian-kajian yang sedia ada.

1.7.3 Kajian bertemakan sekolah agama BPI JAIS

Umumnya di Selangor, sekolah agama yang dikendalikan oleh kerajaan negeri berada di bawah sistem pentadbiran JAIS. Secara kasar, sekolah agama JAIS meliputi dua peringkat, iaitu peringkat rendah dan menengah. Masing-masing di peringkat tersebut meliputi berbagai jenis antaranya Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Sekolah Agama Menengah (SAM) dan Maahad Tahfiz.⁶⁴

Kepelbagaian sekolah agama JAIS itu boleh dilihat melalui kajian rintis yang telah dihasilkan bersama antara Jafarry Awang et al (2008), “Sosialisasi Agama Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Agama di Selangor”. Kajian tersebut telah menjadikan sekolah-sekolah menengah agama terpilih di Selangor yang dikelolakan di bawah JAIS sebagai skop utama kajian mereka. Melalui kajian tersebut, para pengkaji membincangkan proses sosialisasi yang berlaku dalam kalangan para pelajar di sekolah-sekolah tersebut. Menurut mereka, pemilihan sekolah agama sebagai instrument kajian kerana sekolah agama yang menjadikan pendidikan Islam sebagai asas dalam membina karakter serta watak para pelajar.⁶⁵

⁶³ Arba’iyah Mohd Noor, 68.

⁶⁴ Azizi Umar et. al, “Masalah Pengurusan Dan Keperluan Sekolah Agama Rakyat (Sar)/ Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) Persendirian Di Selangor,” (jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajaran Islam (PPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 5, 1, (2013), 140.

⁶⁵ Jafarry Awang et al, “Sosialisasi Agama Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Agama Selangor” (kertas kerja dibentangkan di National Seminar Science, Technology and Social Science, Anjuran UiTM Pahang, 3-4 Jun 2008),1.

Yazid Muhamad Noh (2008) turut menyentuh perihal berkaitan SABK di dalam kajian beliau yang bertajuk Kaedah Pengajaran Al-Quran Di Sekolah Menengah Bestari, Jabatan Agama Islam Selangor, Subang Jaya. Sekolah tersebut merupakan sekolah agama di bawah kelolaan JAIS yang mana penawarannya terbuka kepada para pelajar tingkatan 4 dan 5 dalam jurusan sains dan teknik sebagai dasar kurikulum. Sekolah jenis ini diketogarkan sebagai SABK di Selangor.⁶⁶ Melalui kajian tersebut, pengkaji lebih menumpukan kajian terhadap kaedah yang digunakan oleh para guru dalam mengajar al- Quran di sekolah tersebut.

Sekolah agama di Selangor juga wujud di peringkat menengah. Perkara ini boleh dilihat melalui hasil kajian Ismail Omar (2012) di bawah tajuk Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Sijil Menengah Agama (SMA) Kurikulum Al-Azhar Di Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Di Negeri Selangor.⁶⁷ Di samping itu, masih terdapat kajian-kajian lain yang telah membahaskan tentang Sekolah Rendah Agama JAIS, namun aspek pemfokusannya adalah juga berbeza. Ia merujuk kepada hasil kajian bersama di antara Mohamad Fuad Bin Ishak, Sapie Bin Sabilan (2012) di bawah topik kajian berkaitan Kepuasan Kerja Guru-Guru Agama Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Selangor. Melalui hasil kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa umumnya kesemua konstruk yang diperolehi oleh pengkaji menunjukkan kepuasan bekerja di tahap yang memuaskan di kalangan responden. Pandangan positif guru mengenai keadaan pekerjaan, gaji dan imbuhan,

⁶⁶ Yazid Muhamad Noh, “Kaedah Pengajaran Al-Quran Di Sekolah Menengah Bestari, Jabatan Agama Islam Selangor, Subang Jaya”, (disertasi Sarjana Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (2008), 68.

⁶⁷ Ismail Omar et al, “Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Sijil Menengah Agama (SMA) Kurikulum Al-Azhar Di Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Di Negeri Selangor” (jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajaran Islam (PPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 8,1, (2012), 220.

peluang kenaikan pangkat dan sebagainya menjadi satu komponen penting dalam perkembangan SRA JAIS pada masa kini.⁶⁸

Azizah Mohd Rapini dan Ayu Nor Azilah Mohamad (2013). Melalui hasil kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa pemfokusan para pengkaji adalah untuk mengenalpasti persepsi PIBG terhadap sistem pendidikan Islam di SRAI dan SRAI dengan tujuan pembangunan sistem pendidikan Islam di bawah kelolaan JAIS.⁶⁹ Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani *et al* (2013) dari fakulti Pendidikan, UKM lain membahaskan tentang SRA di Selangor, namun ia berbeza dari sudut aspek pengkajian, di dalam kajian mereka yang bertajuk Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam JAIS Di Sekolah-Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor. Umumnya kajian ini lebih menumpukan isu berkaitan penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam JAIS yang meliputi pelbagai aspek, antaranya hal berkaitan kesesuaian kandungan kurikulum JAIS dengan keperluan murid, kaedah yang digunakan dalam P&P kurikulum Pendidikan Islam JAIS dan sebagainya.⁷⁰

Muhamad Zahiri Awang Mat *et al* (2013), Profesionalisme Guru Agama Di Sekolah Rendah Agama Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor. Melalui kajian tersebut, para pengkaji telah menjadikan tahap profesionalisme di kalangan guru-guru agama yang bertugas di Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIS sebagai aspek utama dalam pengkajian mereka. Melalui kajian tersebut, para pengkaji telah membahagikan SRA JAIS kepada dua zon utama, iaitu Zon Tengah dan Zon Utara. Merujuk kepada

⁶⁸ Mohamad Fuad Bin Ishak et al, “Kepuasan Kerja Guru-Guru Agama Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Selangor”, (*jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajaran Islam (PPPI)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 7,1, (2012), 215.

⁶⁹ Azizah Mohd Rapini et al, “Peranan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) Dan Keberkesanannya Dalam Sistem Pendidikan Sekolah Rendah Agama (SRA) Dan Sekolah Rendah Agama Integrasi(SRAI),” (*jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajaran Islam (PPPI)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 4, 1, (2013),110.

⁷⁰Ab. Halim Tamuri et al, “Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam JAIS Di Sekolah-Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor,” (*jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajaran Islam (PPPI)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 1, 1, (2013), 27.

hasil kajian ini juga, terdapat 31 buah SRA JAIS keseluruhan di kedua-dua zon tersebut, 11 daripadanya SRA di Zon Tengah dan yang selebihnya di Zon Utara.⁷¹

Secara keseluruhan, sorotan perpustakaan di bahagian ini telah memberi gambaran bahawa tidak sukar untuk mendapatkan hasil-hasil kajian berkaitan sekolah agama JAIS. Ini bermakna ramai pengkaji terdahulu yang telah menyingkap tentang sekolah agama di bawah kelolaan JAIS. Sebahagian dari mereka ada yang membuat kajian di SRA JAIS, sebahagian yang lain pula mengkaji tentang SRAI JAIS. Sesetengah yang lain lagi mengkaji sekolah agama JAIS di peringkat menengah. Umumnya kajian-kajian tersebut meliputi berbagai aspek kajian, ada yang memfokuskan terhadap dasar perlaksanaan kurikulum, ada juga kajian yang meninjau tahap penguasaan Bahasa Arab dan sebagainya.

1.7.4 Kajian perbandingan antara sekolah agama YIK dan BPI JAIS

Pemfokusan utama pengkaji pada bahagian ini pula adalah untuk menyoroti hasil-hasil kajian yang melibatkan kajian gabungan atau perbandingan diantara sekolah agama di Selangor dan Kelantan. Malangnya perkara ini amat sukar sekali untuk di temui, dan hanya satu kajian yang berjaya ditemui dan boleh dianggap bersesuaian iaitu melalui hasil kajian Juidah Salleh yang bertajuk Pengajian Asuhan Tilawah Al-Quran, Kajian Khusus Di Selangor Dan Kelantan. Melalui kajian tersebut, pengkaji menjadikan Maahad Tahfiz Al –Quran Wal Qiraat (MTAQ) Pulau Chondong di Kelantan dan Maahad Tahfiz Al-Itqan, Di Selangor sebagai tempat kajian. MTAQ merupakan sebuah sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang merangkumi tiga kurikulum pendidikan, iaitu kurikulum tahfiz al-quran dan al-qiraat, kurikulum agama YIK, dan kurikulum akademik. Maahad Tahfiz Al Itqan yang terletak di Selangor di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mendapatkan

⁷¹ Muhamad Zahiri Awang Mat et al, “Tahap Profesionalisme Guru Agama Di Sekolah Rendah Agama Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor”, (jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajaran Islam (PPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 2, 1, (2013), 70.

kedua-dua institusi tersebut masing-masing mempunyai kaedah tersendiri dalam proses penghafalan Al-Quran. Penggunaan kaedah berbeza di kedua-dua institusi kerana mengambil kira tahap keupayaan pelajar dari segi umur pelajar.⁷²

Secara keseluruhan apa yang dapat pengkaji simpulkan, terdapat banyak hasil kajian berkaitan sekolah agama di Malaysia pada hari ini, ianya telah dikaji di pelbagai peringkat pengajian samaada oleh individu mahupun kajian bersama dari pelbagai institusi dan pusat pengajian. Secara khususnya, tidak banyak hasil kajian terkini yang melibatkan sekolah agama di Selangor dan Kelantan lebih-lebih lagi kajian berkaitan sekolah agama JAIS dan YIK. Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji akan memfokuskan kajian berkaitan Sekolah Agama Kelolaan JAIS dan YIK dalam bentuk terkini berbanding kajian-kajian sedia ada. Hal ini kerana masih belum dapat ditemui kajian yang cuba menganalisis perbandingan berkaitan perkembangan sekolah agama YIK dan JAIS. Perkara ini dianggap perlu untuk diteliti memandangkan hari ini sekolah agama muncul dalam pelbagai jenis dan bentuk. Harapan pengkaji dengan terhasilnya kajian ini kelak mampu di jadikan panduan dalam usaha memperkembangkan lagi institusi Pendidikan Islam di Malaysia umumnya dan di negeri-negeri terlibat secara khususnya.

⁷² Juidah Salleh, “Pengajian Asuhan Tilawah Al-Quran 1” (tesis Fakulti Pendidikan Dan Bahasa, Pusat Pembelajaran Sabah, Open Universiti Malaysia, t.t), 9.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Bagi melangsungkan kajian yang akan dijalankan, pengkaji menggunakan beberapa kaedah dalam mengumpulkan data-data berkaitan tajuk kajian. Secara umumnya, kajian ini adalah bersifat analisis diskriptif. Pada bab dua kajian ini lebih bersifat sejarah di mana sejarah perkembangan sekolah agama di Kelantan dan Selangor akan diperincikan. Data-data kajian akan diambil dari sumber primer dan sekunder. Melalui kaedah ini, pengkaji akan merujuk kepada buku-buku, tesis, disertasi, jurnal serta bahan-bahan yang berkaitan. Kemudian ianya akan diolah mengikut kronologi perkembangan.

Manakala bab tiga dan empat, kajian ini lebih bersifat kualitatif, di mana data-data kajian diambil dari sumber-sumber bertulis di YIK dan BPI JAIS, pengkaji merujuk kepada bahan-bahan berbentuk cetakan dan bertulis yang di dapat di pusat ilmu tersebut yang mempunyai hubungan dengan kajian dan menghasilkan data yang diperlukan dalam kajian. Kaedah ini merupakan kaedah pengkaji mengumpulkan data dengan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan skop kajian. Dokumen ialah mananya bahan yang bertulis yang mengandungi maklumat yang ingin dikaji, seperti buku, monografi, akhbar, kajian-kajian akademik yang berkaitan kajian dan lain-lain.⁷³ Termasuk juga dibawah kaedah ini laporan berkaitan peperiksaan, sukatan kurikulum, bilangan guru, kelulusan guru dan sebagainya yang melibatkan sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS.

Dalam membuat kajian ini, aktiviti pengumpulan dan analisis data adalah penting dengan perancangan yang teliti demi tujuan untuk memperolehi dan mengembangkan lagi pengetahuan. Justeru itu, dua metodologi utama yang digunakan dalam kajian ini ialah metode pengumpulan data dan metode analisis data.

⁷³ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Cetakan Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, (1994), 86.

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengumpulan data akan diperolehi melalui metode kajian perpustakaan, metode dokumentasi dan juga metode temubual.

1.8.1.1 Metode Kajian Perpustakaan

Metode kajian perpustakaan adalah merujuk kepada penggunaan bahan-bahan kajian yang terdapat di dalam perpustakaan berbentuk dokumen yang terpilih. Metode ini digunakan untuk membentuk rangka kajian dengan melihat kepada kajian-kajian lepas dan digunakan untuk melihat kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan khususnya berhubung tajuk kajian. Melalui kaedah ini, maklumat kajian-kajian yang telah dijalankan akan diperolehi di samping menilai kelebihan dan kekurangan kajian-kajian tersebut serta mendedahkan maklumat tentang kajian yang belum dijalankan.

Kajian perpustakaan ini juga penting bagi memenuhi objektif pertama untuk mengetahui latar belakang perkembangan sekolah agama di Kelantan dan di Selangor. bahan dan data kajian diperolehi dari beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama, Perpustakaan APIUM, Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan Tun Sri Lanang di UKM.

1.8.1.2 Metode Dokumentasi

Data-data yang berbentuk dokumentasi merujuk kepada bahan-bahan berbentuk dokumen seperti jurnal, tesis, disertasi, majalah, ensiklopedia, akhbar, kertas kerja dan sebagainya. Data yang diperolehi ini terdiri daripada bahan-bahan yang telah diterbitkan dan yang tidak diterbitkan yang terdapat di perpustakaan, institut pengajian tinggi, agensi dan institusi berkaitan YIK dan BPI JAIS. Selain itu, sebahagian data-data diperolehi melalui capaian internet dalam dalam laman web rasmi institusi- institusi sekolah agama.

Rujukan keatas kedua-dua kategori bahan ini menyumbang kepada pencapaian objektif kajian pertama, kedua dan ketiga iaitu menjelaskan latar belakang perkembangan sekolah agama di Kelantan dan Selangor, mengkaji sistem pengurusan akademik di YIK dan BPI JAIS serta menganalisis keberkesanannya pengurusan di kedua-dua kelolaan tersebut.

1.8.1.3 Metode Temubual

Selain itu, bagi mengukuhkan data-data berkaitan tajuk kajian, penulis turut menggunakan kaedah temubual. Temubual adalah satu kaedah kajian yang amat penting kerana ia membantu pengkaji meneroka dan mendapatkan maklumat kajian secara mendalam. Seringkali dalam kajian, terdapat banyak maklumat yang tidak dapat diperolehi melalui kaedah dokumentasi ataupun catatan seseorang. Oleh itu, pengkaji perlu berhubung dengan secara bersua muka secara terus menerus dengan individu-individu terlibat untuk mendapatkan maklumat secara langsung.

Temubual mempunyai dua bentuk, pertamanya temubual berstruktur dan tidak berstruktur. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teknik temubual tidak berstruktur. Ia merupakan aktiviti perbualan dan soal jawab yang mementingkan penerokaan idea atau perasaan lebih daripada mendapat fakta-fakta tertentu sahaja/ soalan-soalan terbuka ‘open-ended questions’ iaitu soalan dikemukakan dan pelbagai jawapan boleh diperolehi dari peserta atau responden.

Melalui kaedah ini beberapa individu berlibat telah ditemubual, antaranya Timbalan Pengarah Sekolah YIK, Hj Che Kamarudin Kamel Bin Che Muhammad, Puan Nik Hasmahwati bt Hj Nik Yaacob (EO pentadbiran, Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran YIK), Abdul Aziz Ya’cob (Pengetua SMU (A) Syukuriah Bukit Sireh, Kuala Krai, Kelantan), Puan Mahani Bt Ramli

(Guru Di SMU(A) Riadatul Diniah Bukit Mas, Tanah Merah), Puan Noraini Bt Mohammad (Penolong Tadbir Bahagian Sekolah YIK), Pn. Nor Fashidawati bt. Md. Sharif (Pegawai Tadbir Seksyen Data BPI JAIS) dan lain-lain. Disamping itu, dalam proses menganalisis data, data yang diperolehi akan dianalisis secara perbandingan terhadap 4 perkara yang telah digariskan oleh pengkaji yang melibatkan Pengurusan Kurikulum, Pengurusan Peperiksaan, Pengurusan Sekolah dan Pengurusan Guru.

1.8.2 Metode Analisis Data

Untuk menganalisis semua data terkumpul dalam kajian berbentuk analisis kandungan ini, pengkaji telah menggunakan ketiga-tiga metode tersebut iaitu;

1.8.2.1 Metode Induktif

Metode ini bermaksud satu pola berfikir untuk membuktikan hal-hal yang bersifat khusus kepada hal-hal bersifat umum. Data yang biasa digunakan ketika menghuraikan masalah, kerangka teori dan lain-lain data yang diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan. Dalam pendekatan induktif pengkaji bermula dengan satu set hasil kajian daripada sesebuah penyelidikan, seterusnya berusaha untuk membangunkan satu penjelasan teoritikal daripada hasil tersebut. Metode ini digunakan di dalam bab kedua dan ketiga.

1.8.2.2 Metode Deduktif

Kaedah ini merupakan satu cara untuk menganalisis data-data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal ang bersifat umum untuk mencapai dalil-dalil yang bersifat khusus. Data yang digunakan biasanya membuktikan kebenaran. Dalam pendekatan ini, pengkaji akan mengumpul data mengenai sesuatu kes dan menggunakan teori tersebut untuk menjelaskan data yang di perolehi. Soalan temubual distrukturkan daripada data perpustakaan

secara deduktif. Metode ini digunakan antaranya di dalam bab ketiga dan keempat.

1.8.2.3 Metode Komparatif

Metode kompartif merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan segala data dan fakta yang diperolehi. Pengkaji menggunakan metode ini kerana kajian ini adalah bersifat perbandingan diantara pengurusan sekolah-sekolah agama negeri akan dibuat perbandingan sehingga menghasilkan kesimpulan.

1.8.3 Kesimpulan

Dalam kajian ini, kaedah kualitatif digunakan. Kaedah penyelidikan ini melibatkan metode kajian perpustakaan menerusi analisis kandungan dan metode temu bual. Temu bual dijalankan untuk mendapatkan maklumat dari sudut pembuat dasar. Hasil penemuan kajian dari metode kualitatif dikumpul dan dianalisis. Data yang diperoleh daripada metode kajian perpustakaan dan temu bual dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasil penganalisaan data kajian membawa kepada pencapaian objektif ketiga kajian.

1.9 SUSUNAN KAJIAN

Bagi memudahkan perbincangan, kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Setiap bab pula mengandungi tajuk-tajuk tertentu dan mempunyai kaitan diantara satu sama lain.

Bab pertama mengandungi bab pendahuluan yang meliputi latar belakang kajian, pengertian tajuk, masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan hasil kajian-kajian lepas, metodologi kajian serta organisasi kajian. Bab ini akan memberikan gambaran keseluruhan tesis.

Bab kedua pula membincangkan tentang perkembangan sekolah-sekolah agama di Kelantan dan di Selangor. Di dalam perbahasan ini, pengkaji menyatakan pengenalan umum tentang negeri Kelantan dan negeri Selangor. Dalam pada itu, pengkaji turut menyentuh tentang sejarah perkembangan sekolah-sekolah agama di negeri-negeri tersebut di samping faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan sekolah-sekolah agama di negeri-negeri tersebut.

Manakala bab ketiga pula menyentuh tentang pengurusan sekolah-sekolah agama di Kelantan dan di negeri Selangor. Sekolah-sekolah agama di Kelantan dikelolai oleh YIK manakala di Selangor pula di kelolai oleh BPI JAIS. Pengkaji turut menyentuh unit-unit pengurusan yang terdapat di YIK dan BPI JAIS.

Bab ke empat pula akan menyentuh tentang analisis keberkesanan pengurusan YIK dan BPI JAIS dalam mentadbir urus hal ehwal berkaitan sukanan kurikulum dan peperiksaan bagi sekolah-sekolah agama kelolaan. Pengkaji akan membuat penilaian terhadap tahap keberkesanan pengurusan yang dijalankan berdasarkan pelaksanaan kurikulum dan peratusan keberjayaan pelajar dalam sistem peperiksaan yang telah dijalankan.

Akhir sekali, bab lima menjadi bab penutup bagi kajian ini. Kesimpulan, rumusan dan cadangan dimuatkan berdasarkan hasil penemuan kajian.

BAB 2: LATAR BELAKANG PERKEMBANGAN SEKOLAH AGAMA DI KELANTAN (KELOLAAN YIK) DAN DI SELANGOR (KELOLAAN BPI JAIS)

2.1 Pengenalan

Sejarah Agama Islam bermula dengan turunnya wahyu pertama kepada Muhammad bin Abdullah, seorang yang sangat terkenal dan dihormati oleh penduduk Mekah. Dengan penurunan ayat 1 hingga 5 dari Surah Al-Alaq, secara rasminya baginda dilantik menjadi Nabi Allah yang terakhir yang ditugaskan untuk menyampaikan ajaran Allah Taala yang diturunkan untuk manusia bagi membimbing mereka keluar daripada kejahaninan dan kejahiliyahan. Demi untuk mengeluarkan manusia dari kejahaninan, maka umat manusia dituntut untuk mempelajari ilmu pengetahuan. Terdapat banyak dalil-dalil penegasan yang menyeru kearah penguasaan ilmu pengetahuan, antaranya ayat dari Surah Al-Mujadalah (28: 11) yang bermaksud:

Maka berdirilah, nescaya Allah akan mengangkat (darjat) orang-orang yang beriman di antaramu, dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah maha teliti apa yang kamu kerjakan.

Justeru itu, sejarah perkembangan pendidikan dalam Islam amat berkait rapat dengan proses pengajaran Al-Quran. Ibn Khaldun dan Al-Qabisi sebagaimana yang dinyatakan oleh An-Nukmy, telah meletakkan pengajaran Al-Quran sebagai kurikulum utama dan paling awal diajarkan kepada anak-anak muslim pada masa itu. Ia penting menurut mereka, kerana pengajaran Al-Quran mampu memberikan asas akidah yang kukuh dalam diri anak-anak. Ekoran daripada keutamaan dan kepentingan penguasaan kemahiran ini dalam kalangan muslim, banyak pihak berasa bertanggungjawab untuk memperkasakan kaedah ini melalui pelbagai alternatif antaranya dengan penubuhan institusi Pendidikan Islam atau dengan kata lain sekolah-sekolah agama yang berkurikulumkan *diniah*, tahfiz bahkan turut disepadukan dengan ilmu akademik sebagai menyeimbangkan proses mendapatkan ilmu.

Pendidikan Islam boleh dilihat sebagai satu sistem pendidikan sebagaimana yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama. Kini di Malaysia, terdapat berbagai jenis sekolah agama yang cuba melaksanakan pendidikan Islam sebagai satu sistem pendidikan sepertimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, pihak-pihak swasta, badan-badan tertentu serta orang persendirian. Berdasarkan tinjauan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa jenis sekolah atau sistem pendidikan Islam yang cuba dilaksanakan di peringkat sistem persekolahan.⁷⁴

Jika ditinjau kedudukan sekolah agama menurut undang-undang Malaysia, SUHAKAM (2012) dalam perkara 26 (1) mengatakan setiap orang mempunyai hak kepada pendidikan. Pendidikan hendaklah dilaksanakan secara percuma, sekurang-kurangnya pada peringkat awal dan asas. Pendidikan peringkat awal hendaklah diwajibkan manakala pendidikan teknikal serta profesional hendaklah disediakan untuk umum dan pendidikan tinggi hendaklah mempunyai akses yang sama rata kepada semua orang atas dasar kebolehan. Perkara 26 (2) mengatakan pendidikan hendaklah ditujukan kepada perkembangan sepenuhnya ke atas keperibadian manusia dan ke arah memperkuuhkan lagi rasa hormat bagi hak-hak dan kebebasan asasi manusia, dengan memupuk persefahaman, toleransi dan persahabatan di kalangan semua negara bangsa atau kumpulan-kumpulan agama, dan hendaklah memajukan segala kegiatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi tujuan memelihara keamanan dan perkara 26 (3) mengatakan ibu bapa mempunyai hak terdahulu untuk memilih bentuk pendidikan yang akan diberikan kepada anak-anak mereka.⁷⁵ (SUHAKAM, t.th).

Berdasarkan pengisytiharan hak asasi manusia sejagat yang digariskan oleh SUHAKAM, maka dalam konteks Malaysia, hak tersebut telah diselaraskan dengan

⁷⁴ Abdul Halim Tamuri et al, “Nilai, Amalan Dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat Hingga Kini”, (kajian bersama Fakulti Pendidikan Malaysia Dan Universiti Teknologi Malaysia, 2009). 10

⁷⁵ Nor Raudah Hj Siren et.al, “Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Malaysia,” (jabatan dakwah dan pembangunan insan, akademik pengajian universiti Malaya, Kuala Lumpur,), 207

Akta Pendidikan tahun 1996 bagi mewujudkan keselarasan dan pelaksanaannya. Hak pendidikan Islam telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 Fasal (1) memperuntukkan bahawa Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan: tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan (Perlembagaan Persekutuan, 2011). Merujuk kepada peruntukan tersebut, ia memperkuatkan lagi hak-hak umat Islam dalam negara.

Hak-hak umat Islam dalam memperolehi pendidikan Islam pula telah diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996; 1. Bab 1 – Sistem Pendidikan Kebangsaan, Perkara 16 tidak memperuntukkan sekolah agama sebagai kategori institusi pendidikan. Hal ini kerana, hanya tiga institusi pendidikan yang disebut dalam bab ini iaitu institusi pendidikan kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta sahaja. 2. Bab 10- Pengajaran Agama di Institusi Pendidikan Seksyen 50 (1) memperuntukkan, sesuatu institusi pendidikan yang terdapat lima orang murid Islam atau lebih, maka mereka hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. 3. Seksyen 52 pula memperuntukkan bantuan kewangan kepada institusi pendidikan Islam yang tidak ditubuh atau disenggarakan oleh Menteri atau Kerajaan Negeri. Tertakluk kepada apa-apa syarat dan batasan yang difikirkan oleh Menteri patut dikenakan, bantuan kewangan secara sumbangan boleh diberikan daripada wang yang diperuntukkan oleh 208 Parlimen kepada sesuatu negeri dan sama ada yang merupakan suatu institusi pendidikan mengikut pengertian Akta ini atau bukan institusi pendidikan sedemikian, hanya kerana pengajaran di institusi itu adalah terbatas kepada pengajaran agama Islam semata-mata. 4. Jadual Mata Pelajaran Teras [Subseksyen 18(2)], Pendidikan Islam tersenarai dalam mata pelajaran teras di peringkat rendah dan menengah. Mengikut Perlembagaan Malaysia dalam Perkara 3(2) juga mengatakan bahawa Pendidikan Islam dilihat dari sudut sejarahnya, diletakkan dalam hal ehwal agama Islam iaitu di bawah kuasa Raja-raja Melayu dan kuasa negeri

negeri; “Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Ugama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifat-sifatnya sebagai Ketua Ugama Islam membenarkan Yang diPertuan Agong mewakilinya.” Oleh sebab kuasa terhadap agama Islam berada dalam kuasa kerajaan negeri, maka pihak berkuasa agama negeri melalui badan perundangan negeri telah menggubal enakmen yang berkaitan dengan Pendidikan Islam.

Secara amnya, dalam Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama Negeri telah memperuntukkan bahawa sekolah-sekolah yang mengajar mata pelajaran agama hendaklah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri. Walau bagaimanapun, perhubungan kuasa antara persekutuan dan negeri- negeri yang melibatkan polisi pendidikan terutama menyediakan pendidikan agama Islam kepada rakyat ditegaskan melalui Akta Pendidikan 1996 di bawah Seksyen 52 sebagaimana disebut sebelum ini dan perkara yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 12(2); “Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyelenggara institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam ugama kumpulan itu sendiri, dan tidaklah boleh ada perbezaan semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggara institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan 209 ajaran dalam ugama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlu bagi maksud itu.” Lantaran itu, Tun Suffian (1990) menegaskan kerajaan pusat harus

memikul tanggungjawab untuk memajukan dan membangunkan institusi pendidikan Islam di negara ini demi kepentingan pendidikan anak-anak (Azizi Umar, t.th).

2.2 Pengenalan Umum Negeri Kelantan

2.2.1 Kelantan Dari Segi Geografi

Kelantan merupakan sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Malaysia Barat. Negeri ini terletak diantara garisan lintang 101°19' dan 102°37' di timur dan disebelah utara laut Cina Selatan. Manakala di sebelah timur pula dirangkaikan kepada Laut Cina Selatan dan negeri Terengganu. Di sebelah selatannya pula disempadani dengan negeri Pahang. Di sebelah barat pula negeri Perak dan di bahagian utaranya di sempadani dengan wilayah Patani.⁷⁶

Negeri ini mempunyai tiga kawasan muka bumi iaitu kawasan pesisir pantai, kawasan kearah pedalaman dan kawasan pedalaman.⁷⁷ Kawasan pesisir pantai terdiri daripada satu dataran yang telah diubah oleh anak-anak sungai yang sering pasang surut. Kawasan kearah pedalaman pula merupakan kawasan datar yang luas sehauh 10 batu hingga 25 batu yang meliputi lebih kurang 1000 batu persegi tanah lapang yang subur. Manalaka kawasan pedalaman terdiri daripada kawasan bukit-bukau yang rendah dan hutan rimba hingga ke kawasan pergunungan. Bentuk muka bumi yang berbukit-bukau ini terletak terutamanya di antara negeri Kelantan dengan Siam, Pahang, Perak dan Terengganu.

⁷⁶ Alias Mohamed, *Sosial Dan Politik Kelantan*, (t.p, t.p, 1984), 9.

⁷⁷ Chan Siew Kui, "Sejarah Perkembangan Perusahaan Getah Di Negeri Kelantan 1900-1941" (tesis B.A, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, 1986), 2.

2.2.2 Kelantan Dari Sudut Sejarah Ringkas

Kelantan dari sudut sejarah awal pentadbiran tidak jelas namun terdapat bukti bahawa negeri ini bermula dengan pemerintahan Long Yunus.⁷⁸ Dari awal abad ke tujuh belas sehingga pertengahan abad ke lapan belas negeri ini berada di dalam keadaan berpecah dan kuasa pemerintahan dibahagikan antara beberapa orang pemerintah tempatan yang saling bertelingkah sesama sendiri untuk memperolehi kuasa memerintah mutlak ke atas negeri itu. Keadaan ini berterusan sehingga awal abad ke sembilan belas di bawah pemerintahan sultan Muhammad 1 (1800-1835 M), satu struktur kuasa yang lebih jelas telah dibentuk.⁷⁹ Sultan cuba mengukuhkan kedudukannya dengan mewujudkan corak pemerintahan yang berasaskan sistem berpusat dan sultan berada di puncaknya.

Di dalam corak pentadbiran tradisional Kelantan yang di atas sekali ialah unit negeri yang ditadbir oleh sultan. Sultan sebagai pemimpin mempunyai kedudukan tertinggi dalam sistem politik negeri Kelantan. Baginda mempunyai kuasa mutlak dan dianggap sebagai lambang perpaduan negeri. Sultan dihormati oleh rakyat, di sekelilingnya terdapat kaum kerabat, ketua-ketua dan pegawai-pegawai bergelar.⁸⁰ Ini diikuti oleh unit-unit yang lebih kecil iaitu jajahan.⁸¹ Di peringkat ini, pentadbiran adalah dijalankan oleh ketua-ketua jajahan. Unit seterusnya ialah daerah atau “kweng”.⁸² Pimpinan daerah ini dipanggil To’

⁷⁸ Anker Rentse, “The History Of Kelantan”, Dalam JMBRAS, Jilid 12, No. 2, 1934, 57.

⁷⁹ Hugh Clifford, *Report On Expedition: Terengganu and Kelantan* (Kuala Lumpur: The Federated Malay States, Government Press: 1938), 132.

⁸⁰J.M Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka 1970), 71.

⁸¹ Jajahan yang digunakan di Kelantan ialah dengan maksud “daerah” yang digunakan di negeri-negeri lain. Lihat juga, Syed Husin Ali, *Masyarakat Dan Pimpinan Kampung Di Malaysia* (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd, 1970), 175.

⁸² Perkataan “Kweng” berasal dari perkataan Siam yang membawa maksud daerah. Annual Report Kelantan (ARK), Kuala Lumpur: Federated Malay States, Government Printing Office, 1819), 2.

Kweng atau dengan kata lain penggawa.⁸³ Jawatan To' kweng dilantik oleh sultan dan ianya daripada orang dari kawasan itu sendiri, antara tugas To' Kweng ialah memungut cukai seperti padi, tanah, ubi dan lain-lain lagi. Di samping itu, To' Kweng juga ditugaskan mengerah tenaga rakyat menurut ‘Sistem Kerah’.

Unit politik yang paling kecil sekali dalam jajahan ialah kampung atau Nebeng.⁸⁴ Pimpinan mukim ini digelar Tok Nebeng atau penghulu. Ia menjadi jambatan dan saluran hubungan di antara golongan anak buahnya dengan pembesar daerah atau sebagai pembantu kepada To' Kweng. Satu lagi jawatan yang penting dalam sesebuah kampung ialah imam atau lebih dikenali dengan panggilan Tok Imam.⁸⁵ Seseorang imam dilantik oleh sultan dengan memberi kuasa kepadanya untuk mengurus soal-soal agama Islam seperti soal jawab pengajaran agama Islam, nikah kahwin, penceraian, zakat dan lain-lain lagi. Selepas jawatan imam ialah Khatib dan Bilal.⁸⁶ Mereka merupakan pembantu imam di dalam mengurus masjid, pengajaran agama Islam, pungutan zakat dan sebagainya.

Kelantan tidak terkecuali daripada menerima naungan dari Negara luar. Negeri ini telah menjadi naungan Siam sejak pemerintahan sultan Muhammad 1 (1800-1835M). sebagai tanda penaungan ini, “bunga emas” telah dihantar kepada Siam setiap tiga tahun sekali. Peranan kerajaan Siam dalam pergolakan politik Kelantan semakin meningkat sejak berlakunya “perang saudara” pada tahun 1838-1839. Kesan perkembangan ini, pemerintah Kelantan telah meniru

⁸³Institusi To' Kweng Ini telah ditukar namanya kepada panggilan “Penggawa” mulai 1917, tetapi perananannya tidak banyak berubah. Lihat, Kelantan Administration Report (KAR), Kuala Lumpur: Federal Malay States, Government Printing Office, 1918, 12.

⁸⁴Annual Report Kelantan, 2.

⁸⁵William R.Roff, “The Origin And Early Years Of The Majlis Agama”, dalam William R.Roff (ed.), Kelantan: Religion, Society And Politics In A Malay State, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974, 104.

⁸⁶Ibid,105.

cara perlaksanaan pemerintahan Siam, khususnya dari segi pentadbiran jajahan dan kemudiannya sistem pungutan cukai⁸⁷. Pengaruh politik kerajaan Siam ke atas Kelantan berterusan sehingga awal abad ke dua puluh.

Menjelang awal abad ke dua puluh, kerajaan British mula menaruh minat terhadap negeri Kelantan. Untuk mengelakkan pertapakan kuasa British di negeri Kelantan, pihak Siam mula berunding dengan British tentang kedudukan negeri Kelantan dan masalah-masalah yang berlaku di dalam negeri-negeri tersebut. Perundingan ini berlaku pada 22 Jun 1901 iaitu semasa pemerintahan Long Senik sebagai sultan.⁸⁸

Hasil daripada Perjanjian Inggeris dan Siam yang dimeterai pada pertengahan 1902, maka Kelantan telah diletakkan di bawah naungan Siam tetapi ditadbir secara Sistem Penasihat oleh dua orang pegawai bangsa Inggeris iaitu seorang dari perkhidmatan awam Siam sebagai Residen dan Pesuruhjaya Tinggi Siam di Kelantan dan seorang lagi dari perkhidmatan awam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebagai Penolong Residen dan Pesuruhjaya Tinggi.⁸⁹

Pada 25 Julai 1903 William Armstrong Graham dan penolongnya H.W Thomson tiba di Kota Bharu dari Bangkok dengan kapal perang Siam untuk memegang jawatan masing-masing. Pentadbiran baru di negeri Kelantan terkenal dengan nama “Pentadbiran Graham” yang berjalan selama tujuh tahun dari 25 Julai 1902 hingga 15 Julai 1909 apabila Kelantan diserahkan oleh Siam kepada Inggeris mengikut perjanjian Inggeris Siam.⁹⁰

⁸⁷ Ishak Shari, *Keadaan Ekonomi Dan Struktur Masyarakat Melayu Kelantan Pada Abad Ke-19* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 21.

⁸⁸ Alias Mohamed, *Kelantan: Politik Dan Dilema Pembangunan*, (Kuala Lumpur: Utusan Melayu Sdn. Bhd., 1975), 9.

⁸⁹ Nik Mohamed Bin Nik Mohd Salleh, Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertubuhan Dan Perkembangannya, (Kota Bharu, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1984), 100.

⁹⁰ *ibid.*, 100

Hasil dari perjanjian tersebut, telah wujud sebuah Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) pada tahun 1903. Fungsi utama MNM ialah menggubal undang-undang. Pada tahun 1909, negeri Kelantan diserahkan oleh Siam kepada British. Penyerahan ini dibuat di dalam satu perjanjian pada tahun 1909. Melalui perjanjian tersebut seorang rakyat British, James Scott Mason telah dihantar oleh kerajaan British untuk menjadi penasihat British kepada kerajaan Kelantan. Dari situ lah corak pentadbiran negeri banyak diubah, disusun dan dibaiki mengikut keadaan masa. Hingga ke tahun 1913, semua jawatan ketua-tua pejabat yang dipegang oleh kerabat-kerabat Di Raja telah dihentikan dan diganti dengan pegawai-pegawai British.⁹¹

Semasa Kelantan di bawah pentadbiran penjajahan British dari tahun 1909 hingga 1941 apabila Jepun melanggar dan menakluki Tanah Melayu banyak sekali pejabat-pejabat baru telah di bina di Kota Bharu. Perubahan dasar pentadbiran telah menyebabkan berlakunya satu pemberontakan penduduk Pasir Putih yang dipimpin oleh Tok Janggut pada tahun 1915. Pembesar-pembesar Kelantan di daerah itu, yang mendapati kedudukan mereka semakin tercabar, telah bersatu membuat bantahan terhadap pelaksanaan sistem cukai tanah yang baru serta tindak tanduk pegawai di daerah itu untuk menentang secara terbuka pemerintahan British di Kelantan. Walaupun pemberontakan itu akhirnya dapat ditumpaskan oleh British dengan bantuan ketenteraan Singapura, kejadian itu sekali lagi menyedarkan pihak penjajahan betapa pentingnya sikap berhati-hati serta kerjasama golongan elit tradisional demi menjayakan dasarnya di negeri-negeri Melayu.⁹²

⁹¹ Nik Mohamed Bin Nik Mohd Salleh, *Kelantan In Transition: 1891-1910* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), 45.

⁹² Nik Mohamed Bin Nik Mohd Salleh, Bandar Kota Bharu: Sejarah Penuhuan Dan Perkembangannya, 102.

Selepas berjaya menghancurkan pemberontakan Tok Janggut di Pasir Putih, pihak pemerintahan British di Kelantan menubuhkan dua buah badan baru dengan tujuan untuk mengetahui reaksi rakyat terhadap dasar yang dilaksanakan. Salah satu daripada badan itu ialah Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu (MAIK) yang dikatakan menjadi badan penasihat berhubung dengan soal agama dan adat di negeri itu. Sebuah lagi badan yang ditubuhkan oleh pemerintahan British untuk dijadikan alat untuk menghubungkan pemerintahan dengan rakyat jelata ialah Perhimpunan Penggawa-Penggawa.⁹³

Secara keseluruhannya, Kelantan di sekitar tahun-tahun 1900 sehingga 1941 mengalami beberapa perubahan. Dari segi pentadbiran, perubahan yang ketara terutama selepas perjanjian Inggeris-Siam pada tahun 1909. Penubuhan MMN, pengambilalihan jawatan ketua-ketua pejabat oleh pegawai British menggantikan pegawai-pegawai tradisional tempatan mula berlaku. Dengan ini sosio-budaya kepimpinan pentadbiran Melayu tradisional telah diketepikan oleh British. Bagaimanapun sistem pentadbiran Beraja tetap dikekalkan.

2.2.3 Institusi Pendidikan Islam Di Kelantan

Institusi pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membentuk pemikiran dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat. Kelantan terkenal sebagai pusat pengajian ilmu-ilmu Islam sehingga mendapat jolokan “Serambi Mekah”. Umumnya, perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan berkait rapat dengan sejarah kemasukan Islam ke negeri tersebut. Tarikh yang tepat mengenai kedatangan Islam ke negeri Kelantan tidak dapat diputuskan oleh para sejarawan, ini disebabkan ketiadaan bukti berkaitan tarikh kedatangan Islam ke negeri ini. Namun dalam membicarakan perkara ini, terdapat beberapa pendapat yang telah dibuat oleh para sejarawan dalam menentukan tarikh kedatangan

⁹³ Ishak Shari, *Keadaan Ekonomi Dan Struktur Masyarakat Melayu Kelantan Pada Abad Ke-19*, 126.

Islam ke Kelantan. Antaranya ada yang menyatakan pada abad ke-12 M dan ada juga yang berpendapat jauh lebih awal daripada itu. Pada pertengahan abad ke-12 M, seorang syeikh dari Patani telah datang ke Sri Wijaya Kelantan (ibu kotanya dpercayai tertelak di Kuala Krai sekarang) dengan tujuan untuk mengembangkan Islam.⁹⁴

Begitu juga pada tahun 1297 M (697 H), seorang pengembara Arab iaitu Ibn Batutah yang belayar dari India ke Tiongkok telah menyebut “Kilu Kerai” (Kuala Krai sekarang) sebagai sebuah negeri yang disinggahinya. Menurutnya, beliau pernah menemui seorang raja perempuan yang telah memeluk Islam bernama Urduja di Kelantan.⁹⁵ Catatan Ibn Batutah ini menjelaskan kemungkinan syiar Islam telah menyinar di negeri Cik Siti Wan Kembang seawal abad ke-12 M lagi.

Sejarawan tempatan pula meletakkan tarikh kemasukan Islam ke Kelantan selewat-lewatnya dalam abad ke-12M (6 H), ini berdasarkan kepada sekeping dinar emas yang telah dijumpai di Kubang Labu Kelantan pada tahun 1912 M. Menurut penulis sejarah Kelantan, dinar emas tersebut mengandungi tulisan Arab yang berbunyi “*al-mutawakkal ‘ala-Allah*” yang bererti (berserah kepada Allah), manakala di sebelah lagi tercatat perkataan “*Al-Julus Kelantan*” dan diatas tulisan itu terdapat pula tulisan “٥٧٧” bererti “577” iaitu dikatakan tahun 577H bersamaan 1180M.⁹⁶

Melihat kepada keterangan-keterangan berkaitan kemasukan Islam ke Kelantan, bolehlah dikatakan bahawa Kelantan merupakan diantara negeri

⁹⁴ Alias Mohamed, *Kelantan, Politik Dan Dilema Pembangunan* (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1975), 2.

⁹⁵ Abdul Rahman Al-Ahmadi, “*Ibnu Batutah Pernah Singgah di Kuala Krai, Kelantan*”, *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya* (Jabatan Pengajian Melayu, U.M, 1985) 113.

⁹⁶ Mohd Zain Sallah, *Islam Di Negeri Kelantan*, (Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1986), 20.

terawal yang menerima Islam di Malaysia. Ini adalah kerana negeri-negeri lain seperti Terengganu menerima Islam pada tahun 1303M, Melaka pada tahun 1488M dan Kedah pula pada tahun 1501M.⁹⁷ Kedatangan Islam ke Kelantan menjadi faktor pemangkin kearah perkembangan institusi pendidikan Islam. Institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup penting dalam membentuk pemikiran dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat. Kelantan dari dulu terkenal sebagai pusat pengajian ilmu-ilmu Islam sehingga mendapat jolokan sebagai negeri “Serambi Mekah”.

Pengajian Islam di negeri Kelantan dipercayai bermula seawal-awalnya pada abad ke-16M. Pengajian atau Pendidikan Islam pada masa ini pula lebih menitikberatkan soal-soal fardhu ain dan yang berkaitan dengan rukun-rukun Islam dan rukun-rukun iman serta yang melibatkan amal ibadah harian. Pada peringkat awal ini pengajaran agama Islam diadakan di istana dan juga surau-surau untuk anak-anak raja, anak-anak pembesar dan juga anak orang ramai.⁹⁸

Bermula akhir abad ke-18M, barulah corak pengajaran pendidikan secara umum itu mengalami sedikit perubahan, di mana pengajarannya mulai dijalankan dengan mempelajari mata pelajaran tertentu seperti ilmu Fiqh dan ilmu Tauhid.⁹⁹ Kota Bharu, di samping menjadi pusat pentadbiran negeri Kelantan juga merupakan pusat Pengajian Islam. Di bandar Kota Bharu terdapat ramai *ulama* tempatan yang pada umumnya mendapat pendidikan di Masjid Al-Haram, Mekah. Di Kota Bharu, mereka mengajar agama di masjid Muhammadi dan di surau-surau yang juga dikenali dengan panggilan Madrasah.¹⁰⁰ Antara

⁹⁷ Nor Razi, “Kedatangan Agama Islam Ke Alam Melayu,” *Utusan Kiblat*, 1982, 146.

⁹⁸ Nik Mohamed B. Nik Mohd Salleh et al, “Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian Islam Di Negeri Kelantan” (Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1985), 98.

⁹⁹ Mohd Salleh Lebar, “Perubahan Dan Kemajuan Pendidikan Di Malaysia” (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992), 1.

¹⁰⁰ Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Hassan et al, “Islam Dan Masyarakat Kota Bharu di Antara Tahun 1900-1940,” (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983), 1.

pelajaran yang diajar di surau-surau dan masjid-masjid ini ialah berkaitan sifat-sifat dua puluh dalam bahagian akidah. Perkara ini diajar oleh tuan-tuan guru sehingga mereka mahir dengan mengingati serta menghafal dengan lancar sifat-sifat tersebut. Begitu juga dengan bacaan-bacaan dalam sembahyang turut diajar.¹⁰¹

Selain daripada masjid, pondok juga merupakan salah satu institusi pendidikan terpenting di negeri Kelantan. Ada yang mendefinisikan pondok sebagai rumah kecil yang didirikan untuk sementara waktu di sawah, di ladang dan lain-lain. Dalam Bahasa Jawa, pondok bererti madrasah atau asrama tempat mengaji, belajar agama dan lain-lain. Adalah dipercayai pondok pertama yang didirikan di Kelantan ialah sekitar tahun 1920M oleh Haji Abdul Samad Bin Faqih Abdullah iaitu di Pulai Chondong. Ianya terletak di jalan Kuala Krai, kira-kira 28 kilometer di selatan Kota Bharu.¹⁰²

Dalam lingkungan 1909 M, institusi ini mula berkembang dan terus berkembang hingga perang dunia kedua, terutama selepas adanya kitab-kitab dalam Bahasa Arab. Pada peringkat permulaannya, mata pelajaran yang diajar belum lagi meluas. Ia hanya meliputi perkara-perkara seperti Tawhid, Fiqh, Akhlak, Al-Quran dan Al-Hadith. Kebanyakan kitab-kitab yang digunakan pula ialah kitab-kitab Jawi.¹⁰³

Selain daripada Pondok Tok Pulai Chondong, pondok-pondok yang telah didirikan di Kelantan sebelum tahun 1910 ialah Pondok Tok Bachok yang didirikan pada tahun 1990 oleh Haji Othman Bin Haji Muhammad, Pondok Haji

¹⁰¹ Abdul Halim Ahmad, “*Peranan Pendidikan Islam Masjid Muhammadi Kota Bharu Pada Permulaan Abad Ke 20 Masihi*,” (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1985), 152.

¹⁰² Abdul Halim Ahmad et al, “*Pendidikan Islam Di Kelantan Dalam Sejarah Masyarakat Melayu Modern*,” (Kota Bharu: Peradanan Muzium Negeri Kelantan), 45.

¹⁰³ Rahim Bin Abdullah et al, “*Pelajaran Pondok Di Kelantan*”, (Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1983), 3.

Abdul Malek, Kampung Sungai Pinang, Tumpat yang didirikan oleh Haji Abdul Malek Bin Haji Hassan kira-kira dalam tahun 1907, Pondok Haji Yusof Pulau Ubi (1908), Pondok Kubang Pasu (1900) serta banyak lagi.¹⁰⁴

Di antara tahun 1860-1940, Kelantan telah mengalami satu perkembangan ilmu yang pesat. Bermula dengan pengaliran masuk Ilmu Tasawuf yang mendalam dan amalan Tariqah serta Ilmu Fiqh, Usuluddin, Nahu dan Saraf. Di penghujung tahun 1860 melalui Tuan Tabal, negeri ini didatangi pula oleh aliran Islah mulai awal abad ke-20M. Aliran Islah ini menyeru ulama-ulama supaya kembali kepada ajaran Al-Quran dan Al-Hadith serta mengamalkan ijтиhad. Kegiatan mengajar ilmu Nahu dan Saraf secara mendalam juga telah dibuat oleh Tok Kenali.¹⁰⁵

Selepas kematian Tok Kenali, usaha pendidikan ini disambung pula oleh anak-anak muridnya menerusi pendidikan pondoknya iaitu Madrasah Al-Ahmadiyah, Bunut Payong, Kota Bharu. Walau bagaimanapun, selepas kemerdekaan Tanah Melayu, pondok-pondok tersebut telah mengalami zaman kemerosotan. Faktor utamanya adalah kerana kegagalan sistem pondok menyaingi sistem persekolahan Melayu, Inggeris serta sekolah agama dan Arab yang berkembang pesat dan disokong oleh kerajaan.¹⁰⁶ Pengajian pondok pula tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menjamin perkembangannya berbanding dengan sekolah-sekolah kerajaan.¹⁰⁷

Setakat yang diketahui, Pengajian Islam secara formal di Kelantan bermula pada tahun 1906 apabila sekolah-sekolah agama didirikan di Kota

¹⁰⁴ Abdullah Alwi Haji Hassan, “*The Development of Islamic Education in Kelantan*”, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 190.

¹⁰⁵ Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Hassan et al, “*Islam Dan Masyarakat Kota Bharu di Antara Tahun 1900-1940*”, 21.

¹⁰⁶ Abdullah Jusoh, “*Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*”, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989), 15.

¹⁰⁷ *Ibid.*, 18

Bharu. Namun begitu, ada juga pendapat yang mengatakan sekolah agama yang pertama di negeri Kelantan telah dibina pada tahun 1910, iaitu Madrasah Khairiyyah di Lorong Tok Semian, Kota Bharu.¹⁰⁸ Berikutan dengan penubuhan Majlis Agama Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, pada bulan Disember tahun 1915, sebuah sekolah agama ditubuhkan. Sekolah itu ialah Madrasah Muhammadiyah Al-Kelantaniah. Ia ditubuhkan oleh Majlis pada 5 Ogos 1917. Kemudian ditubuhkan pula sekolah arab di bangunan yang sama dengan nama “Madrasah Muhammadiyyah Al-‘Arabiyyah” yang dirasmikan pada 1 April 1937. Sekolah tersebut ini adalah sebahagian atau lanjutan kepada Madrasah Muhammadiyyah Al-Kelantaniyyah yang diasaskan oleh Sultan Muhammad IV. Seterusnya sekolah ini ditukar namanya kepada “Jami’ Merbau Al-Ismaili dan kemudiannya pada tahun 1956, namanya ditukar sekali lagi kepada Ma’ahad Muhammadi sehingga sekarang. Berikutan dengan penubuhan madrasah tersebut, maka banyak lagi sekolah-sekolah agama yang di dirikan di seluruh negeri Kelantan. Sekolah-sekolah agama tersebut telah menjadi sekolah saluran kepada sekolah pusat Maahad Muhammadi di Kota Bharu.¹⁰⁹

Pada tahun 1952, terdapat 10 buah sekolah agama kerajaan yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Sekolah-sekolah agama rakyat dan kerajaan semakin bertambah pesat selepas perang dunia kedua. Sekolah agama rakyat ini ada yang mendapat bantuan kerajaan. Campur tangan daripada kerajaan telah memberi kesan yang baik kepada para pelajar sekolah-sekolah tersebut dan dengan ini juga telah menjadikan susunan pelajaran semakin kemas dan teratur.¹¹⁰ Sesungguhnya sekolah agama telah memberi sumbangan yang

¹⁰⁸ Abdullah Alwi Haji Hassan, “*The Development Of Islamic Education In Kelantan*”, 196.

¹⁰⁹ Jawatankuasa Menyusun Sejarah Sekolah-Sekolah Kelantan, *Sejarah Sekolah-Sekolah Kelantan*, Jabatan Pelajaran Kelantan, 9.

¹¹⁰ Nik Mohamed B. Nik Mohd Salleh et al, “*Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian Islam Di Negeri Kelantan*”, 111.

besar kepada masyarakat, sama ada dalam bidang politik, agama, perniagaan, perundangan dan sebagainya.

2.2.4 Pengurusan Sekolah-Sekolah Agama di Kelantan.

Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang terdapat pada hari ini lebih merupakan sebuah agensi agama kerajaan negeri Kelantan yang diamanahkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan Islam dan pengajian bahasa Arab dalam kalangan penduduk negeri tersebut. Penubuhan asalnya ialah pada 1 Januari 1974 yang terletak di bawah penguatkuasaan Enakmen Kelantan 9/1968. YIK ditubuhkan pada 1 Julai 1974 dengan nama Jabatan Sekolah-Sekolah Agama Kelantan (JASA). Pada 1 Jun 1979 namanya telah diubah menjadi Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) dan seterusnya menjadi YIK pada 1 Mac 1983.¹¹¹ Lipatan sejarah telah menunjukkan bahawa YIK yang wujud pada hari ini telah mengalami pelbagai peringkat perubahan nama, namun dari sudut matlamatnya adalah sama iaitu untuk melahirkan muslim yang beriman, berakhhlak mulia, berilmu pengetahuan, beramal soleh dan layak berkhidmat untuk membangunkan keluarga, masyarakat, Negara dan ummah.

Pengelolaan dan pentadbiran sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan sebelum penubuhan YIK adalah berada di bawah pengawasan MAIK. Pada akhir tahun 60-an, sambutan masyarakat terhadap sekolah-sekolah agama tidak begitu memberangsangkan. Ini adalah disebabkan oleh lulusan-lulusan sekolah tersebut tidak mendapat jaminan masa depan yang baik khususnya bagi mendapat jawatan dalam jabatan-jabatan kerajaan. Akhirnya banyak sekolah-sekolah agama yang berada di bawah naungan MAIK terpaksa ditutup. Memandangkan kadar kemerosotan bilangan sekolah-sekolah dan pondok yang

¹¹¹Sejarah Penubuhan YIK, laman sesawang YIK, dicapai 12 April 2015, <http://www.yik.edu.my/v3/index.php/my/mengenai-kami/sejarah-yik>.

agak mencemaskan, maka kerajaan negeri telah mencari inisiatif untuk mengambil alih pengelolaan dan pentadbiran institusi-institusi pengajian Islam tersebut.¹¹² Perkembangan proses pendidikan Islam secara formal khususnya terhadap rakyat negeri Kelantan terbukti apabila YIK melaksanakannya melalui pembentukan institusi-institusi berikut seperti sekolah-sekolah agama, Pusat Pengajian Pondok, Maahad Tahfiz Al-Quran, Tadika Islam dan banyak lagi.¹¹³

2.3 Pengenalan Umum Negeri Selangor

2.3.1 Selangor Dari Segi Geografi

Negeri Selangor Darul Ehsan ialah sebuah negeri dari 14 buah negeri di Malaysia. Ia terletak di bahagian tengah pantai barat Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Perak di sebelah utara, Pahang di sebelah timur dan Negeri Sembilan di sebelah selatan. Ianya terletak di bahagian Barat Banjaran Titiwangsa manakala bahagian Barat negeri ini iaitu seluruh pantainya menghadap ke Selat Melaka.¹¹⁴ Ibu negeri dan pusat pentadbiran bagi negeri Selangor ialah Shah Alam. Selangor dibahagikan kepada sembilan daerah yang terdiri dari Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Gombak, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang¹¹⁵.

Penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri Selangor ialah sektor perindustrian. Sektor ini dijangka menyumbang 63.3% ke dalam KDNK pada tahun 2001 diikuti dengan sektor pembinaan dijangka menyumbang 4.1% dan sektor utama (pertanian dan perlombongan)

¹¹²Abdul Halim Ahmad, *Pendidikan Islam Di Kelantan: Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, (Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1984), 2.

¹¹³Buletin (September-Okttober 1999), Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, B. 92, h. 5

¹¹⁴Asmad, *Selangor Darul Ehsan* (t.t.p: Associated Educational Distributors (M), 1987), 30.

¹¹⁵Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, "Sejarah Negeri Selangor", Dicapai 11April 2015, <http://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>.

dianggar pengeluar hasil tanaman bagi kelapa sawit, getah, kelapa dan padi.¹¹⁶ Kawasan perindustrian utama di Selangor ialah di Petaling Jaya, Shah Alam, Pelabuhan Klang, Cheras, Bandar Baru Wangi, Sg.Way dan Teluk Panglima Garang di Banting.¹¹⁷

2.3.2 Selangor Dari Segi Organisasi Pentadbiran

Selangor ialah sebuah negeri di Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi. Kuasa eksekutif negeri terletak pada DYMM Sultan Selangor dan dijalankan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Selepas sesuatu pilihanraya umum, DYMM akan melantik salah seorang daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang telah memenangi pilihanraya umum sebagai menteri besar akan melantik ahli-ahli mesyuarat daripada kalangan ADUN untuk menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Keahlian Dewan Undangan Negeri Selangor bertambah dari masa ke semasa bertepatan dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan. Setiap mesyuarat akan diadakan di Dewan Undangan Negeri melalui jawatan kuasa inilah jabatan di negeri Selangor ditadbir.¹¹⁸

2.3.3 Selangor Dari Sudut Sejarah Ringkas

Selangor ialah sebuah kerajaan baru di Tanah Melayu berbanding dengan kerajaan-kerajaan lain seperti Kesultanan Melayu Melaka, Kerajaan Pahang, Kerajaan Kelantan, Terengganu dan Kedah. Mengikut sejarah, ibu negeri Selangor pada zaman dahulu terletak di mana Yang Dipertuan Negeri bersemayam bersama-sama rakyat dan orang-orang besarnya. Dari sungai Selangor, kerajaan ini telah berkembang meliputi lima buah sungai yang besar

¹¹⁶ Buku Taburan Penduduk Dan Ciri-Ciri Asas Demografi (Bancian Penduduk Dan Perumahan 2000), Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai 2001, 41

¹¹⁷ Ibid., 2

¹¹⁸ Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan, 1997, 21.

dan disatukan atas dasar melantik ‘Orang Besar’ di setiap jajahan yang patuh kepada sultan. Dengan penyatuan itu maka wujudlah negeri Selangor dan jajahan takluknya (merujuk kepada Sungai Bernam, Sungai Selangor, Sungai Kelang, Sungai Langat dan Jugra).¹¹⁹

Selangor merupakan jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka sejak kurun ke-15 lagi, yang kemudiannya diganti oleh Kerajaan Johor selepas 1511M. Pada abad ke-17 dan ke-18, orang Bugis telah datang ke rantau ini akibat daripada berlakunya perperangan dengan Belanda pada tahun 1667M. Bugis telah terlibat secara langsung dalam pergolakan politik Kerajaan Johor pada abad ke-18 dan sebenarnya telah membuka sebuah penempatan di Jeram dan Langat di mana mereka menjalankan perniagaan dengan Melaka. Perkembangan ini telah berkembang dan akhirnya seorang anak Raja Bugis (Raja Lumu) di lantik menjadi Sultan Selangor yang pertama.¹²⁰

Pada kurun ke-15M, menjadi kebiasaan negeri jajahan itu menganut agama yang dianuti oleh pemerintahnya. Ini kerana agama Islam pada waktu itu telah diakui sebagai suatu tenaga politik dan ekonomi yang amat berpengaruh. Para pemimpin memerlukan sekutu dan sokongan politik dan ekonomi bagi menjamin kelangsungan kuasa. Manakala rakyat pula mengikut anutan raja-raja mereka sebagai menunjukkan taat setia. Oleh itu, masyarakat Melayu di Selangor menganut agama Islam sebagaimana agama pemerintahnya iaitu

¹¹⁹ Aisyah Ab Rahim, Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam Di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957): Satu Tinjauan Biografi (tesis sarjana Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 90.

¹²⁰ Auni Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1991), 16.

Kesultanan Melayu Melaka dan tidak mustahil jika Selangor juga berkanunkan Hukum Kanun Melaka sebagai undang-undang asas.¹²¹

Sebagai sebuah kerajaan baru, Sultan Salehuddin berusaha mengukuhkan pentadbiran. Perkara pertama yang diberi tumpuan oleh baginda ialah dengan membentuk organisasi pentadbiran dengan mewujudkan beberapa jawatan penting seperti Dato' Aru yang dikatakan jawatan kedua penting selepas sultan. Jawatan-jawatan lain seperti Dato' Penggawa Tua, Penggawa Muda, Dato' Shahbandar, Dato' Kaya Kecil Klang, Dato' Penghulu Ulu Selangor dan Dato' Maharajalela.¹²² Perlantikan jawatan-jawatan ini bagi membantu dan menasihati baginda dalam pemerintahan.

Di antara peranan sultan juga ialah sebagai lambang perpaduan. Sultan Salehuddin dan puteranya Sultan Ibrahim khususnya telah berjaya melaksanakan peranannya dengan baik. Sebelum ditabah sebagai Sultan Selangor, daerah pegangan Sultan Salehuddin hanyalah di Kuala Selangor sahaja. Setelah diakui sebagai Sultan Selangor, baginda berjaya menyatukan daerah- daerah lain di bawah pemerintahannya. Sebagai rakyat mereka perlu taat dan patuh kepada sultan kerana ketaatan kepada baginda dianggap juga taat kepada Allah dan rasulnya.¹²³

Sebagai ketua agama, para sultan ini juga menjaga kebajikan rakyatnya dalam melaksanakan perlakuan ibadat. Sultan Ibrahim, Sultan Selangor kedua dilaporkan beberapa kali memberi bantuan dengan menulis surat sokongan kepada Kapten Francis Light di Pulau Pinang. Pada tahun 1791 baginda

¹²¹ Nurul Huda Binti Mohd. Basri “Peranan Kesultanan Melayu-Bugis Terhadap Perkembangan Islam di Selangor: Suatu Kajian Sejarah” (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 5.

¹²² Khoo Kay Kim, Raja Lumu/Sultan Salehuddin In The Founding Of The Selangor Dynasty, JMBRAS. Vol. 58, 1985, 10.

¹²³ Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka* (The Hague: Koninklijk Institute Voor Taal- Lard-En Vonkenkunde, 1976), 170.

meminta agar sekumpulan Jemaah haji dari Selangor dapat ditumpangkan ke dalam mana-mana kapal Inggeris atau Arab untuk pergi ke Mekah. Ketika itu sultan Ibrahim mempunyai hubungan dagang yang sangat baik dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris yang berpangkalan di Pulau Pinang.

Selangor hanya mempunyai raja dan berdiri sebagai satu kuasa politik sendiri hanya pada kurun ke-18M iaitu setelah Raja Lumu anak kepada Daeng Chelak (salah seorang daripada pahlawan Bugis lima bersaudara) yang berasal dari Pulau Sulawesi Selatan menjadi raja Selangor. Raja Lumu Ibni Daeng Celak merupakan seorang pemerintah yang dinamik dan berpandangan jauh, bercita-cita untuk mendirikan sebuah kerajaan berdaulat yang merdeka dan tidak tunduk kepada mana-mana kuasa. Untuk mewujudkan wawasan itu, baginda perlu dimasyurkan sebagai sultan melalui istiadat pertabalan daripada sumber yang sah. Ini perlu supaya baginda diakui oleh Raja-Raja Melayu yang lain sebagai sultan yang berdaulat. Oleh itu Raja Lumu memilih sultan Perak iaitu sultan Mahmud Shah (Raja Kimas) yang diakui dari keturunan Kesultanan Melayu Melaka untuk menabalkan baginda sebagai sultan Selangor pada tahun 1766¹²⁴ dengan memakai gelaran Sultan Salehuddin.¹²⁵ Pusat pemerintahan adalah di Selangor. Dari situ bermulanya kesultanan Melayu-Bugis di negeri Selangor dan bertapak kukuh sehingga sekarang iaitu kira-kira 237 tahun dengan berajakan Sembilan orang sultan.

2.3.4 Institusi Pendidikan Islam Di Selangor

Sejarah perkembangan sistem pendidikan Islam di Selangor bermula agak lewat jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang lain.

¹²⁴ M.A Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kerajaan Perak* (Ipoh: Yayasan Perak), 35.

¹²⁵ Abdullah Zakaria Bin Ghazali, “Adat Penggantian Dalam Kesultanan Selangor 1766-1938”, (*kertas kerja Dalam Kolokium Sejarah Negeri Selangor Darul Ehsan: Sejarah Dalam Proses Pembangunan, Anjuran Jabatan Sejarah Universiti Malaya Dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Selangor Di Universiti Malaya, Pada 21 Januari 1989*), 1.

Perkembangannya tidak berlaku secara pesat sebagaimana di negeri-negeri di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan negeri-negeri di utara semenanjung Malaysia seperti Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Bagi negeri-negeri tersebut, mereka telah pun mempunyai satu sistem pendidikan Islam yang tersusun dan teratur seperti sistem pengajian pondok dan madrasah semenjak awal kurun ke-19 lagi.¹²⁶ Namun keadaan sebaliknya berlaku di Selangor, namun perkara ini tidaklah menghairankan kerana penempatan di Selangor itu sendiri bermula pada pertengahan abad ke-19 apabila perlombongan bijih timah diusahakan di Ulu Klang, Selangor.¹²⁷

Peranan Kesultanan Melayu-Bugis terhadap perkembangan pendidikan di Selangor sehingga tahun 1874 secara umumnya tidak jelas dan bersifat tidak langsung. Sultan-sultan Selangor menggalakkan penghijrahan orang-orang Melayu khususnya dari pesisir pantai Sumatera Barat ke Selangor untuk meneroka tanah-tanah baru. Sebagai ketua agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, sultan-sultan ini secara tidak langsung meminta rakyat yang bernaung di bawah pemerintahannya mengekalkan kebudayaan Melayu dan melaksanakan tuntutan Islam yang dipelajari secara tradisional¹²⁸.

Pada umumnya, pendidikan Islam yang diterima oleh masyarakat di Selangor tidaklah jauh berbeza daripada tempat-tempat lain di Alam Melayu. Pendidikan ketika itu berteraskan agama Islam dan disepadukan antara tuntutan Islam dan keperluan kehidupan. Masyarakat Selangor ketika itu mendapat pendidikan secara *informal* dan ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, pengetahuan kemahiran yang diajar oleh ibu bapa mereka secara warisan seperti mengukir, menangkap ikan dan lain-lain. Kedua, pengajian ilmu yang

¹²⁶ Mohd Salleh Lebar, *Perubahan Dan Kemajuan Pendidikan Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1988), 2.

¹²⁷ Guilick, J.M, *Old Kuala Lumpur*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994), 2.

¹²⁸ Nurul Huda Binti Mohd. Basri, 10.

dipelajari di rumah-rumah imam, surau dan masjid-masjid.¹²⁹ Sistem keilmuan Islam secara tidak formal di Selangor tetap berlangsung khususnya melalui sistem pengajian al-Quran di rumah para imam dan para *ulama*. Perlaksanaan pendidikan Islam melalui pengajian dan pengajaran al-Quran di rumah-rumah guru ini bermula sebelum abad ke-20 lagi. Guru-guru al-Quran telah menjadikan rumah mereka sebagai tempat mengajar al-Quran. Mereka tidak menerima sebarang elaun dari pemerintah. Ganjaran yang diterima jika ada hanya dalam bentuk sumbangan daripada para ibu bapa pelajar.¹³⁰ Bentuk pengajian tradisional sebegini telah digambarkan oleh Abdullah Munshi di dalam *Hikayat Abdullah Munshi* pada abad ke-19:

“Sebermula maka adalah pada zaman itu dalam negeri Melaka, maka nenek perempuan sebelah bapaku itu telah menjadi guru besar dalam kampung Pali dan kira-kira 200 anak muridnya daripada lelaki dan perempuan mengaji al-Quran, berbagai orang belajar daripadanya, ada yang menulis, ada yang belajar surat bahasa Melayu masing-masing dalam hendaknya”¹³¹

Bacaan Al-Quran menjadi asas pendidikan dimulai dengan mempelajari cara mengenal huruf iaitu Alif-Ba-Ta berpandukan kitab *muqaddam* dan seterusnya menguasai Al-Quran. Kemudian diikuti dengan ilmu-ilmu asas fardhu ain seperti ilmu Tauhid, Feqah, Akhlak dan Sejarah Islam di samping diajar tulisan Jawi. Sistem pengajian ini sebenarnya mengikut tradisi keilmuan Rasulullah, para sahabat dan *tabi'en* yang tidak mementingkan tempoh pengajian, namun apa yang dititik beratkan agar ilmu itu dapat disampaikan dan dapat

¹²⁹ Zainuddin Bin Leman, “Perkembangan Sistem Penagjian Islam di Selangor”, *Selangor Dahulu Dan Sekarang*. Khoo Kay Kim et al, (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985), 91.

¹³⁰ Ismail Ab. Rahman, *Pendidikan Islam Malaysia*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993), 15.

¹³¹ Abdullah Munshi, *Hikayat Abdullah* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1963), 20.

difahami oleh masyarakat. Tradisi keilmuan ini diwarisi sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi.¹³²

Tenaga pengajarnya terdiri daripada ahli-ahli agama yang biasanya datang bersama dengan pedagang-pedagang yang berhijrah ke Selangor. Pembinaan masjid-masjid lama di Selangor seperti Masjid Lubuk Pusing (Masjid Marzukiah) yang dibina pada tahun 1918 oleh Tuan Sheikh Ahmad Marzuki dengan penduduk kampung yang datang bersamanya dari Sumatera pada 1912 membuktikan kenyataan ini. Walaupun penulis mendatangkan contoh masjid pada awal kurun ke-20M, tetapi ia boleh menggambarkan fenomena yang sama pada kurun ke-18M dan ke-19M kerana Selangor pada masa itu terutamanya di kawasan pedalaman masih kurang dihuni.¹³³

Pada fasa pertama Kesultanan Melayu-Bugis di Selangor iaitu kira-kira enam puluh tahun pemerintahan Sultan Salehuddin hingga Sultan Ibrahim, tiada maklumat yang jelas menunjukkan adanya proses pengajian di istana namun begitu penulis percaya bahawa budaya keilmuan itu berlaku di istana Sultan Selangor seperti mana di negeri-negeri lain. Kedudukan Selangor sebagai negeri baru menyebabkan pengasasnya iaitu Sultan Salehuddin dan puteranya Sultan Ibrahim lebih menumpukan terhadap pengukuhan politik berbanding perkembangan ilmu. Oleh sebab itu pendidikan di istana Selangor juga di daerah jajahannya tidak mencapai tahap yang tinggi sehingga mampu melahirkan tokoh-tokoh ilmuan seperti di istana Aceh atau Riau yang dapat menggubal suatu

¹³² Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1995), 145.

¹³³ Peranan Kesultanan Melayu Bugis Terhadap Perkembangan Islam Di Selangor Sehingga 1957 (Sebelum Merdeka (Tesis Sarjana Usuluddin Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

undang-undang untuk panduan semua pihak.¹³⁴ Bagi mengisi kekurangan sultan-sultan dan kerabat Diraja Selangor telah menghantar putera-putera mereka ke pusat-pusat pengajian ilmu seperti di Aceh dan Riau bagi mendalami sesuatu bidang ilmu termasuklah Ilmu Tasawuf dan bahasa serta Persuratan Melayu.¹³⁵

Sejak zaman Kesultanan Melayu Selangor yang ditubuhkan oleh Raja Lumu Bin Daeng Celak pada tahun 1756M yang berketurunan Bugis, para ulama telah memainkan peranan yang sangat penting sebagai penasihat agama. Apatah lagi saudara kecil baginda As-Syahid Raja Haji Bin Daeng Celak merupakan pahlawan perkasa yang *shahid* menentang Belanda.¹³⁶ Kedatangan para ulama di Selangor diperkirakan bermula pada zaman sultan Selangor ke-3 iaitu sultan Mahmud (1826-1857M) sebelum sekolah pondok dan institusi pendidikan moden diwujudkan. Syeikh Abdul Ghani Bin Subuh Bin Ismail Al-Bimawi (Bima) Sumbawa, dari Sumatera merupakan antara ulama yang terawal datang ke Selangor yang dilantik sebagai penasihat agama sekitar tahun 1825M, selepas Syeikh Abdul Ghani Bima pulang ke Makkah, jawatan penasihat agama digantikan oleh Syeikh Ja'far bin Abdullah dan seterusnya berpindah kepada Syeikh Ahmad Bin Mahyiddin sehingga kepada Syeikhul Islam YM Raja Haji Mahmud Zuhdi bin Abdul Rahman Al-Fathani. Beliau dilantik sebagai Syeikhul Islam pada 1935-1952M. Kesemua para ulama pada masa itu berperanan aktif di dalam kerajaan negeri Selangor. Bahkan ada juga ulama di waktu itu yang tidak

¹³⁴ Nurul Huda Binti Mohd. Basri, "Peranan Kesultanan Melayu-Bugis Terhadap Perkembangan Islam Di Selangor: Suatu Kajian Sejarah "(disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003), 5.

¹³⁵ *Ibid.*

¹³⁶ Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman Al-Kelangi, "Riwayat Hidup Kiyai Haji Muhammad Dahlan bin Hassan Minhaj: Qadhi, Imam Dan Syeikh Tarikah" (makalah, Seminar Tokoh Ulama Selangor, Jabatan Peradaban Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Kolej Islam Antaranagsa Selangor Dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008), 91.

terlibat secara langsung dengan kerajaan atau berjawatan tinggi tetapi mereka tetap aktif dalam perkembangan Pendidikan Islam di Selangor.¹³⁷

Sikap Kesultanan Melayu-Bugis yang menyintai alim ulama ini menyebabkan baginda sering dikunjungi dan didampingi oleh alim ulama. Ini bukan sahaja untuk mendalami ilmu-ilmu Islam tetapi juga sebagai teladan kepada rakyat. Ulama ini diberi kedudukan sebagai penasihat agama Islam kepada sultan dan mempunyai pengaruh yang besar ke atas pemerintahan negeri. Syed Jaafar yang berasal dari Siak, contohnya telah berkhidmat sebagai penasihat agama Islam kepada sultan Ibrahim.

Kemunculan para ulama telah memberi kesan positif terhadap perkembangan Pendidikan Islam di Selangor, perkara ini terbukti dengan terbinanya banyak pondok-pondok yang diasaskan oleh ulama-ulama terdahulu seperti Pondok Syeikh Suhaimi Sungai Udang Klang, Pondok Kiyaai Muhammad Ali Sijangkang dan banyak lagi. Selain pondok, terdapat juga sekolah-sekolah agama yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Selangor seperti Madrasah Awamiah di Kampung Sepintas, Sabak Bernam (1930M), Sekolah Agama Parit Baru (1933M), Madrasah Marta Il Ulum Al-Diniah Klang (sekarang sekolah Hishamuddin Sungai Bertih Klang), Madrasah Parit Lima Sungai Besar (1937M) dan sebagainya.¹³⁸

Tuntasnya, walaupun Selangor dari segi sejarah agak lewat perkembangan pendidikan Islam, namun kini Selangor tidak terpinggir dari arus pendidikan Islam. Perkara ini terbukti apabila wujudnya satu badan khusus iaitu JAIS Bahagian Pendidikan Islam yang telah dipertanggungjawabkan dalam usaha

¹³⁷ *Ibid.*

¹³⁸ *Ibid.*

memperkasakan institusi pendidikan Islam atau dengan kata lain sekolah-sekolah agama yang wujud di Selangor pada hari ini.

2.3.5 Pengurusan Sekolah Agama di Selangor

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) adalah sebuah jabatan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Tujuan utama JAIS adalah untuk menguruskan hal ehwal Islam di negeri Selangor. Sejarah Penubuhan JAIS bertitik tolak daripada keperihatinan Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj terhadap nasib rakyat pada zaman pemerintahan Jepun dan penularan fahaman komunis yang boleh menjelaskan nilai akhlak serta kepercayaan orang Melayu pada masa itu. Baginda menitahkan kepada kerajaan negeri Selangor supaya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam diwujudkan. Pada 1 Oktober 1945, Jabatan Hal Ehwal Islam ditubuhkan, di mana YM Raja Haji Nong bin Raja Hussin telah dilantik menjadi setiausaha institusi tersebut. Pejabat sementara pentadbiran ini telah ditempatkan di pejabat Sultan yang terletak berhampiran dengan Istana Kota Klang setelah mendapat restu dan keizinan Baginda. Pembiayaan pengurusan adalah bersumberkan daripada peruntukan diraja.

Penubuhan Jabatan ini sekali gus dapat membantu usaha kerajaan dalam mengekang perkembangan fahaman komunis di Tanah Melayu di samping memperbaiki akhlak dan kepercayaan orang Melayu pada masa itu. Setelah dirujuk susunan pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor berdasarkan satu lawatan ke Jabatan Agama Islam Johor pada 1946, Undang-undang Tubuh Negeri Selangor telah digubal pada tahun 1947 meliputi hal penubuhan Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Rentetan daripada perkembangan ini, tertubuhlah secara rasminya Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam pada bulan Januari 1948. Bangunan lama Kelab Diraja Selangor dipilih sebagai pejabat

pentadbirannya, dan kini pejabat pentadbiran JAIS terletak di bangunan Sultan Idris Shah, Menara Utara Persiaran Masjid, Bukit SUK Seksyen 5, Shah Alam Selangor.¹³⁹

JAIS kini merupakan sebuah jabatan yang bertanggungjawab terhadap agama Islam di negeri Selangor Darul Ehsan. JAIS secara umumnya memberikan perkhidmatan kepada perkara-perkara berkaitan Perkahwinan dan Kekeluargaan, Kursus Pra-Perkahwinan, Pemakanan, Sijil Halal termasuklah hal ehwal Pendidikan. Secara khususnya sektor utama yang di beri penumpuan oleh JAIS ialah bahagian pendidikan dan pelajaran yang diamanahkan untuk mengurus dan mentadbir pendidikan dan pelajaran kepada anak-anak orang Islam di negeri Selangor. Pendidikan di JAIS diuruskan oleh Bahagian Pendidikan Islam JAIS. Ia merangkumi sekolah-sekolah agama yang terletak di Selangor.

BPI JAIS merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam mengurus pendidikan Islam di negeri Selangor seperti yang diperuntukkan kuasa oleh pihak Berkuasa Negeri dan Bahagian 10 Seksyen 120 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 serta Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Islam 1988 (Enakmen No. 2/1988). Bahagian ini dahulunya dikenali sebagai Pejabat Pelajaran Ugama Islam yang diketuai oleh Setiausaha Pelajaran pada awal kewujudan Jabatan Hal Elwal Islam Selangor (1945-1970), kemudian dinamakan Unit Pelajaran diketuai Penolong Pengarah (1970-1990) dan dijenamakan semula pada tahun 1990 dengan nama Bahagian Pendidikan dan Pelajaran diketuai oleh Timbalan Pengarah sehingga tahun 2001. Pada tahun 2001 bahagian ini dinamakan dengan nama Bahagian Pendidikan Islam dan selaras dengan

¹³⁹Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor, “Sejarah”, laman sesawang JAIS, dicapai 24 April 2015, <http://www.jais.gov.my/node/118>.

penstrukturran JAIS, bahagian ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah dari tahun 2007 hingga kini.¹⁴⁰

Seperti organisasi-organisasi lain, BPI JAIS turut mempunyai visi dalam penubuhannya iaitu Terbaik, Bertaraf Dunia dan Diredhai Allah S.W.T. Sepanjang Masa, manakala misi pembentukannya pula adalah ingin mengurus hal ehwal Pendidikan Islam dengan ikhlas, amanah, hikmah, ukhuwwah dan berkesan. Apa yang penting, matlamat utama penubuhan BPI JAIS adalah berobjektifkan untuk menambah nilai kepada kurikulum yang dilaksanakan di sekolah-sekolah JAIS, menambah nilai kepada pelaksanaan pentaksiran pelajar-pelajar JAIS, memperkasa program kurikulum, menambah nilai kualiti kepada pengurusan pendidikan JAIS, menyediakan peluang belajar pendidikan berteraskan Islam, melahirkan guru-guru *murobbi* dan menambah sekolah dan menaiktaraf sekolah.

Melalui catatan Frank W. Haines, penyelia sekolah-sekolah negeri Selangor pada tahun 1984, terdapat 17 buah kelas mengaji al-Quran di bawah pembiayaan kerajaan negeri Selangor. Institusi pendidikan ini berkembang selari dengan permintaan dan keperluan masyarakat Islam (Mohd Halim Haji Husin, 1989) sehingga 1998, terdapat 22 buah Sekolah Agama Menengah dan 221 buah Sekolah Rendah Agama. Sehingga tahun 1976, sistem pendidikan yang disediakan hanyalah setakat peringkat rendah sahaja, manakala kurikulumnya pula hanya tertumpu kepada pendidikan agama sahaja. Namun begitu, kurikulum yang di jalankan mempunyai dua aliran iaitu Bahasa Arab sepenuhnya dengan sijil *Rabi' Thanawi* dan Bahasa Melayu sepenuhnya dengan sijil Agama. Pada 1 Januari 1997, sistem persekolahan dan kurikulum pengajian sekolah agama di

¹⁴⁰Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Jais, Bahagian Pendidikan Islam, laman sesawang JAIS, dicapai 24 April 2015, <http://www.jais.gov.my/artikel/pendidikan-islam-0>.

negeri Selangor telah mengalami perubahan kearah mewujudkan keselarasan dengan sistem persekolahan yang dianjurkan oleh KPM dan meningkatkan mutu pendidikan sekolah agama. Bermula dari itu sehingga kini, sekolah agama JAIS mempunyai dua tahap iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah.

BAB 3: PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK) DAN BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (BPI JAIS)

3.1 Pengenalan

Sekolah agama merupakan salah sebuah institusi pendidikan Islam yang berperanan terhadap pembangunan modal insan dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini. Pertumbuhan sekolah agama yang semakin pesat berkembang di seluruh negeri menunjukkan institusi ini mendapat sambutan yang baik dan menggalakkan dari semua peringkat. Peningkatan ini adalah kerana kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap institusi ini terutama sumbangannya bukan sahaja dari sudut akademik malah dari aspek kerohanian dan sahsiah, sekaligus menunjukkan bahawa sekolah agama turut menjadi keperluan kepada pendidikan Islam di Negara ini.¹⁴¹

Sekolah agama di Malaysia diurus berdasarkan konsep yang diterjemahkan mengikut negeri masing-masing. Hal ini kerana kedudukannya di bawah kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan tetap memainkan peranan bagi menjaga *kemaslahatan* sekolah agama dalam memperkasakan sekolah agama di Malaysia. Begitulah juga sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan dan Selangor. Oleh itu, dalam bab ini, penulis akan cuba mengetengahkan beberapa aspek pengurusan yang melibatkan sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS.

¹⁴¹ Nor Raudah Hj. Siren et al, Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Malaysia, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 206

3.2 Pengurusan Sekolah

Pengurusan sekolah merangkumi kesemua usaha untuk menjayakan sistem pendidikan. Ini meliputi aspek pentadbiran, aspek pelaksanaan dan aspek inovasi dalam pendidikan. Pengurusan sekolah juga merangkumi usaha dan kerja pentadbiran kearah mepermudahkan urusan pendidikan termasuk aspek perancangan, pengarahan, aspek pengagihan tugas-tugas khusus termasuk juga menentukan keputusan yang mesti dilaksanakan. Tidak ketinggalan aspek ‘monitoring’, ‘follow up’ dan kesenian dalam urusan pendidikan. Adalah bertujuan untuk menghubungkan sistem pendidikan yang diselaraskan dengan keperluan pelajar, keperluan masyarakat dan persekitaran. Pengurusan pendidikan juga adalah satu usaha untuk membantu guru dan pelajar dalam menyelesaikan masalah mereka sama ada yang berkaitan dengan peribadi, pembelajaran dan masyarakat. Usaha ini bertujuan untuk mewujudkan hubungan yang harmoni dengan semua pihak yang dinyatakan.

Dapat difahami bahawa aspek pengurusan sekolah merupakan satu tugas yang amat berat demi memastikan kelangsungan institusi pendidikan. Oleh itu, pada bab ini pengkaji akan cuba merungkaikan beberapa aspek pengurusan yang melibatkan sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS. Di Kelantan, Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang terdapat pada hari ini lebih merupakan sebuah agensi agama kerajaan negeri Kelantan yang diamanahkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan Islam dan pengajian bahasa Arab dalam kalangan penduduk negeri tersebut. Manakala di Selangor pula, BPI JAIS merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam mengurus pendidikan Islam di negeri Selangor seperti yang diperuntukkan kuasa oleh pihak Berkuasa Negeri dan Bahagian 10 Seksyen 120 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 serta Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Islam 1988 (Enakmen No. 2/1988). Bahagian ini dahulunya dikenali sebagai Pejabat Pelajaran Ugama Islam yang diketuai oleh Setiausaha Pelajaran pada awal kewujudan Jabatan Hal Elwal Islam Selangor

(1945-1970), kemudian dinamakan Unit Pelajaran diketuai Penolong Pengarah (1970-1990) dan dijenamakan semula pada tahun 1990 dengan nama Bahagian Pendidikan dan Pelajaran diketuai oleh Timbalan Pengarah sehingga tahun 2001. Pada tahun 2001 bahagian ini dinamakan dengan nama Bahagian Pendidikan Islam dan selaras dengan penstrukturran JAIS, bahagian ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah dari tahun 2007 hingga kini.¹⁴²

3.3 Pengurusan Sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan (YIK)

Menurut Timbalan Pengarah Sekolah YIK, Hj Che Kamarudin Kamel B. Che Muhammad, sekolah agama di Kelantan adalah berbeza dengan sekolah-sekolah agama di negeri lain. Di Kelantan, sekolah agama secara keseluruhannya merupakan hak milik kerajaan negeri dan YIK telah di amanahkan untuk mentadbir urus segala hal yang berkaitan sekolah-sekolah agama tersebut. Menurutnya lagi, sekolah agama YIK meliputi dua kategori utama sebagaimana rajah di bawah:

Rajah 3.1. Kategori Sekolah Agama YIK



Sumber: Unit Sekolah YIK

¹⁴²Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Jais, Bahagian Pendidikan Islam, laman sesawang JAIS, dicapai 24 April 2015, <http://www.jais.gov.my/artikel/pendidikan-islam-0>.

Melalui rajah di atas, dapat dilihat bahawa sekolah agama YIK mempunyai 2 kategori utama, iaitu SAN dan SABK. Menurut Timbalan Pengarah Sekolah YIK, SABK di Kelantan bermula pada tahun 2008. Sekolah Agama Negeri (SAN) merupakan institusi pendidikan agama yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama negeri (Jabatan Agama Islam/ Majlis Agama Islam yang telah didaftarkan di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama dan ditadbir sepenuhnya oleh pihak berkuasa agama negeri.¹⁴³ Walau bagaimanapun, di sesetengah negeri SAN diletakkan di bawah badan tertentu yang bertanggungjawab menggubal dasar dan mentadbir sekolah yang berkenaan seperti mana di Kelantan hari ini.¹⁴⁴ Ekoran daripada perkembangan sistem pendidikan, SAN di Malaysia kini meliputi dua peringkat pengajian, iaitu SAN di peringkat rendah yang dikenali sebagai SRAN, manakala SAN di peringkat menengah pula di sebut sebagai SMAN.

Umumnya, sistem persekolahan yang digunakan di sekolah-sekolah agama YIK bercirikan serampang dua mata yang telah mengadunkan mata pelajaran agama (dalam Bahasa Arab) dan mata pelajaran umum (Bahasa Melayu, Matematik dan lain-lain). Bagi memastikan sistem persekolahan ini berjalan lancar secara teratur, dua kurikulum telah digabungjalinkan iaitu kurikulum agama dan Bahasa Arab. Ianya merupakan sukanan pelajaran YIK yang diubah suai selaras dengan sukanan pelajaran *Al-Bu'uth Al- Islamiah Al-Azhar*. Manakala kurikulum umum pula digunakan sebagaimana yang dilaksanakan oleh KPM.¹⁴⁵

Bagi mengukuhkan lagi kurikulum tersebut. Kegiatan ko-kurikulum juga dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pelajar dari segi mental, fizikal dan sosial serta menyemai nilai-nilai akhlak yang mulia selaras dengan falsafah pendidikan YIK. Dengan menggunakan dua kurikulum iaitu Kurikulum Agama/Bahasa Arab dan

¹⁴³ Azrin Ab. Majid, 209.


¹⁴⁴ *Ibid.*, 36.

¹⁴⁵ Buku Pelan Strategik Yik 2010-2015, h. 15

kurikulum kebangsaan serta berbekalkan buku teks percuma yang diperolehi dari Skim Pinjaman Buku Teks YIK dan Skim Pinjaman Buku Teks KPM.

Dapat dilihat bahawa pengurusan tertinggi Yayasan Islam Kelantan terdiri daripada beberapa bahagian yang diketuai oleh seorang pengarah iaitu YM Tengku Abdul Rahman Bin Tuan Yunus dan di bantu oleh empat orang sebagai barisan timbalan pengarah yang meliputi bahagian-bahagian tertentu, antaranya Nik Ab Rahman Bin Nik Yusof (Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan), Che Kamaruddin Kamel Bin Che Muhammad iaitu sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah, Mohd Zaki Bin Deraman sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Akademik dan Noriah Bt Ismail merupakan Timbalan Pengarah Bahagian Kenaziran. Secara keseluruhannya, YIK dalam sistem pengurusan sekolah-sekolah agama dipecahkan kepada empat aspek pengurusan utama antaranya Bahagian Pengurusan, Bahagian Sekolah, Bahagian Akademik dan Bahagian Kenaziran.

Rajah 3.2. Pengurusan Tertinggi YIK



Sumber: Unit Pentadbiran Dan Pengurusan YIK

3.3.1 Bahagian Pengurusan

Bahagian Pengurusan merujuk kepada bahagian yang mengurus, menyelia dan memantau urusan yang berkaitan dengan pentadbiran jabatan seperti perolehan, pengurusan harta kerajaan dan kebersihan dan keceriaan. Selain itu, Bahagian Pengurusan juga terlibat secara langsung dalam mengurus pengambilan kakitangan, pengesahan jawatan pencen serta hal berkaitan latihan prestasi dan kenaikan pangkat. Selain itu, ia juga terlibat dalam menguruskan kewangan dan akaun yang melibatkan penyediaan belanjawan tahunan, gaji dan elauan serta sistem pengauditan jabatan dan

semua jenis pembayaran. Di samping itu, Bahagian Pengurusan juga terlibat dalam menyelia projek-projek pelaburan bagi menjana pendapatan YIK dan projek-projek pembangunan bagi meningkatkan infrastruktur sekolah-sekolah di bawah YIK.¹⁴⁶

3.3.2 Bahagian Sekolah

Bahagian Sekolah merupakan bahagian yang mengurus penempatan, latihan dan prestasi guru-guru. Dalam pada itu, B.S juga terlibat dalam mengurus perlantikan, penempatan, latihan dan prestasi pengetua dan penolong kanan. Bahkan turut merancang dan menyediakan unjuran penambahan guru, kelas dan murid. Selain itu, B.S turut terlibat dalam membuat penyeliaan dan pemantauan kenaziran serta audit pengurusan di sekolah-sekolah. Disamping itu, menyelaras kemasukan pelajar, perpindahan kemasukan, kebijakan, biasiswa, asrama serta PIBG dan JPKS.¹⁴⁷

3.3.3 Bahagian Akademik

Bahagian Akademik berperanan dalam mengurus pelaksanaan Kurikulum Arab/Ugama dan Akademik di semua sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan. Memperkasakan keupayaan guru YIK dalam pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan pelajar yang cemerlang di dunia dan akhirat. Di samping mempertimbangkan penguasaan dan penggunaan Bahasa Arab di kalangan guru dan pelajar YIK. Mengendalikan dan memantau urusan peperiksaan kelolaan YIK dan membuat pemantauan terhadap peperiksaan kendalian KPM dan memastikan kegiatan ko kurikulum di sekolah-sekolah YIK selari dengan ko kurikulum arus perdana.¹⁴⁸

¹⁴⁶ Buku Pelan Strategik Yik 2010-2015, h. 23

¹⁴⁷ Ibid, 23

¹⁴⁸ Ibid, 23.

3.3.4 Bahagian Kenaziran

Merancang dan menyelaras strategi pemeriksaan dan penyelarasan serta mengawal selia pelaksanaan pengurusan YIK.

3.4 Pengurusan Sekolah Agama Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor (BPI JAIS)

Pada hari ini, Pendidikan Islam di Selangor telah diurus tadbir oleh satu bahagian di JAIS yang dinamakan Bahagian Pendidikan Islam. Sehingga kini seramai 6 orang ketua penolong pengarah telah dilantik bagi mengurus dan mentadbir bahagian ini sehingga kini mampu berada pada tahap yang amat membanggakan.

Secara umumnya, keberjayaan sistem pendidikan Islam di Selangor disokong oleh pihak-pihak pengurusan dan unit-unit yang terlibat. Sistem pendidikan Islam di Selangor telah bermula sebelum merdeka melalui penubuhan sebuah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam pada 1 Oktober 1945. Ia adalah hasil keprihatinan Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah terhadap usaha mempertahankan kepercayaan, nilai, budaya bagi masyarakat Melayu yang ketika itu berdepan dengan ancaman penjajahan Jepun dan penularan fahaman Komunis. Bermula daripada sistem pendidikan pondok yang ditubuh secara persendirian hingga disusun menjadi satu sistem pendidikan agama yang seragam dan selaras di peringkat negeri.

Perkembangan Pendidikan Islam di Selangor telah melalui fasa-fasa perubahan yang amat penting sehingga menjadi pilihan utama masyarakat Islam di negeri Selangor.¹⁴⁹ Secara umumnya, BPI JAIS diketui oleh seorang pengarah dan dibantu oleh timbalan pengarah dan ketua penolong pengarah. Disamping itu, BPI JAIS dipecahkan kepada empat unit pengurusan utama yang terdiri daripada unit Kenaziran,

¹⁴⁹ Kertas Dasar Dan Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor, h.4, 2013

Unit Pengurusan Am, Unit Akademik dan. Unit Pelajaran Daerah¹⁵⁰ Secara jelasnya rajah di bawah menunjukkan organisasi pengurusan BPI JAIS.

Rajah 3.3. Organisasi Pentadbiran BPI JAIS



Sumber: Sektor Pengurusan Dan Pentadbiran BPI JAIS

¹⁵⁰ Ibid, 16.


Secara umumnya, BPI JAIS terdiri daripada 4unit induk yang menjalankan tugas pengurusan utama dalam hal-hal berkaitan sekolah-sekolah agama kelolaan BPI JAIS:

- 3.4.1 Unit Kenaziran:** merancang dan menyelaras strategi pemeriksaan dan penyelarasan serta mengawal selia pelaksanaan prosedur BPI.
- 3.4.2 Unit Pengurusan Am:** Mengurus segala urusan hal ehwal perkhidmatan guru, mengurus perlaksanaan kursus dan mengurus segala hal ehwal kaunseling dan tata tertib, disamping mengurus hal ehwal pentadbiran, pengurusan sekolah serta pendaftaran KAFA dan perhubungan. Sektor Pengurusan Sekolah: Merancang, mengurus pengambilan, penempatan dan pertukaran guru.
- 3.4.3 Unit Akademik:** Mengurus perlaksanaan Kurikulum Bersepadu Menengah, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Dan Kurikulum Islam JAIS. Disamping mentadbir utus Sektor Peperiksaan Dan Penilaian dengan Mengurus semua urusan peperiksaan PSRA, SMA mengikut jadual dan takwim. Sektor Pembangunan Kemanusiaan: Mengendalikan pengurusan disiplin, perkhidmatan kaunseling dan kebijakan pelajar serta merancang dan melaksana dan membantu pelaksanaan.
- 3.4.4 Unit Pelajaran Daerah:** menguruskan hal ehwal berkaitan Sekolah Agaa Menengah (SAM) serta Sekolah Rendah Agama (SRA) dan SRAI.
- Ekoran dari sambutan baik masyarakat Selangor terhadap perkembangan sekolah-sekolah agama, kini terdapat pelbagai jenis sekolah-sekolah agama di bawah kelolaan BPI JAIS dan sekolah-sekolah tersebut secara umumnya dapat di bahagikan kepada tiga kategori utama iaitu SAN, SABK dan SAS sebagaimana yang terdapat dalam rajah 3.4 di bawah.

Rasionalnya dan terdapat kelebihan apabila sesebuah sekolah agama di Selangor mendaftar di bawah BPI JAIS, antaranya sesebuah sekolah itu berpeluang untuk mendapatkan bimbingan dan khidmat nasihat berkaitan pendidikan dan maklumat

semasa berkaitan pendidikan. Di samping itu, pihak sekolah juga berpeluang untuk mendapatkan sokongan-sokongan dalam pelbagai aspek, seperti sokongan untuk menerima dana, dermasiswa *huffaz* dari Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan sokongan-sokongan lain.¹⁵¹

Rajah 3.4. Kategori Sekolah Agama BPI JAIS



Sumber: Sektor Sekolah BPI JAIS

Jika diperhatikan ketiga-tiga kategori tersebut, SAN merujuk kepada sekolah agama negeri yang ditadbir urus sepenuhnya oleh Bahagian Pendidikan Islam JAIS. SAN di Selangor merujuk kepada Sekolah Agama Menengah (SAM) dan Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT). SAN di Selangor juga terbahagi kepada dua peringkat, iaitu Sekolah Agama Rendah (SAR) dan Sekolah Agama Menengah (SAM). Dalam pada itu, SAN di Selangor juga ada yang dikategorikan sebagai SABK. SABK bermaksud sekolah agama negeri yang berada di bawah pentadbiran kerajaan pusat dan

¹⁵¹ https://www.academia.edu/27459229/SEKOLAH_AGAMA_SELANGOR, 12 Disember 2017,

dalam masa yang sama merupakan sekolah kawalan BPI JAIS. Disamping itu, Sekolah Agama Swasta (SAS) turut didaftarkan dibawah BPI JAIS. Maksudnya di sini, walaupun Sekolah Agama Swasta di Selangor di daftarkan di bawah BPI JAIS bukan bermaksud segala pengurusan sekolah tersebut berada di bawah tanggungjawabnya, akan tetapi BPI JAIS hanyalah sebagai pemantau dan penasihat sahaja dan segala hal ehawal berkaitan SAS berada di bawah tanggungjawab pengusaha dan tertakluk kepada pihak pengurusan sekolah itu sendiri.

SAS yang wujud di Selangor merupakan institusi pendidikan agama yang ditubuhkan oleh syarikat atau organisasi yang didaftarkan di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah Agama dan di bawah Akta Pendidikan, serta ditadbir sepenuhnya oleh LPS yang dilantik oleh syarikat atau organisasi berkaitan. SAS di JAIS merupakan sekolah agama yang menggunakan silibus JAIS tetapi tidak di taja oleh JAIS.

Terbentuknya SAS di Selangor pada hari ini berjalan seiring dengan keperluan masyarakat Islam terhadap pendidikan Islam. Penubuhannya adalah hasil inisiatif masyarakat tempatan yang telah menyedari tentang kepentingan pendidikan Islam untuk anak-anak mereka tanpa bergantung sepenuhnya kepada pihak kerajaan. Status institusi-institusi pendidikan Islam ini secara umumnya adalah diluar kuasa pengurusan dan pentadbiran kerajaan negeri kerana ditubuhkan atas hasrat murni masyarakat tempatan melalui pelbagai mekanisme yang sah menurut perundangan.¹⁵²

Dengan lain perkataan, sekolah agama swasta yang dimaksudkan ialah mana-mana sekolah agama Islam yang tidak ditadbir sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Ia diusahakan oleh orang perseorangan, syarikat, persatuan, atau pertubuhan yang mempunyai identiti sendiri. Umumnya, Sekolah Agama Swasta yang terdapat di

¹⁵² Azizi Umar et al, “Masalah Pengurusan Dan Keperluan Sekolah Agama Rakyat(SAR) / Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Persendirian Di Selangor”, (makalah, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia), Bangi: Selangor, (t.t), 139.

Selangor turut menawarkan pendidikan yang bermula di peringkat pra-sekolah. pendidikan sekolah rendah, pendidikan sekolah menengah dan sekolah tahfiz. Tuntasnya, SAS di Selangor turut meliputi pelbagai peringkat dan bentuk sebagai asas dalam memperkembangkan lagi insitusi pendidikan Islam dalam kalangan masyarakat Selangor.¹⁵³

3.5 Bahagian Pengurusan Sekolah Agama YIK Dan BPI JAIS

Seperti yang dimaklumi bahawa sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS masing-masing ditadbir urus oleh sektor dan bahagian-bahagian pengurusan tersendiri. Sekolah agama YIK ditadbir urus oleh 4 bahagian utama, iaitu Bahagian Pengurusan, Bahagian Sekolah Bahagian Akademik, dan Bahagian Kenaziran. Manakala pengurusan sekolah-sekolah agama di bawah kelolaan BPI JAIS pula ditadbir urus oleh unit-unitnya yang tersendiri, antaranya unit kenaziran, Unit Pengurusan Am, Unit Akademik, Unit Pelajaran Daerah. Oleh itu, pada bahagian ini pengkaji akan cuba menghuraikan bidang kuasa unit-unit pengurusan YIK dan unit-unit pengurusan BPI JAIS yang berperanan dalam menggerakkan sekolah-sekolah di Kelantan dan Selangor.

3.5.1 Unit Pengurusan Sekolah Agama YIK dan BPI JAIS

Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan BPI JAIS yang terdapat pada hari ini lebih merupakan sebuah agensi kerajaan negeri yang diamanahkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan Islam dan pengajian Bahasa Arab dalam kalangan penduduk negeri. Melalui hasil pembacaan bahan-bahan ilmiah serta kajian-kajian lepas, pengkaji melihat bahawa tahap perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan dan di Selangor agak berbeza dari sudut proses perkembangannya. Sekolah-sekolah agama di Kelantan dilihat dari dulu lagi telah berkembang berbanding di Selangor. Namun pengkaji tidak menafikan bahawa sejak akhir-akhir ini sekolah-sekolah agama di Selangor mula memperlihatkan daya saingan dengan negeri-negeri lain termasuklah Kelantan.

¹⁵³ Sumber Dari Seksyen Data BPI JAIS, 2013

Secara umumnya, keberjayaan sistem pendidikan Islam di Selangor pada hari ini turut disokong oleh pihak-pihak pengurusan dan unit-unit yang terlibat terutamanya di unit-unit BPI JAIS. Sekolah-sekolah agama YIK dan BPI JAIS umumnya mengamalkan dua kurikulum serentak iaitu kurikulum Al-Azhar dan kurikulum kebangsaan YIK dengan pendekatannya yang tersendiri telah memecahkan jenis-jenis kurikulum tersebut kepada tiga kurikulum utama, antarana Kurikulum Arab/Ugama, Kurikulum Tahfiz dan Kurikulum Umum. Kurikulum Al-Azhar membolehkan para pelajar Sekolah-sekolah agama YIK dan BPI JAIS menduduki peperiksaan kelolaan YIK dan BPI JAIS, manakala kurikulum kebangsaan membolehkan pelajar menduduki peperiksaan KPM. Pengurusan Akademik YIK dan BPI JAIS masing-masing berperanan dalam mengurus pelaksanaan kurikulum bagi sekolah-sekolah agama kelolaan negeri. Kurikulum Arab/Ugama, Kurikulum Tahfiz dan Kurikulum Umum di semua sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan berada di bawah bidang kuasa Unit Kurikulum begitulah juga di BPI JAIS. YIK dan BPI JAIS masing-masing berusaha untuk memperkasakan keupayaan guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan pelajar yang cemerlang di dunia dan akhirat. Disamping itu, YIK turut menitikberat serta mempertimbangkan penguasaan dan penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan guru-guru dan pelajar-pelajar YIK disamping mengendalikan dan memantau urusan peperiksaan kelolaan YIK dan membuat pemantauan terhadap peperiksaan kendalian KPM dan memastikan kegiatan ko kurikulum di sekolah-sekolah YIK selari dengan ko kurikulum arus perdana.¹⁵⁴ Secara ringkasnya, bahagian pengurusan akademik YIK dan BPI JAIS masing-masing menguruskan beberapa perkara utama yang melibatkan pelaksanaan kurikulum serta hal ehawal penilaian. Oleh itu, di sini pengkaji akan mengemukakan beberapa perkara yang berada di bawah bidang pengurusan akademik YIK dan BPI JAIS.

¹⁵⁴ *Ibid.*, 23.

3.5.1.1 Pelaksanaan Kurikulum

Dalam memastikan keberjayaan mencapai matlamat dalam pendidikan Islam, perlaksanaan pengurusan kurikulum yang baik akan memastikan matlamat berjaya dicapai. Kurikulum merupakan sebahagian daripada komponen yang menggerakkan proses pendidikan. Kefahaman tentang kurikulum memberi kelebihan kepada golongan pendidik yang bertanggungjawab untuk melaksanakan program pendidikan dengan lebih berkesan. Oleh itu, kurikulum dilihat sebagai suatu bidang yang sangat penting dan perlu dititikberatkan oleh semua pihak.¹⁵⁵

Kurikulum merupakan medium penting sebagai alat untuk mendidik modal insan dengan baik dan dalam usaha mengembangkan kekuatan, bakat, ketrampilan dan mempersiapkan mereka untuk memikul tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat serta sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini. Jika diperhatikan bahawa dasar perlaksanaan kurikulum di sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah agama amat jauh berbeza. Wujudnya asas perbezaan ekoran dari perbezaan pendekatan pakar pendidikan Islam dan pengasas sekolah-sekolah agama itu sendiri dalam memahami tujuan dan matlamat pendidikan Islam.¹⁵⁶

YIK merupakan badan pengelola yang memainkan peranan dalam menguruskan sekolah-sekolah agama di Kelantan, manakala BPI JAIS pula merupakan badan pengelola yang menguruskan sekolah-sekolah agama di Selangor. Kedua-dua organisasi ini mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari aspek keduniaan dan keakhiratan. Kedua-dua kelolaan ini juga turut menjadikan pengurusan kurikulum sebagai salah satu cabang penting dalam memastikan keberjayaan seseorang pelajar.

¹⁵⁵ Wan Ezielia Binti Wan Aziz, Pelaksanaan Pengurusan Kurikulum Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Kluster Daerah Johor Bahru, Fakulti Pendidikan Universiti Knologi Malaysia, 2014

¹⁵⁶ Supyan Hussin, Peranan Kerajaan Negeri Dan Persekutuan Ke Atas Sekolah Agama Rakyat: Satu Kajian Masalah Pengurusan Bersama Terhadap Pemilikan Kuasa, ATMA, UKM, h.3

Oleh itu, YIK dan BPI JAIS masing-masing mempunyai pendekatan berbeza dengan menggunakan pelbagai jenis kurikulum sebagai asas persediaan untuk melahirkan seseorang pelajar yang berwibawa dalam pelbagai aspek kehidupan. Jadual di bawah menunjukkan jenis-jenis kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS samaada di peringkat rendah mahupun menengah.

Jadual 3.5 (a). Jenis-Jenis Kurikulum YIK dan BPI JAIS

Bil	Kurikulum YIK	Kurikulum BPI JAIS
1	Kurikulum Standart Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK)	Kurikulum Pra Sekolah
2	Kurikulum Standard Sekolah Rendah	Kurikulum Pendidikan Islam (Sukatan SRA)
3	Kurikulum Standard Sekolah Menengah	Kurikulum Pendidikan Islam (Sukatan Al-Azhar)
4	Kurikulum Al-Azhari	Kurikulum Tahfiz
4	Kurikulum Tahfiz & Qiraat	Kurikulum Turath
5	Kurikulum Tahfiz.	Kurikulum standart sekolah rendah
6	Kurikulum Sains Tulen	Kurikulum standart sekolah menengah
7	Kitab Kuning	

Sumber: Unit Kurikulum YIK Dan BPI JAIS

Jadual diatas menunjukkan kepelbagaian jenis kurikulum YIK dan BPI JAIS. Kepelbagaian kurikulum tersebut meliputi kurikulum di peringkat tadika, rendah serta menengah. Jika diperhatikan lagi, YIK dengan menggunakan tujuh jenis kurikulum yang dilaksanakan terhadap sekolah-sekolah agama kelolaanya, manakala BPI JAIS menggunakan tujuh jenis kurikulum terhadap sekolah-sekolah tadbirannya. Ini memberi gambaran bahawa sekolah-sekolah agama YIK dan BPI JAIS sama-sama kearah

pemerkasaan kurikulum yang meliputi pelbagai aspek penguasaan samaada Kurikulum Agama, Kurikulum Umum (KPM), Kurikulum Tahfiz, Tahfiz Sains, Sains dan Teknologi serta Kemahiran dan banyak lagi.

Kurikulum BPI JAIS adalah satu program pendidikan berlandaskan wahyu Allah dan *Sunnah* Rasulullah yang meliputi kurikulum dan kegiatan kokurikulum untuk membantu perkembangan murid supaya berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia, berketerampilan dan mampu bersaing demi kesejahteraan ummah. Disamping itu, kurikulum juga menjadi teras kepada perkhidmatan BPI JAIS. Ia mempengaruhi sistem pendidikan samaada kepada sumber manusia dan prasarana. Kurikulum BPI JAIS dilaksanakan berasaskan kepada beberapa perkara antaranya melaksanakan pendidikan al-quran, fardhu ain dan fardhu kifayah.¹⁵⁷

Jika diperhatikan pula kepada perkembangan kurikulum sekolah-sekolah agama di Kelantan, pada tahun 1995 kerajaan negeri melalui Yayasan Islam Kelantan(YIK) telah mewujudkan aliran sains tulen di Sekolah Menengah Agama (Arab) Maahad Muhammadi Lelaki dan Maahad Muhammadi Perempuan. Aliran pengajian sains ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk meneruskan pengajian dalam bidang sains dan perubatan. Kemudian, pada tahun 1998, aliran pengajian teknik dan perdagangan telah diwujudkan di sekolah-sekolah seperti SMU (A) Amir Indera Petra, Bachok, SMU (A) Arabiah Pasir Mas, dan SMU (A) Maahad Muhammadi Pasir Pekan. Kewujudan aliran pendidikan yang bercorak sains dan vokasional ini menjadikan pelajar-pelajar di sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) lebih atau setanding dengan sekolah menengah harian di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Di samping itu, aliran pengajian ini mampu mendedahkan pelajar sekolah agama dengan perkembangan sains dan teknologi. Oleh itu, pelajar yang dilahirkan adalah mampu

¹⁵⁷ Kertas Dasar Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Pendidikan Islam Selangor, 2013, h. 13.

menguasai kedua-dua bidang ilmu iaitu ilmu agama dan sains. Penguasaan ini diharapkan akan menghasilkan ilmuwan yang mampu kembali memberikan sumbangan kepada kemajuan dan pembangunan negeri. Di samping itu, apa yang lebihnya di YIK lagi, terdapat sekolah-sekolah agama yang menyediakan kurikulum berasaskan tahlif qiraat dan pengajian kitab kuning yang diwarisi sejak zaman berzaman lagi dan sehingga kini masih diperhidupkan di sekolah-sekolah agama kelolaan YIK.

3.5.1.2 Pelaksanaan Peperiksaan YIK dan BPI JAIS

Peperiksaan merupakan satu proses pengukuran bagi menyukat tahap keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Ia merupakan satu proses menilai tentang pencapaian objektif pembelajaran, kaedah pengajaran dan keberkesanan sesebuah kurikulum. Kepentingan peperiksaan dalam proses P&P sangat penting, kenapa? Kerana keberjayaan dan kegagalan para pelajar tertakluk kepada kaedah penyampaian para guru dalam proses pengajaran.

Bagi mengukur tahap keupayaan guru-guru dalam proses penyampaian maklumat dan sebagai pelengkap dalam pelaksanaan kurikulum, maka pihak-pihak terlibat iaitu YIK dan BPI JAIS telah menentukan jenis-jenis peperiksaan yang dapat dijadikan sebagai kayu ukur dalam memastikan matlamat pendidikan di sekolah-sekolah agama kelolaan dapat dicapai. Rajah di bawah menunjukkan jenis-jenis peperiksaan dan penilaian yang terdapat di sekolah-sekolah agama YIK dan BPI JAIS.

Jadual 3.5(b). Jenis-Jenis Peperiksaan YIK

Bil	Peperiksaan Kendalian YIK	Peperiksaan Kendalian KPM
1	Ujian Khas Saf Awal (UKSA)	Penilaian Menengah Rendah (PMR)/ Penilaian Tingkatan 3 (PT3)
2	Sijil Menengah Rendah Ugama (PMRU)/ PSKI	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
3	Sijil Menengah Ugama (SMU)/ Sijil Menengah Tahfiz Quran (SMTQ)	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)
4	Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP)	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

Sumber: Unit Peperiksaan YIK

Jadual 3.5(c). Jenis-Jenis Peperiksaan BPI JAIS

Bil	Peperiksaan Kendalian BPI JAIS	Peperiksaan Kendalian KPM
1	Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA)	Penilaian Tingkatan 3 (PT3)
2	Sijil Menengah Agama (SMA)	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
3	Sijil Menengah Agama Tahfiz Quran (SMATQ)	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)
4	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

Sumber: Unit Peperiksaan BPI JAIS

Jika diperhatikan pada jadual 3.5(c) diatas menunjukkan kepelbagaiannya jenis peperiksaan kendalian YIK dan BPI JAIS. Umumnya mengetahui bahawa peperiksaan tersebut meliputi pelbagai peringkat, samaada rendah mahupun menengah. Jika diperhatikan lagi, peperiksaan kelolaan YIK terdiri daripada lima jenis yang meliputi Ujian Khas Saf Awal (UKSA), Penilaian Menengah Rendah Ugama (PMRU) atau telah ditukar menjadi PSKI iaitu Penilaian Standart Kurikulum *I'dadi*. Penilaian ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar tingkatan satu dan dua. Penilaian tersebut dilakukan terhadap beberapa aspek, antaranya penilaian syakhsiah oleh guru tingkatan. Umumnya, guru tingkatan dan guru mata pelajaran terlibat dalam mewujudkan PSKI ini. Di samping penilaian lisan dan bacaan. Sijil Menengah Ugama, Sijil Menengah Tahfiz Quran (SMTQ) Sijil Menengah Ugama (SMU)/ Sijil Menengah Tahfiz Quran (SMTQ).

Manakala peperiksaan kelolaan BPI JAIS pula meliputi (PSRA) Penilaian Sekolah Rendah Agama Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Menengah Agama Tahfiz Quran (SMATQ). PSRA merupakan singkatan kepada Penilaian Sekolah Rendah Agama. Pihak BPI JAIS telah menyediakan beberapa syarat kemasukan bagi pelajar-pelajar yang ingin memasuki ke sekolah-sekolah agama rendah JAIS, antaranya para pelajar perlu menduduki satu ujian yang dipanggil PSRA. Umumnya, ujian ini dilaksanakan pada Jun atau Julai bagi Ujian Tilawah dan Hafazan (UTH). Pemarkahan dikira berdasarkan gred *Mumtaz*, *Jayyid Jiddan*, *Jayyid*, *Maqbul* dan *Rasib*.

Jadual 3.7. Gred Pemarkahan PSRA BPI JAIS

MARKAH	GRED
90-100	Mumtaz (Cemerlang)
75-89	Jayyid Jiddan (Sangat Baik)
60-74	Jayyid (Baik)
40-59	Maqbul (Lulus)
0-39	Rasib/ Dhaif (Gagal)

Sumber: Unit Peperiksaan Dan Penilaian BPI JAIS

3.6 Kelbagai Jenis Sekolah agama YIK dan BPI JAIS

Minat masyarakat terhadap pendidikan agama kini semakin tinggi. Permintaan ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama melebihi dari tawaran dan kesanggupan pihak yang menyediakan. Ekoran dari faktor tersebut, munculnya pelbagai jenis sekolah agama sebagaimana yang terdapat di Kelantan kelolaan YIK dan di Selangor kelolaan BPI JAIS. Jadual di bawah menunjukkan kepelbagai sekolah-sekolah agama YIK dan BPI JAIS.

Jadual 3.8. Kepelbagaian Sekolah-Sekolah YIK Dan BPI JAIS

BIL	PERINGKAT YIK	JAIS
1	Tadika Islam	Tadika Tengku Anis
2	Rendah	Sekolah Rendah Agama
3	Menengah	SMU (A) Rendah/Menengah Tinggi(SABK)
		SABK
		Kelas Al-quran dan Fardhu
		Ain Integrasi (KAFAI)
		KAFA Menengah
4	Maahad	Maahad Kawalan Maahad Pilihan Maahad Tahfiz
		Maahad Tahfiz Sains Sains dan Teknologi
5	Pondok	Pusat Pengajian Pondok
6	Kolej	Kolej YIK

Sumber: Unit Sekolah YIK dan BPI JAIS

3.6.1 Tadika Islam

“*Melentur buluh biarlah dari rebungnya*” bertepatan dengan pepatah tersebut, dapat dilihat bahawa YIK dan BPI JAIS masing-masing memainkan peranan penting dengan menyediakan peluang-peluang pendidikan agama bermula di peringkat anak-anak kecil lagi sebagai medium mempersiapkan ibubapa untuk dijadikan pilihan menghantar anak-anak mereka bagi mendapatkan pendidikan agama. Berpandukan jadual diatas, dapat diperhatikan bahawa perkembangan sekolah agama bermula diperingkat tadika lagi.

Melihat akan kepentinggnya itu, Kerajaan negeri juga turut memberi tumpuan kepada perkembangan sekolah Tadika Islam. Pada 20 Februari 2000, sebuah lagi sekolah Tadika Islam dibuka, di Pasir Mas dengan nama Tadika Islam Tengku Anis 3. Dengan penubuhan ini, bilangan Tadika Islam telah bertambah menjadi tiga buah, termasuk Tadika Islam Tengku Anis 1 dan Tadika Tengku Anis 2 yang berada di Kota Bharu.

Pengurusan tadika-tadika tersebut diletakkan di bawah pengelolaan YIK. Sesi persekolahan PRA JAIS bermula jam 7.30 – 12 tengah hari pada hari Isnin hingga Khamis, manakala pada hari Jumaat, sesi pembelajaran bermula dari 7.30 hingga 11.00 pagi. Tempoh pembelajaran dua hingga 3 tahun, memberikan pengajaran al-quran dan fardhu ain, memberikan asas Bahasa Arab dan dijalankan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun.¹⁵⁸

3.6.2 Sekolah Rendah Agama (SRA)

Sekolah agama kini muncul dalam pelbagai peringkat, khususnya sekolah agama peringkat rendah dan juga menengah. Jika diteliti pada jadual diatas, sekolah rendah agama BPI JAIS mencakupi dua jenis iaitu Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI). SRA merupakan sekolah agama negeri yang menggunakan sukatan pelajaran jais sepenuhnya. Apa itu SRA? SRA terdiri dari tahun 1 hingga tahun 6. Peperiksaan Sijil Rendah Agama dijalankan kepada pelajar-pelajar darjah 6, pembelajaran hanya tertumpu kepada pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain disamping memberikan asas-asas pengajaran Bahasa Arab.

Manakala SRAI pula merupakan singkatan kepada Sekolah Rendah Agama Integrasi. SRAI hanya wujud di Selangor dan menggabungkan dua kurikulum iaitu Kurikulum Sekolah Rendah Agama dan Kurikulum KSSR. SRAI bermula dari tahun 1 hingga tahun 6. Dua jenis peperiksaan akan dilaksanakan kepada pelajar-pelajar tahun 6, Peperiksaan Sijil Rendah Agama dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Penumpuan

¹⁵⁸ Buku Dasar Hala Tuju Pendidikan Islam JAIS, h. 14

pengajaran diberikan kepada asas-asas Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, disamping turut diberikan tumpuan terhadap pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain. Bagi pelajar-pelajar yang ingin memasuki ke SRAI JAIS, satu ujian kelayakan akan dijalankan terlebih dahulu yang di panggil Ujian Kelayakan SRAI (UKS). Umumnya, para pelajar perlu menghadapi persaingan yang sengit untuk memasuki ke sesbuah SRAI, berikutan permintaan untuk mamasuki SRAI amat tinggi, ekoran itu pihak sekolah perlu membuat beberapa saringan untuk menerima kemasukan pelajar-pelajar dalam satu-satu sesi.

Oleh itu, sekolah rendah agama kelolaan BPI JAIS meliputi dua jenis. Asas perbezaan bagi kedua-dua itu adalah istilah Integrasi. Integrasi di sini bermaksud hasil gabungan dua sesi pembelajaran, di mana murid-murid akan mula belajar jam 7.30 pagi hingga 4 petang di sekolah yang sama berdasarkan gabungan dua kurikulum dan mempunyai dua sesi pembelajaran, pagi dan petang. Adapun sra pula merujuk kepada sekolah agama yang dijalankan secara berasingan dan hanya menumpukan kepada pengajaran Al-Quran dan Bahasa Arab.

Persoalannya disini, adakah Sekolah Rendah Agama tidak ada di bawah kelolaan YIK? Ada, namun permasalahan pokoknya, sekolah rendah agama kelolaan YIK tidak mempunyai struktur khusus sebagaimana yang wujud di bawah kelolaan BPI JAIS. SRA YIK boleh dianggap menumpang di Sekolah Menengah Ugama, kerana SRA YIK tidak mempunyai identitinya yang tersendiri. Contohnya dari sudut penjenamaan sekolah. Mengikut kategori, SRAI dikira sebagai sekolah swasta kerana SRAI tidak berdaftar di bawah KPM, cuma yuran bulanannya tidak semahal sekolah swasta dan mampu dibayar setiap bulan. Syarat memasuki SRAI, anak-anak perlu menghadapi satu ujian yang dipanggil UKS iaitu Ujian Kelayakan Tahun Satu SRAI.

3.6.3 Sekolah Agama Menengah (SAM)

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mendapati bahawa kepelbagaiannya jenis sekolah agama di peringkat agama menengah wujud di bawah kedua-dua kelolaan, iaitu di YIK dan BPI JAIS. Keseluruhannya, SAM kelolaan YIK meliputi dua jenis iaitu SMU (A) dan SMU (A) SABK. Apa yang membezakan SMU (A) dan SMU (A) SABK? SMU (A) merujuk kepada sekolah menengah agama negeri di bawah kelolaan YIK sepenuhnya. Manakala SMU (A) SABK pula merujuk kepada sekolah menengah agama YIK juga, namun kuasa dalam mentadbir urus sekolah jenis ini adalah pemilikan pentadbiran bersama dengan KPM. Apa yang membezakan diantara keduanya adalah tenaga pengajar. Guru-guru dia SABK merupakan guru-guru yang dihantar oleh KPM sebagaimana kini yang dipanggil guru interim DINI. Manakala di JAIS pula terdiri daripada SAM, SAMT dan KAFA Menengah.

3.6.4 sekolah Jenis Maahad/ Tahfiz

Minat masyarakat terhadap pendidikan agama sangat tinggi. Permintaan ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama melebihi dari tawaran dan kesanggupan pihak yang menyediakan. Ekoran faktor tersebut, pada tahun 1995 kerajaan negeri melalui (YIK) Yayasan Islam Kelantan telah mewujudkan aliran sains tulen di Sekolah Menengah Agama (Arab) Maahad Muhammadi Lelaki dan Maahad Muhammadi Perempuan. Aliran pengajian sains ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk meneruskan pengajian dalam bidang sains dan perubatan.

Di samping itu, perkembangan terkini menunjukkan bahawa sekolah aliran menghafaz al-Quran juga mula mendapat perhatian masyarakat. Kewujudannya meliputi pelbagai jenis, sebagaimana yang wujud di bawah kelolaan YIK seperti Maahad Tahfiz dan Maahad Tahfiz Sains, manakala di bawah kelolaan BPI JAIS pula terdiri daripada Maahad Integrasi Tahfiz Sains. Apa yang menariknya ialah setiap daripadanya itu menawarkan pendekatan dan rekabentuk kurikulum yang pelbagai dan

tersendiri. Namun, dari pengkajian pengkaji, YIK dan BPI JAIS hanya menawarkan program aliran tafhif di peringkat sekolah menengah sahaja. Umumnya, matlamat penubuhan dan kaedah pelaksanaan tafhif-tafhif di bawah kelolaan YIK dan BPI JAIS itu adalah berbeza diantara satu sama lain. Sebahagiannya memberi penumpuan terhadap aspek hafazan, manakala sebahagian yang lain pula memberi pengimbangan kepada beberapa komponen lain dengan kadar yang berbeza-beza seperti pengajian akademik, pengajian kitab kuning (*Turath*) dalam Bahasa Arab di pondok-pondok, aliran sains, kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran/vokasional dan lain-lain¹⁵⁹.

Melihat perkembangan maahad tafhif yang kian membangun, kerajaan negeri Kelantan di bawah pengelolaan YIK, ia adalah hasil cetusan idea mantan menteri besar Kelantan almarhum Y.A.B Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat setelah menerajui Kelantan sebagai menteri besar pada tahun 1990. Kemudian YIK mengorak langkah baru dengan menubuhkan Maahad Tahfiz Sains pada tahun 2004 yang juga hasil dari cadangan Menteri Besar Kelantan dengan hasrat untuk menyatupadukan ilmu wahyu dengan ilmu waqi'e. Maahad Tahfiz Sains yang pertama ialah Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah dengan pengambilan pelajar pertamanya seramai 120 orang. Langkah tersebut diikuti oleh kerajaan negeri lain seperti penubuhan sekolah menengah IMTIAZ di Terengganu, Sekolah Integrasi Maahad Tahfiz Sains Bandar Istana Selangor (2008), Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) dan pihak mara turut mengambil langkah yang sama dengan memperkenalkan Maktab Rendah Sains MARA Tahfiz di Besut Terengganu.¹⁶⁰

Pengkaji beranggapan bahawa kepelbagai jenis ini mempunyai justifikasi, matlamat dan halatuju yang berbeza antara pelbagai pihak yang terlibat. Pertama, ibu

¹⁵⁹ Dr. Mohd Hisham Md Nawi et al, Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajaran Tahfiz Di Kelantan: Satu Pengamatan Awal, h. 15.

¹⁶⁰ *Ibid.*, 5.

bapa pelajar semestinya mempunyai matlamat yang tersendiri berkaitan pemilihan tempat dan jenis maahad tahniz tersebut. Perkara yang sama turut berlaku di peringkat negeri atau kerajaan pusat. Keseluruhannya, perkembangan dan kepelbagaian maahad ini adalah sesuatu yang amat menarik untuk diperkembangkan di setiap negeri-negeri lain kerana impaknya kepada generasi masa hadapan adalah besar.

3.6.5 Sekolah Jenis Pondok

Kerajaan Negeri juga memberi perhatian kepada pembangunan pengajian pondok yang merupakan institusi pengajian Islam yang tertua di Kelantan. Pembangunan pengajian tradisional Islam ini dapat dilihat dengan penubuhan Pusat Pengajian Pondok, di Kandis, Bachok. Pusat ini merupakan satu-satunya sekolah yang menggunakan sistem pengajian pondok, yang dapat menyambung pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir. Pusat pengajian pondok ini telah mendapat pengiktirafan daripada Al-Azhar bagi membolehkan pelajar-pelajarnya menyambung pelajaran di Tahun 3 kuliah Dirasat Islamiah.'

Pada 22 April 1995, kerajaan telah membuat perancangan untuk meningkatkan perkembangan pondok, dengan memperbadankan pondok-pondok di bawah Pusat Pembangunan Pondok Berhad. Lantaran itu kerajaan telah meluluskan satu kawasan konsesi balak untuk menjadi sumber pendapatan perbadanan pondok tersebut yang dapat menghasilkan kewangan sebanyak RM8 juta untuk digunakan bagi pembangunan pondok-pondok di negeri Kelantan. Bagi memastikan lepasan daripada pondok ini dapat meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi, Pusat Pembangunan Pondok Berhad pada 17 Julai 1997 telah menujuhkan Kolej Pondok Darulnaim, di Pasir Tumboh dengan kos awal sebanyak RM140,000. Tujuan utama penubuhan Kolej Pondok Darul Naim ini adalah untuk menjadikannya sebagai sebuah pusat pengajian lanjutan bagi lepasan pondok dan juga terbuka kepada lepasan Sijil Tinggi Ugama (STU). Kurikulum yang dipakai ialah kurikulum bersepadu antara pengajian tradisional

yang biasa diamalkan di pondok-pondok disamping pengajian manhaj yang biasa diamalkan di pusat-pusat pengajian tinggi.

3.7 Kepelbagai Guru

Guru merupakan elemen penting sebagai pelaksana kurikulum. Kualiti guru merupakan faktor penentu di peringkat sekolah bagi membentuk keberhasilan pelajar. Satu kajian yang menarik pada pertengahan 1990-an menunjukkan bahawa dua orang pelajar yang sebaya dengan prestasi yang sederhana namun diajar oleh dua orang guru yang berbeza, maka natijahnya juga berbeza. Ini kerana hasil kajian menunjukkan bahawa prestasi pencapaian pelajar-pelajar tersebut turut berbeza dalam tempoh tiga tahun.¹⁶¹ Begitu besarnya peranan guru dalam memastikan keberjayaan dalam mencapai matlamat pengajaran.

¹⁶¹ [http://www.padu.edu.my/files/Buletin_Anjakan_Bil_5-2015_\(Final\).pdf](http://www.padu.edu.my/files/Buletin_Anjakan_Bil_5-2015_(Final).pdf), dicapai pada 17 Januari 2018.

3.7. 1 Jenis-Jenis Guru YIK Dan BPI JAIS

Jenis-Jenis Guru YIK	Jenis-jenis guru BPI JAIS
BIL	
1 Guru Khas	Guru Tetap
2 Guru Ganti	Guru Sambilan
3 Guru Elaun	Guru Ganti
4 Guru Sandaran	Guru Rakyat
5 Guru Tetap	

Sumber: Unit Pengurusan YIK Dan BPI JAIS

Oleh itu, dalam memastikan keberjayaan membentuk para pelajar, maka pihak pengurusan YIK dan BPI JAIS telah mengklasifikasikan guru-guru sekolah agama kelolaan kepada beberapa jenis. Jika diperhatikan pada jadual 3.9 diatas menunjukkan kepelbagaiannya jenis guru-guru YIK dan BPI JAIS. YIK secara keseluruhannya meliputi lima jenis guru antaranya Guru Tetap, Guru Sandaran, Guru Elaun, Guru Khas Dan Guru Ganti. Manakala guru-guru BPI JAIS terdiri daripada empat jenis yang meliputi Guru Tetap, Guru Sambilan, Guru Ganti dan Guru Rakyat. Secara keseluruhan apa yang mampu pengkaji simpulkan di sini tertang guru-guru YIK dan BPI JAIS adalah berbeza walaupun seakan-akan sama dari sudut panggilan namanya.

BAB 4: ANALISIS KEBERKESANAN PENGURUSAN YIK DAN BPI JAIS

4.1 Pengenalan

Pengurusan merupakan sesuatu yang amat penting dalam setiap organisasi yang dibentuk demi memastikan matlamat organisasi dapat dicapai dengan cemerlang. Begitulah juga dengan unit-unit pengurusan YIK dan BPI JAIS dalam usaha memperkembangkan sekolah-sekolah agama kelolaan masing-masing demi untuk melahirkan para pelajar yang berjaya di dunia dan di akhirat. Oleh itu, berdasarkan kajian ini, pengkaji ingin mengukur tahap keberkesanan pengurusan YIK dan BPI JAIS dalam usaha membangunkan institusi sekolah-sekolah agama yang wujud di negeri Kelantan dan Selangor.

Bagi mengukur tahap keberkesanan pengurusan YIK dan BPI JAIS, maka pengkaji mengambil pendekatan dengan membuat penilaian berdasarkan beberapa aspek pengurusan yang diupayakan di YIK dan BPI JAIS. Ini kerana, tahap keberkesanan tersebut dapat dinilai berdasarkan satu standard dalam pengurusan penilaian yang memainkan peranan oleh guru dalam mengamalkan pengurusan yang efektif.

Dalam pengurusan sekolah-sekolah agama, YIK dan BPI JAIS masing-masing mempunyai satu standard piawaian yang khusus kepada sekolah-sekolah kelolaan sebagai satu garis panduan dan rujukan dalam mencapai matlamat. Oleh itu, pengkaji ingin mengukur tahap keberkesanan pengurusan YIK dan BPI JAIS berdasarkan elemen-elemen yang boleh diukur berdasarkan pengurusan kurikulum, pengurusan akademik dan pengurusan sekolah.

4.2 Keberkesanan Pengurusan Kurikulum YIK Dan BPI JAIS

Perkembangan pendidikan Islam di Malaysia sering dikaitkan dengan perkembangan matapelajaran Pendidikan Islam. Pembinaan sukanan matapelajarannya pula dikaitkan dengan falsafah pendidikan Negara berbanding dengan falsafah Pendidikan Islam. Jika diteliti sejarah awal Pendidikan Islam, ianya boleh dikaitkan hubungannya dengan perkembangan di Timur Tengah khususnya Negara mesir. Ini kerana di Mesir terdapatnya University Al-Azhar yang menjadi rujukan dan panduan pembinaan kerangka awal kurikulum di Sekolah Agama Rakyat (SAR).¹⁶²

Umumnya, pendidikan Islam merupakan satu usaha kearah melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis dari pelbagai aspek, samaada intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dengan kaita lain, pendidikan bermatlamat untuk melahirkan individu yang seimbang dari aspek material mahupun spiritual.¹⁶³ Berikutnya dari pemahaman itu, YIK dan BPI JAIS sebagai pengelola bersama-sama berusaha kaearah memperkembangkan silibus atau dengan kata lain sukanan pembelajaran bagi memastikan berlakunya pengimbangan dalam pembelajaran disamping matlamat untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing mampu dicapai. Oleh itu, Jadual 3.5 dibawah menunjukkan ringkasan kepada Jenis-Jenis Kurikulum YIK dan BPI JAIS.

¹⁶² Azizi Umar dan Supyan Hussin, “Hubungan Malaysia Dan Mesir Dalam Membangunkan Kurikulum Diniah Di Sekolah Agama Rakyat: Suatu Kajian Perkembangan Dan Cabaran di Kelantan,” (Atikal, National University Of Malaysia, Januari 2008), 1.

¹⁶³ <https://www.moe.gov.my/index.php/my/dasar/falsafah-pendidikan-kebangsaan>, dicapai pada 3 Januari 2018.

Jadual 4.1. Jenis Kurikulum

Bil	Jenis Kurikulum	
	Yayasan Islam Kelantan(YIK)	Bahagian Pen.Islam JAIS(BPI JAIS)
1		UMUM
2		KURIKULUM AZHARI/ ARAB AGAMA
3		TAHFIZ/ QIRAAAT
4	KITAB KUNING	TURATH (PONDOK)
5	SAINS DAN TEKNOLOGI	-
6	VOKASIOANAL	-

Sumber: Unit Kurikulum YIK Dan BPI JAIS

Berikut daripada jadual tersebut, maka fahamilah kita bahawa sekolah agama di Kelantan dan Selangor kini masing-masing menuju kearah suatu perkembangan yang lebih positif. Secara keseluruhan jenis kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah agama YIK meliputi enam jenis, manakala di BPI JAIS pula tiga dan ditambah dengan kurikulum Pendidikan Islam yang dikeluarkan khusus dari Unit Kurikulum BPI JAIS. Umumnya YIK dan BPI JAIS menggunakan kurikulum umum iaitu kurikulum yang dibekalkan oleh KPM kepada sekolah-sekolah harian biasa seperti matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris dan sebagainya.

Disamping itu, YIK dan BPI JAIS turut menggunakan Kurikulum Arab/Agama atau juga dipanggil sebagai Kurikulum *Azhari* sebagai kurikulum utama bagi sekolah-sekolah agama kelolaan. Sekolah agama umumnya sinonim dengan pelaksanaan kurikulum diniah dan menjadi identitinya yang meliputi mata pelajaran-mata pelajaran *diniah* seperti al-quran, ibadat, sirah nabawiyyah, Tauhid, Feqah, Tafsir, Hadis dan

sebagainya. Azizi Umar dan Supyan Hussin, telah merangkumkan pengertian pelaksanaan kurikulum *diniyah* adalah seperti berikut:

“ satu kumpulan matapelajaran dalam bidang pengajian Islam, bahasa dan Kesusastraan Arab, menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar berdasarkan model kurikulum *Ma'had But'ah Al-Azhar*, Mesir, diajar dalam tempoh masa yang ditetapkan disamping pelaksanaan kurikulum kebangsaan berlandaskan susunan jadual secara berselang seli, dilaksanakan dipelbagai peringkat samaada rendah mahupun menengah atas, diperakui oleh oleh unit kurikulum peringkat negeri dan keberkesan pelaksanaannya dinilai berdasarkan peperiksaan”¹⁶⁴

Dalam pada itu, YIK dan BPI JAIS juga turut memperkenalkan kurikulum Tahfiz sebagai salah satu medium untuk memupuk semangat cinta akan al-Quran. Ekoran minat yang mendalam terhadap Al-quran diperkuuhkan pula dengan semangat cinta akan agama, maka kini sekolah-sekolah agama aliran menghafaz Al-Quran mula mendapat perhatian daripada masyarakat khususnya para ibubapa di Kelantan dan juga di Selangor. Buktinya, telah wujud sekolah-sekolah agama beraliran Tahfiz, Tahfiz Qiraat, Turath yang kini wujud di bawah kedua-dua kelolaan, samaada di YIK mahupun BPI JAIS.

Apa yang menariknya lagi, sekolah-sekolah beraliran Al-Quran itu turut menawarkan pendekatan dan rekabentuk kurikulum yang pelbagai dan tersendiri disamping menggunakan pendekatan berbeza dalam proses pelaksanaannya. Maksudnya di sini, YIK dan BPI JAIS sebagai badan pengelola mempunyai matlamat penubuhan dan kaedah pelaksanaan yang berbeza, sebahagian daripadanya memberi penumpuan sepenuhnya terhadap sukatan menghafaz Al-Quran, sebahagian yang lain pula memberi perimbangan diantara komponen-komponen lain seperti kurikulum akademik, pengajian kitab kuning, sains dan teknologi, kemahiran-kemahiran dan sebagainya.

Buktinya kini di Kelantan terdapat pelbagai jenis maahad seperti Maahad Tahfiz Wal Qira'at dengan kurikulum YIK yang menggabungan kurikulum kebangsaan, kurikulum tahfiz dan Qira'at (30 juz hafazan). Maahad ini menyediakan kemudahan asrama, dengan tujuan membuka ruang dan peluang kepada mereka yang jauh, terutama

¹⁶⁴ Azizi Umar dan Supyan Hussin, “Hubungan Malaysia Dan Mesir,” 2.

mereka yang berada di luar daripada Kelantan dengan bayaran bulanan sebanyak RM250. YIK turut menubuhkan Maahad Tahfiz Sains yang menyediakan aliran sains tulen membekalkan kurikulum kebangsaan dan kurikulum *Azhari* beserta 30 juz hafazan. Di samping itu, YIK turut menubuhkan sekolah perintis yang menggabungkan elemen tahfiz, sains tulen, penguasaan Bahasa Arab/Inggeris dan Pengajian Kitab *Turath* (pondok) secara bersepadu. MSTG mengekalkan mata pelajaran teras iaitu kurikulum umum dan kurikulum Apa yang istimewanya MSTG ini membekalkan program-program pembinaan jati diri, penguasaan tiga bahasa, iaitu Melayu, Arab dan Inggeris serta pemahaman kitab pondok.

Dalam pada itu, jika dilihat kepada pelaksanaan kurikulum BPI JAIS adalah berpaksikan kepada Al-Quran dan As Sunnah. Sumber-sumber ilmu Islam selain itu yang muktabar akan diterima sebagai kurikulum ini. Kurikulum JAIS berasaskan kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pada masa yang sama ilmu-ilmu *muktasibi* yang berasaskan kepada akal insan akan dimanfaatkan selagi tidak bertentangan dengan Al-Quran dan As Sunnah. Kejayaan generasi masa silam seperti Ibnu Sina, Al-Kindi, Al-Khawarizmi, Ibn Khaldun dan seumpamanya adalah model-model cendikiawan insan muslim yang menjadi kebanggaan dalam sistem pendidikan ini. Dengan alasan itulah, bahagian BPI JAIS meyakini dan percaya bahawa integrasi ilmu antara ilmu wahyu dan ilmu muktasabi berteraskan kawalan secara holistik daripada Al-Quran dan As-Sunnah akan mampu mengembalikan kegemilangan tamadun dan peradaban Islam.¹⁶⁵

Jika diperhatikan lagi pada jadual 4.1 diatas, secara keseluruhan YIK dilihat lebih berkeupayaan dalam perkembangan kurikulum, yang mana YIK mempunyai dua jenis kurikulum lain yang tidak terdapat di sekolah-sekolah BPI JAIS, iaitu jenis kurikulum yang menekankan aspek sains dan teknologi, kemahiran dan vokasional.

¹⁶⁵Kertas Dasar Dan Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor, h. 13.

Pengkaji menganggap perbezaan ini sebagai satu kelebihan dan keistimewaan yang ada di sekolah-sekolah agama kelolaan YIK. Berlakunya ketidakseragaman dalam perkembangan kurikulum diantara YIK dan BPI JAIS memungkinkan pengkaji mengandaikan disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya:

4.2.1 Tahap Perkembangan Agama Islam Yang Tidak Seiring

Penyebaran Islam merupakan titik tolak utama dalam pembentukan sesebuah bandar Islam. Penemuan batu bersurat di Kuala Berang Terengganu, bertarikh 788H/1386M yang dijumpai pada 1922M melengkapkan satu susunan sejarah kedatangan Islam ke Pantai Timur Tanah Melayu. Melalui artifak-artifak tersebut menunjukkan Kelantan negeri kedua yang menerima Islam (1811M) selepas negeri Champa (1025M dan 1039M).¹⁶⁶ Ini menunjukkan bahawa Kelantan merupakan negeri terawal menerima Islam jika dibandingkan dengan Selangor yang merupakan salah sebuah negeri yang agak terkemudian dalam menerima kedatangan Islam. Apabila berbincang tentang perkembangan Islam di Selangor, tiada fakta konkret yang menceritakan perkembangan Islam di sana sehingga kurun ke 15M. Mengikut sejarah, Selangor menjadi jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka. Rentetan dari itu, Islam mula bertapak di Selangor yang dibawa oleh pemerintah yang dilantik oleh Kerajaan Melaka iaitu Tun Perak yang dilantik menjadi penghulu di Kelang oleh Kerajaan Melaka pada masa itu.¹⁶⁷ Rentetan dari itu dan pada akhir abad ke 19, telah terdapat guru-guru agama dan kewujudan madrasah di Selangor dan `perkembangannya berlaku sehingga kini. Secara keseluruhan apa yang mampu pengkaji simpulkan di sini bahawa berbezaan tahap perkembangan agama menjadi salah satu punca yang mempengaruhi tahap perkembangan institusi sekolah-sekolah agama yang sehingga kini mendatangkan kesan sampingan.

¹⁶⁶ Suhana Saad, *Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes Di Kota Bharu, Kelantan, Malaysian, Journal of Society and Space*5 Issue 3 (2009), 9.

¹⁶⁷Mohd Jamil Bin Mukmin, Melaka: Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara (Melaka: Institute Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia (Iksep), Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 2004), 5

4.2.2 Jalinan Hubungan Diantara Kelantan Dan Mesir

Kelantan merupakan negeri pertama yang mengambil model kurikulum Al-Azhar sebagai rujukan dalam pengajian Islam dan menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Kelantan juga merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai kuasa autoriti dalam hal ehwal Islam. Pada tahun 1937, telah terjalin satu hubungan diantara Majlis Ugama Islam Kelantan melalui Bahagian Pelajaran Bahasa Arab di Madrasah Muhammadiyah dengan negara Mesir. Kelantan pada ketika itu ditadbir oleh Paduka Raja Kelantan. Sebagai bukti wujudnya jalinan hubungan pada tahun tersebut, yang mulia Sayid Abu Bakar Al-Attas telah menerima hadiah daripada Al-Fadhil Al-Ustaz Al-Akhbar Shaikh Al-Jame' Al-Azhar Mustafa. Hadiah tersebut mengandungi buku-buku peraturan undang-undang Jame' Al-Azhar, yang berkaitan Peraturan Menerima Masuk Pelajar-Pelajar Luar daripada Mesir. Berpandukan buku peraturan tersebut, maahad telah membentuk peraturan-peraturannya yang sendiri termasuklah juga berkaitan sukanan matapelajaran.¹⁶⁸ Melalui hasil pembacaan pengkaji juga, hasil pembinaan kurikulum Al-Azhar di sekolah-sekolah agama negeri Kelantan telah melalui proses yang lama dan dianggap telah mencapai standard yang terbaik dalam melahirkan pelajar cemerlang, buktinya diperkuuhkan apabila kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah agama Kelantan diambil dan dijadikan panduan serta rujukan oleh negeri-negeri luar seperti Selangor, Sarawak bahkan Singapura. Tambahan lagi, hampir 80% daripada sukanan STAM yang telah diselaraskan diseluruh Malaysia berpandukan kurikulum di Kelantan.

Kesimpulannya di sini, terjalinnya hubungan Kelantan dan Mesir boleh dianggap sebagai salah satu faktor yang menjadikan sekolah-sekolah Agama di Kelantan lebih terkehadapan dalam kepelbagaian pelaksanaan kurikulum berbanding sekolah-sekolah agama di negeri Selangor, ini kerana Kelantan telah menjadikan Mesir

¹⁶⁸ Azizi Umar dan Supyan Hussin, "Hubungan Malaysia Dan Mesir," 2.

sebagai model, rujukan mahupun panduan dalam memperkembangkan institusi sekolah agama, manakala negeri-negeri lain pula menjadikan Kelantan sebagai rujukan dalam memperkembangkan sekolah-sekolah agama negeri yang wujud pada hari ini.

4.2.3 Pemerintahan Dan Pentadbiran Negeri Yang Berbeza

Umumnya mengetahui bahawa Kelantan sejak dahulu dipelopori oleh pemimpin-pemimpin dari golongan *alim ulama'*, dan umumnya mereka itu dalam kalangan parti PAS. Wujudnya PAS di Kelantan sejak 1953 yang bertapak di Pasir Mas sebagai cawangan pertama.¹⁶⁹ Kelantan di bawah pentadbiran PAS amat menekankan aspek pendidikan, ini kerana umumnya para pemimpin sedar akan tanggungjawab dalam menuntut ilmu, bahkan banyak hadis-hadis yang menyatakan tentang kelebihan orang-orang berilmu. ekoran dari pemahaman tersebut, kerajaan PAS di Kelantan menjadikan konsep *tarbiah* dan pendidikan agama sebagai satu strategi untuk menegakkan Syariat Islam di Kelantan. Awalnya, penubuhan sekolah-Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri melalui Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), namun kerajaan negeri mengambil alih dan menyelaraskan sekolah-sekolah agama tersebut dari sudut pembelajaran dan pengajaran. Pada tahun 1965, kerajaan negeri telah menujuhkan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan sebagai galakan untuk para pelajar meneruskan pengajian agama sehingga peringkat tinggi. Penekanan terhadap pendidikan Islam terus diberi dengan tujuan dapat melahirkan lebih ramai *alim ulama'* yang berpengetahuan tinggi dan berjiwa agama. Pelbagai usaha dan gerak kerja pembangunan di jalankan seperti membaiki bangunan-bangunan sekolah, menyediakan ruang belajar yang lebih selesa, menambah guru-guru terlatih, menaikkan elauan guru-guru dan sebagainya. Apa yang penting, kerajaan negeri telah menambah peruntukan

¹⁶⁹ Paridah Ali, Sejarah Pas di Kelantan 1953-1959

kepada YIK sebagai pengelola sekolah agama negeri dengan tujuan mampu meningkatkan pengurusan dan pembangunan sekolah agama di Kelantan.¹⁷⁰

Situasi berikut adalah berbeza di negeri selangor, ini kerana sejak lima tahun terbelakang ini selangor mula ditadbir oleh pakatan rakyat yang mana tahun-tahun sebelumnya di tadbir oleh kepimpinan UMNO. Sejak akhir-akhir ini selangor mula memperlihatkan perkembangan dari sudut pembangunan sekolah-sekolah agama. Perkara ini bertepatan dengan manifesto yang dibentangkan oleh PR dalam pilihan raya umum ke 13, iaitu menumpukan terhadap pembangunan sekolah-sekolah agama di bawah pentadbiran BPI JAIS, buktinya telah bertambah jumlah-jumlah sekolah agama di Selangor seperti bertambahnya jumlah Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan dalam masa yang sama tertubuhnya KAFA Menengah¹⁷¹. Keadaan ini dilihat satu perkembangan yang positif dan pengkaji mengharapkan agar tahun-tahun yang akan datang dapat memperkembangkan lagi institusi sekolah-sekolah agama di negeri Selangor.

Secara keseluruhan apa yang mampu pengkaji simpulkan berkaitan keberkesanan pengurusan kurikulum ini, samaada di YIK mahupun di BPI JAIS, pengkaji melihat dari sudut perkembangan kurikulum, YIK lebih menyeluruh dan bertepatan dengan konsep *diniah*, namun pengkaji tidak menafikan bahawa sekolah-sekolah agama BPI JAIS juga sedang menuju kaerah kecemerlangan berikutan lahirnya kurikulu-kurikulum baru seperti Tahfiz dan *Turath*. Hal ini perlu dikekalkan dan diperkembangkan lagi di masa hadapan. Jadi, secara keseluruhannya berdasarkan kurikulum-kurikulum YIK dan BPI JAIS, pengkaji merumuskan dan membahagikan kepelbagai sistem dan kurikulum tersebut kepada tiga aspek besar yang telah mencakupi bidang dan juga peringkat.

¹⁷⁰ Ahmad Fakhruddin Bin Mohd Tahir, “Pelaksanaan Dakwah Parti Islam Semalaysia (PAS) Melalui Politik,” (tesis Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, APIUM, 2014), 48.

¹⁷¹ <https://selangorkini.my/wp-content/uploads/2013/04/manifesto-selangor-print-Malay-FA-v8print.pdf>, dicapai pada 15 disember 2018.

- a. Tahap Pendidikan Sekolah**
 - i. Tahap kanak-kanak (Pra Sekolah)
 - ii. Tahap rendah (Sekolah Rendah)
 - iii. Tahap remaja (Sekolah Menengah)
- b. Kaedah Dan Pendekatan Pengajian**
 - i. Tradisional
 - ii. Moden
- c. Aliran Pengajian**
 - i. Arab/ agama
 - ii. Umum
 - iii. Tahfiz dan Qiraat
 - iv. Sains Teknologi
 - v. Kamahiran Vokasional

4.3 Keberkesanan Pengurusan Peperiksaan YIK dan BPI JAIS

Kesedaran masyarakat tentang peri pentingnya pendidikan agama pada masa kini mula meningkat. Perkara ini dapat diukur berdasarkan keperihatinan ibu bapa yang mendaftar anak-anak ke sekolah-sekolah agama samaada di peringkat rendah, menengah mahupun tinggi. Pendidikan agama mampu memperbaiki kehidupan manusia dalam masa yang sama dapat mewujudkan keseimbangan pembentukan modal insan berjaya. Pendidikan Islam mempunyai ciri-ciri lengkap dalam proses pendidikan yang meliputi aspek keimanan, akhlak dan juga ilmu. Jika berlakunya kepincangan terhadap ketiga-tiga aspek tersebut maka tidak akan tercapai matlamat pendidikan Islam yang sebenar¹⁷². Dalam pada itu, tujuan pendidikan Islam juga adalah untuk membangunkan pemikiran

¹⁷² Al-Nahlawi, Abdul Rahman, *Usui Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah Wa As Alibi: Fi Al-Bait Wa Al-Madrasah Wa Al-Mujtama* (Beirut: Dar Al-Fikr, 1996), 42.

manusia serta mengatur kelakuan dan kecenderungan dalam kehidupan individu dan masyarakat melalui asas-asas Islam.

Apabila membahaskan tentang perkara ini, para guru merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam proses mendidik melalui sistem persekolahan sebagaimana yang wujud pada hari ini. oleh itu, Pengajaran dan pembelajaran berkesan merupakan salah satu elemen penting dalam proses menyampai dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Oleh itu, pengajaran berkesan dapat dibuktikan melalui pencapaian seseorang pelajar, samaada pencapaian akademik mahupun akhlak.¹⁷³

Fahamilah di sini bahawa dalam melahirkan seseorang pelajar yang cemerlang, guru sebagai watak utama yang bertanggungjawab mengadunkan elemen-elemen penting sebagai medium asas pendidikan seperti melaksanakan proses p&p perdasarkan sukatan kurikulum yang telah ditetapkan, di samping para guru juga perlu mendidik para pelajar melalui teladan dan guru sebagai *role model* terhadap pelajar. Kegagalan atau keberjayaan para guru dapat dinilai berdasarkan pencapai akademik pelajar serta dapat diperhatikan melalui perilaku dan gaya hidup pelajar dalam kedihupan seharian.

Oleh itu, berdasarkan pemahaman tersebut, pengkaji ingin meninjau tahap keberkesanan sistem persekolahan agama di bawah kelolaan YIK dan BPI JAIS melalui pelaksanaan sistem peperiksaan yang dalam masa sama mempunyai hubung kait yang rapat dengan guru-guru sebagai faktor induk yang mampu merialisasikan matlamat utama organisasi samaada di Kelantan mahupun di Selangor dalam melahirkan pelajar-pelajar cemerlang.

Secara keseluruhan, jadual di bawah menunjukkan keputusan peperiksaan bagi sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS dalam tempoh 6 tahun kebelakangan ini. Berdasarkan jadual tersebut, pengkaji turut menyenaraikan sekali jenis-jenis peperiksaan berserta peratusan bagi setiap tahun. Berpandukan jadual

¹⁷³ Azizi Hj Yahaya, "Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Dan Pelajaran Di Dalam Bengkel Vokasional Di Dua Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan", *Jurnal PSM TQAH* (t.t), 1.

tersebut, jenis-jenis peperiksaan kendalian YIK terdiri daripada 3 jenis, yang meliputi peringkat Sijil Menengah Ugama (SMU) bagi pelajar-pelajar tingkatan 4, manakala jenis-jenis peperiksaan kendalian BPI JAIS pula sebanyak 5 jenis yang meliputi peringkat rendah dan menengah.

Jadual 4.2 (a): Jenis Peperiksaan Dan Peratusan Bagi Sekolah Agama YIK Mengikut Tahun

BIL	PEPERIKSAAN YIK	PERINGKAT RENDAH					
		2012	2013	2014	2015	2016	2017
1	-	-	-	-	-	-	-
PERINGKAT MENENGAH							
2	Sijil Menengah Ugama (SMU)	77.36%	78.42%	80.26%	84.73%	91.24%	91.27%
3	Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP)	79.24%	65.30%	78.12%	50.67%	55.13%	81.82%
4	Sijil Menengah Tahfiz Quran (SMTQ)	98.66%	100%	100%	99.69%	100%	100%

University Of Malaya

Jadual 4.2 (b): Jenis Peperiksaan Dan Peratusan Bagi Sekolah Agama BPI JAIS Mengikut Tahun

PERINGKAT RENDAH

BIL	PEPERIKSAAN	2012	2013	2014	2015	2016	2017
	BPI JAIS						

1	Penilaian Sekolah	81.7%	85.6%	85.9%	89.8%	89.67%	90.82%
	Rendah Agama						
	(PSRA)						

PERINGKAT MENENGAH

	Sijil Menengah	90.1%	89.3%	95.2%	90.3%	92.6%	94.6%
2	Agama (SMA)						

3	Sijil Menengah	100%	100%	100%	100%	100%	100%
	Agama Tahfiz Al-Quran (SMATQ)						

4	Sijil Menengah				100%	100%	
	Agama Turath & Dakwah (SMATD)						

5	Sijil Kafa Menengah (SKM)						100%
---	----------------------------------	--	--	--	--	--	------

Sumber: Unit Peperiksaan YIK Dan BPI JAIS

4.3.1 Analisis Keberkesanan Peperiksaan YIK dan BPI JAIS


4.3.1.1 Peringkat Rendah

Setelah diteliti, pengkaji mendapati bahawa penilaian di peringkat rendah hanya wujud di sekolah-sekolah kelolaan BPI JAIS sahaja. Maksudnya di sini, sekolah-sekolah rendah kelolaan YIK tidak mempunyai sebarang bentuk penilaian khusus yang dikendalikan oleh pihak pengurusan sekolah agama negeri di Kelantan. Manakala di Selangor, satu bentuk penilaian telah disediakan oleh pihak pengurusan sekolah BPI JAIS, iaitu Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA). Ianya merupakan satu peperiksaan bersijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor Bahagian Pendidikan Islam. Penilaian ini dijalankan ke atas pelajar darjah 6 di Sekolah Rendah Agama dan KAFAI di negeri Selangor mengikut kehendak dan peraturan. Sjil ini sangat diperlukan bagi para pelajar yang berhasrat ingin mengikuti aliran agama di peringkat menengah, kerana sijil PSRA merupakan dokumen penting untuk permohonan masuk ke sekolah menengah agama di bawah kerajaan negeri Selangor. Skop sukatan penilaianya bermula dari darjah 4 sehingga darjah 6. PSRA melibatkan satu ujian dan lima kertas yang meliputi Ujian Tilawah dan Hafazan. Manakala ujian bertulis melibatkan kertas penilaian AKHLAK dan Sirah, kertas Bahasa Arab, Kertas Jawi, Imlak dan Khat, Tauhid dan Feqah serta kertas Tajwid¹⁷⁴.

¹⁷⁴ Norzamira Che Noh, “Peratus Kelulusan PSRA Selangor Merosot,” *Berita Harian*, 15 November 2016, 4.

Jadual dibawah menunjukkan peratusan bagi PSRA dari tahun 2012 sehingga 2017.

Rajah 4.3: Peratusan PSRA BPI JAIS Mengikut Tahun



Sumber: Unit Penilaian Dan Peperiksaan BPI JAIS

Berdasarkan hasil dapatan, pengkaji merumuskan bahawa pencapaian PSRA selama 6 tahun kebelakangan ini berada di peringkat yang memuaskan. Dari tahun 2012 sehingga 2015, peratusan menunjukkan berlakunya penurunan dan kenaikan, namun keadaan ini tidaklah membimbangkan, ini kerana kadar penurunnya hanyalah sedikit. Manakala pada tahun 2016 dan 2017 keadaan peratusan mula stabil dan kearah satu peningkatan yang baik. Menurut laporan Mohd Ezli Mashut, Selangor mencatat 90.8% dalam PSRA 2017, meningakat sebanyak 1.2% berbanding 89.6 % pada tahun sebelumnya.¹⁷⁵ Ketika mengumumkan keputusan tersebut, Pengarah JAIS berkata, pencapaian tersebut menunjukkan peningkatan membanggakan demi memartabatkan pendidikan berteraskan Islam di peringkat rendah di Selangor. Menurut beliau lagi, kejayaan tersebut tidak akan berlaku dengan mudah, kerana pengkaji merasakan bahawa kerjasama daripada semua pihak terutamanya pihak pengurusan PSRA BPI JAIS, para

¹⁷⁵ Mohd Ezli Mashut, "Selangor Catat 90.8% dalam PSRA 2017, Naik 1.2%," *Selangor Kini*, 15 November 2017, 8.

guru, ibu bapa, persatuan ibu bapa dan guru masing-masing memainkan peranan penting dan saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain.

4.3.1.2 Peperiksaan Peringkat Menengah YIK dan BPI JAIS

i. Sijil Menengah Agama/Ugama

Peperiksaan dan penilaian di peringkat menengah adalah lebih pelbagai samaada di sekolah-sekolah agama kelolaan YIK mahupun sekolah-sekolah agama kelolaan BPI JAIS. Kepelbagaian tersebut berlaku ekoran daripada kewujudan kepelbagaian sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS. Perkara ini dianggap sebagai satu perkembangan positif kearah memartabatkan institusi agama di peringkat menengah.


Umum mengetahui bahawa YIK dan BPI JAIS merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mentadbir sekolah-sekolah agama negeri di Kelantan dan Selangor. Bukti keberkesanan pengurusan kedua-dua pihak tersebut, maka muncullah sekolah-sekolah agama seperti sedia ada pada hari ini. Kepelbagaian tersebut boleh di lihat berdasarkan kepelbagaian aliran pengajian, seperti aliran Arab/Agama, Tahfiz, Qiraat, Tahfiz Sains, Turath, Pondok dan sebagainya.

Ekoran kepelbagaian aliran, maka pada masa yang sama munculnya kepelbagaian sistem penilaian bagi menguji sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan kurikulum terhadap aliran-aliran pengajian yang disediakan oleh pihak pengurusan. Terdapat beberapa jenis penilaian menengah yang disediakan oleh pihak pengurusan peperiksaan YIK dan BPI JAIS, antaranya Sijil Menengah Ugama bagi sekolah-sekolah kelolaan YIK dan Sijil Menengah Agama pula bagi sekolah-sekolah agama BPI JAIS. Ia merupakan satu penilaian yang disediakan oleh pihak pengurusan peperiksaan, samaada di Kelantan mahupun di Selangor. SMU/SMA merupakan satu penilaian bagi pelajar-pelajar

tingkatan 4. Umumnya mengetahui bahawa, sekolah-sekolah agama Kelantan mahupun Selangor menggunakan Kurikulum *Azhari* dalam sistem pelaksanaan kurikulum harian.

Jadual dibawah menunjukkan peratusan penilaian di peringkat menengah bagi sekolah menengah agama di Kelantan dan Selangor.

Rajah 4.4: Peratusan SMU dan SMA Mengikut Tahun



Sumber: Unit Peperiksaan YIK dan BPI JAIS

Berdasarkan jadual diatas, graf menunjukkan peratusan SMU/SMA di Kelantan dan Selangor bagi 6 tahun kebelakangan ini. Peratusan SMU di Kelantan menunjukkan satu peningkatan dari setahun ke setahun sehingga tahun 2017. Peratusan terus meningkat dari tahun 2012 sebanyak 77.36%, menjadi 78.42% pada tahun 2013 dan 80.26% pada tahun berikutnya. Manakala pada tahun 2015 pula meningkat kepada 84.73%, dan terus meningkat kepada 91.24% pada 2016 dan merupakan peratusan peningkatan paling tinggi pada tahun tersebut, manakala pada 2017 peratusan turut meningkat menjadi 91.27%.

Puratanya pengkaji melihat bahawa SMU di sekolah-sekolah agama YIK berada di tahap yang membanggakan dan menurut timbalan pengerusi jawatankuasa Pembangunan Insan, sebanyak 27 buah sekolah di bawah seliaan YIK mencapai kelulusan 100% pada tahun 2017 dengan Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah di tempat pertama, diikuti oleh Maahad Muhammadi Perempuan, dan Maahad Tahfiz Qiraat Pulai Chondong.¹⁷⁶ Pengkaji melihat bahawa keadaan ini perlu dipertahankan demi keberjayaan institusi sekolah agama masa kini.

Keadaan sedemikian adalah berbeza dengan peratusan SMA di sekolah-sekolah agama kelolaan BPI JAIS. Melihat kepada rajah diatas, peratusan pencapaian menunjukkan bahawa peratusan SMA BPI JAIS mengalami penurunan dan peningkatan. Pengkaji merumuskan berlakunya keadaan berikut mungkin disebabkan oleh beberapa faktor utama, antaranya:

- i. Kurang persediaan dalam kalangan calon-calon SMA BPI JAIS
- ii. Kurang pemahaman dalam proses P&P
- iii. Kurang pendedahan teknik menjawab oleh para guru kepada pelajar
- iv. Perubahan kecil terhadap struktur/bentuk soalan dari tahun-tahun terdahulu
- v. Ketidakfahaman dalam memahami arahan soalan

Berdasarkan graf tersebut juga, peratusan SMA BPI JAIS dilihat bermula tahun 2015 sehingga 2017 telah berlaku berubahan kearah satu peningkatan yang membanggakan yang mana pada tahun 2015 sebanyak 90.3%, manakala 92.6% pada tahun berikutnya dan bertambah kepada 94.6% pada tahun 2017.

Berubahan ini dianggap sebagai salah satu langkah positif ke arah

¹⁷⁶ Zulaikha Othman, “2,408 Pelajar Raih Mumtaz Sijil Menengah Ugama,” *Sinar Harian Edisi Kelantan*, 4 Januari 2018, 9.

memartabatkan sekolah agama menengah di negeri Selangor. Pengkaji berharap keadaan tersebut akan terus meningkat pada tahun-tahun akan datang.

ii. Sijil Menengah Tahfiz Quran/ Sijil Menengah Agama Tahfiz Quran


Pendidikan Al-Quran merupakan pendidikan Islam yang pertama di dalam sejarah Islam. Menurut Al-Sayuti, menghafaz Al-Quran bertujuan untuk menjaga terputusnya jumlah mutawatir golongan yang menghafaz Al-Quran dan mengelak dari berlakunya penyelewengan terhadap ayat-ayat Al-Quran. Al-Nawawi menegaskan bahawa hukum menghafaz Al-Quran adalah Fardhu Kifayah kerana amalan tersebut telah menyempurnakan keperluan masyarakat dan menggugurkan kewajipan menghafaz terhadap masyarakat Islam lain.¹⁷⁷

Hasil kajian-kajian ilmiah menunjukkan bahawa proses menghafal Al-Quran adalah satu proses melatih mental untuk menjadi seorang Muslim yang baik. Perjalanan dalam menghafal Al-Quran memerlukan satu landasan disiplin yang tinggi dan komitmen berterusan. Proses menghafal ayat-ayat al-Quran merupakan demonstrasi tingkah laku yang melibatkan disiplin mental dan fizikal. Oleh itu, tidak hairanlah kini apabila ibu bapa berlumba-lumba menghantar anak-anak ke sekolah aliran tahfiz. Ekoran sambutan yang menggalakkan, kini di seluruh negeri umumnya mempunyai sekolah-sekolah beraliran tahfiz, bahkan terdapat juga negeri-negeri yang telah mengintegrasikannya dengan lain-lain aliran seperti Kelantan yang telah mewujudkan sekolah agama beraliran Maahad Tahfiz Sains, Tahfiz Sains dan Teknologi dan sebagainya, dengan tujuan agar dapat mencapai matlamat melahirkan pelajar muslim yang mampu bersaing di persada antarabangsa.

¹⁷⁷ Abd Rahman Abd Ghani, “Pengurusan Institusi Tahfiz Persendirian Di Negeri Selangor,” (*Jurnal Jpppl* 9 (t.t), 242.

Jadual di bawah menunjukkan jumlah peratusan pencapaian pelajar-pelajar aliran tahfiz Al-Quran di Kelantan dan Selangor bermula dari tahun 2012 sehingga 2017.

Jadual 4.5: Peratusan SMTQ Dan SMATQ Mengikut Tahun



Sumber: Unit Peperiksaan YIK dan BPI JAIS

Perkembangan aliran tahfiz bukan sahaja berlaku di Kelantan, di Selangor juga turut berkembang sekolah-sekolah agama beraliran tahfiz ini dan dianggarkan bahawa terdapat 150 institusi tahfiz di Selangor pada hari ini dan dari jumlah tersebut hanya 24 buah sahaja yang berdaftar dibawah JAIS selebihnya lagi berdaftar di bawah Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Selangor (PITAS).¹⁷⁸ Keadaan ini menggambarkan bahawa pengajian aliran tahfiz pada masa kini sangat menggalakkan sambutannya daripada masyarakat tempatan.

Berikutnya dari itu, graf di bawah menunjukkan peratusan peperiksaan SMTQ dan SMATQ di Kelantan dan Selangor mengikut tahun-tahun terkini.

¹⁷⁸ Anuar Bin Rashid (Penolong Pengarah Unit Pengurusan Penilaian Dan Peperiksaan Yik), Dalam Temubual Dengan Penulis, 5 Disember 2017.

Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan bahawa sebelum tahun 2012, tidak wujud sekolah agama beraliran tafhiz di Selangor, dan penubuhannya hanya bermula pada tahun 2013 dan ianya kekal sehingga ke hari ini. Dapat diperhatikan juga bahawa sejak penubuhannya pada tahun 2013 dan sehingga 2017, peratusan SMATQ di Selangor berada di tahap yang membanggakan sehingga mampu mencapai peratus kelulusan penuh 100%.

Situasi berikut adalah berbeza di negeri Kelantan, ini kerana institusi tafhiz di Kelantan telah wujud sekian lamanya dahulu dari tahun 1992 lagi dan ianya kekal sehingga ke hari ini, hasil temubual pengkaji bersama salah seorang pegawai YIK, menurutnya sehingga 2016, YIK telah berjaya melahirkan *huffaz* khatam 30 juzu' Al-Quran seramai 3,192 orang bermula 1992 sehingga tahun 2016.¹⁷⁹ Institusi tafhiz di bawah kelolaan yik dikenali sebagai maahad tafhiz wal qiraat dan maahad tafhiz sains. Kategori tafhiz ini berada di bawah maahad kawalan YIK. Kemasukan para pelajar ke sekolah Kawalan YIK mempunyai syarat-syarat khusus sekurang-kurangnya meperolehi 4A IB di dalam UPSR.


Berdasarkan graf tersebut juga, dapat diperhatikan bahawa keputusan SMTQ YIK tidak mampu menyaingi peratusan kelulusan penuh SMATQ, ini kerana pada tahun 2012 dan 2015 dilihat SMTQ mengalami penurunan peratus kelulusan namun bermula dari tahun 2016 dan 2017, SMTQ YIK dapat mengekalkan peratusan penuh 100% dan pengkaji berharap keadaan tersebut dapat dikekalkan untuk tahun-tahun berikutnya.

¹⁷⁹ Che Kamaruddin Kamel Bin Che Muhammad (Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah YIK) Dalam Temubual Dengan Penulis, 24 November 2017.

iii. Sijil Pengajian Pondok

Sistem pengajian pondok merupakan sistem pendidikan formal islam terawal di alam melayu. Kemunculannya ekoran tuntutan masyarakat Islam yang memerlukan kepada ilmu sebagai petunjuk terutamanya dalam hal berkaitan akidah dan ibadah. Sistem pengajian ini terus berkembang maju di beberapa buah negeri termasuk Kelantan. Keadaan ini terus berkembang sehingga ke hari ini. Ekoran dari perkembangan baik, kini institusi pondok telah distrukturkan sebagai sistem persekolahan yang dikenali dengan berbagai-bagai panggilan seperti yang wujud di Selangor iaitu Sekolah Menengah Agama Turath (Pondok).

Jadual 4.6: Peratusan STUP dan SMATD Mengikut Tahun



Sumber: Unit Peperiksaan YIK dan BPI JAIS

Jika diperhatikan pada jadual di atas, dapat dilihat bahawa sistem pengajian pondok telah wujud di Kelantan dan Selangor dengan menggunakan pelbagai nama dan gelaran. Di Kelantan, sistem pengajian pondok meliputi pelbagai kelolaan dan pentadbiran, namun pengkaji hanya ingin menumpukan

institusi pondok yang berada di bawah pentadbiran YIK iaitu Pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan. Kewujudannya sejak zaman berzaman, dan kini telah mengalami banyak perubahan kearah pemerkasaan institusi pondok apabila berada di bawah pengurusan YIK.

Pelajar-pelajar pondok di era pembangunan kini telah mengalami satu struktur penilaian bagi mengukur tahap keberkesanan pengurusan institusi tersebut, antaranya melalui pelaksanaan sistem peperiksaan. STUP merupakan sistem penilaian yang telah dilaksanakan oleh YIK kepada pondok-pondok kelolaan, manakala SMATD pula merupakan penilaian yang ditetapkan oleh BPI JAIS terhadap sekolah-sekolah pondok kendalian. Mengikut hasil dapatan, pengkaji mendapati bahawa sejak dua tahun kebelakangan ini sahaja institusi pondok atau institusi *Turath* mula wujud di negeri Selangor. Keadaan ini merupakan satu perkembangan yang baik kerana berlaku peningkatan kepelbagaiuan aliran agama dari sehari ke sehari.

Jika dilihat kepada hasil dapatan tersebut, peratusan STUP YIK sejak 2012 sehingga 2017 adalah kurang memuaskan berbanding peratusan SMATD kendalian BPI JAIS. Walaupun penubuhannya agak lewat berbanding di Kelantan, namun jika diukur tahap kecemerlangan para pelajar institusi pondok Selangor lebih terkehadapan kerana dari tahun pembentukan 2016 sehingga 2017 mampu mengekalkan peratusan kelulusan 100% berbanding institusi pondok YIK sering berubah-ubah, bahkan sejak 6 tahun kebelakangan ini tidak pernah mencapai peratusan penuh 100%. Pengkaji melihat keadaan ini sebagai satu perkara yang perlu dikaji dan diteliti dimanakah silap dan kurangnya sehingga terus menerus berkeadaan sedemikian. Pengkaji berpendapat berlakunya keadaan sedemikian mungkin dipengaruhi oleh beberapa faktor sampingan, antaranya:

- a. Para pelajar memandang enting terhadap pelaksanaan sistem peperiksaan
- b. Para pelajar kurang pendedahan dari sudut memahami teknik menjawab soalan
- c. Kurang pendedahan dalam mengkaji soalan-soalan terdahulu
- d. Faktor P&P lebih kepada sistem tradisional
- e. Kurang penekanan dari pihak sekolah itu sendiri
- f. Kurang penekanan dari pihak pengurusan peperiksaan YIK

iv. Lain-Lain Penilaian

Seperti yang dibincangkan dalam perbahasan di atas, bahawasanya sekolah-sekolah rendah kelolaan YIK tidak disediakan sebarang bentuk penilaian khusus bagi pelajar-pelajar mereka kecuali peperiksaan UPSR sahaja. Keadaan ini berbeza dengan sekolah-sekolah agama rendah di Selangor, ini kerana pelajar-pelajar di bawah kelolaan BPI JAIS perlu menduduki satu peperiksaan khusus iaitu PSRA. Keputusan PSRA itu merupakan salah satu dokumen penting untuk melengkapi syarat kemasukan ke SMA kelolaan BPI JAIS. Situasi ini berbeza dengan pelajar-pelajar yang ingin memasuki ke sekolah menengah agama yik. Pelajar lepasan upsr yang berminat untuk ke sekolah menengah yik terutamanya yang berminat untuk ke maahad kawalan dan maahad pilihan perlu melalui satu ujian yang dikenali sebagai *Ujian Khas Saf Awwal* (UKSA)

a. Ujian Khas *Saf Awwal* (UKSA)

UKSA meliputi dua bentuk ujian yang perlu diduduki oleh pelajar-pelajar iaitu ujian lisan dan ujian bertulis, antaranya ujian Membaca Al-Quran (60) dan Ujian Membaca Jawi (40), markah keseluruhan adalah 100%. Pelajar-pelajar juga perlu menduduki Ujian Bertulis Jawi yang meliputi Jawi dan Pengetahuan Agama Islam dan Ujian Hafazan Al-Quran adalah merupakan

ujian khusus untuk para pelajar yang ingin memasuki MTS dan MTQ sahaja.¹⁸⁰

b. Penilaian Standart Kurikulum *I'dadi* (PSKI)

PSKI merupakan satu sistem penilaian bagi pelajar-pelajar tingkatan satu dan dua yang bersekolah di sekolah agama kelolaan YIK. PSKI merupakan penilaian yang ditugaskan kepada guru tingkatan dan guru matapelajaran yang mengajar Mutalaah dan Al-Quran. Ujian dilakukan sebanyak dua kali setahun yang meliputi surah-surah hafazan dan tilawah bagi mata pelajaran Al-Quran. Manakala Mutalaah pula dipecahkan kepada dua bentuk penilaian iaitu *hiwar* dan *shafawi*. Manakala guru tingkatan pula perlu bertindak membuat penilaian terhadap *syahksiah* para pelajar dibawah jagaan masing-masing dan keputusan penilaian tersebut perlu dihantar kepada pihak pengurusan peperiksaan YIK dalam tempoh masa yang ditetapkan.¹⁸¹

5. Kesimpulan

Dapatan kajian yang dijalankan terhadap pengurusan sekolah-sekolah agama YIK dan BPI JAIS yang meliputi aspek pengurusan kurikulum dan pengurusan peperiksaan adalah sangat memuaskan. Sebagai keseluruhan apa yang mampu disimpulkan oleh pengkaji berikutnya perkembangan dan kepelbagai pengurusan kurikulum YIK dan BPI JAIS ini masing-masing diandaikan mempunyai matlamat dan hala tuju yang berbeza diantara pihak-pihak terlibat. Pertamanya, pihak pengelola samaada YIK mahupun BPI JAIS sebagai wakil kerajaan negeri yang menguruskan institusi-institusi sekolah agama di Kelantan dan Selangor tentunya mempunyai matlamat penubuhan yang tersendiri. Keduanya pihak ibubapa sebagai wakil pemilih untuk anak-anak

¹⁸⁰ Che Kamaruddin Kamel Bin Che Muhammad (Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah YIK) Dalam Temubual Dengan Penulis, 24 November 2017.

¹⁸¹ Ahmad Pakaruddin Deraman, (Penolong Pengarah Unit Peperiksaan YIK), dalam temubual bersama penulis, 5 Oktober 2017.

mereka juga mempunyai justifikasi mereka yang tersendiri. Harapan dan tujuan pihak-pihak terlibat mungkin sama diantara kedua-duanya atau mungkin juga berbeza diantara mereka. Mungkin sesetengah pihak pengurusan samaada YIK mahupun BPI JAIS bermatlamat untuk melahirkan pelajar-pelajar yang boleh dijadikan sebagai para ulama pewaris nabi-nabi seperti Imam Al-Syafie, Dr. Yusuf Al-Qaradhawi dan sebagainya. Mungkin juga sesetengah pihak muhul melatih pelajar-pelajarnya supaya dapat melahirkan cendikiawan-cendikiawan Muslim yang hebat, seperti Ibn Sina, Ibn Khaldun dan sebagainya. Mungkin juga di pihak yang lain lebih mengharapkan agar lahirnya golongan-golongan professional yang *huffaz* Al-Quran atau sekadar seorang Muslim yang baik yang tidak menyusahkan ibubapa, masyarakat dan Negara. Ekoran dari kepelbagai matlamat tersebut, pihak pengurusan YIK dan BPI JAIS telah berjaya mewujudkan pelbagai aliran pengajian bagi memastikan matlamat tersebut mampu dicapai. Dalam menjamin kejayaan tersebut, pihak pengurusan kurikulum merupakan salah satu unit yang terlibat secara langsung untuk mengatur sukat-sukatan pengajian agar selari dengan hasrat kerajaan negeri. Oleh itu, hasil usaha pihak-pihak pengurusan terlibat, maka wujudlah pelbagai sistem kurikulum seperti mana yang wujud pada hari ini yang meliputi pelbagai bidang kajian seperti Kurikulum Arab/ Ugama (Azhari), Kurikulum Tahfiz Qiraat, Kurikulum Tahfiz Sains, Kurikulum Pondok, Turath dan sebagainya yang merangkumi pelbagai peringkat pengajian samaada rendah mahupun peringkat menengah.

Bagi mengukur sejauh manakah tahap keberjayaan pihak pengurusan kurikulum, maka YIK dan BPI JAIS juga telah membentuk satu unit pengurusan lain, iaitu pengurusan peperiksaan yang bertanggungjawab merangka satu bentuk penilaian yang perlu dilaksanakan terhadap para pelajar sebagai tanda aras untuk mengukur tahap keberkesanan pelaksanaan kurikulum yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan. Ekoran dari itu, maka terbetulah pelbagai jenis penilaian sebagai mana yang wujud di

bawah kendalian YIK dan BPI JAIS pada hari ini yang meliputi pelbagai tahap dan juga peringkat, seperti PSRA, PSKI, SMU/SMA, SMTQ/SMATQ, STUP/SMATD dan sebagainya. Perkara ini dilihat sebagai satu tanda aras keberjayaan pihak pengelola YIK mahupun BPI JAIS dalam memartabatkan sekolah-sekolah agama dalam persada antarabangsa.

BAB 5: PENUTUP

5.1 Pengenalan

Kemunculan Islam ke Alam Melayu pada abad ke-15 telah mencatatkan sejarah peradaban Melayu dan Tamadun Islam. Agama Islam telah membawa bersama kilauan intelektualisme yang telah mengembangkan ilmu dan peradaban Melayu Islam. Islam sebagai agama yang menekankan ilmu memberikan penekanan kepada penguasaan ilmu dan keadaan ini telah melahirkan satu sistem pendidikan yang sesuai dengan keperluan masyarakat pada hari ini. Pendidikan merupakan salah satu jalan dalam menyampaikan agama dan pada masa yang sama dianggap sebagai satu proses dakwah yang wujud dalam kehidupan masyarakat.

Ekoran daripada perkembangan semasa, pendidikan Islam kini dilihat sebagai satu sistem pendidikan sebagaimana yang diaplikasikan di sekolah-sekolah agama pada hari ini khususnya di negeri Kelantan dan juga Selangor. Umumnya terdapat pelbagai jenis sekolah agama yang wujud di bawah kedua-dua kelolaan samaada YIK mahupun BPI JAIS. Sekolah-sekolah agama kelolaan ini secara keseluruhannya cuba melaksanakan pendidikan agama sebagai satu sistem pendidikan, namun dalam masa yang sama dari sudut pengurusan dan pelaksanaannya adalah berbeza kerana masing-masing YIK dan BPI JAIS mempunyai matlamat dan objektif tersendiri yang telah membentuk kekuatan dari sudut pengurusannya.

Kini, pendidikan di sekolah-sekolah agama umumnya manakala di Kelantan dan Selangor khususnya telah mencapai tahap yang boleh dibanggakan oleh masyarakat ekoran daripada perkembangan pelbagai peringkat pengajian samaada rendah mahupun menengah yang meliputi pelbagai bidang dan aliran. Kini sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS bukan hanya tertumpu kepada aliran *dini* semata-mata namun telah diintegrasikan dengan pelbagai cabang dan bidang pengajian seperti tafsir, qiraat, turath, pondok, sains teknologi, kemahiran dan sebagainya. Dari sudut yang lain,

pengkaji melihat faktor perkembangan tersebut umumnya didasari dengan pelaksanaan pengurusan yang baik dari pihak-pihak pengelola sehingga kini sekolah-sekolah agama tersebut mampu memasuki era pendidikan agama bertaraf antarabangsa. Meskipun begitu, pengkaji mengharapkan agar Kelantan dan Selangor akan terus mengembangkan institusi-institusi sekolah-sekolah agama kelolaan supaya dapat dijadikan dorongan, panduan dan rujukan negeri-negeri lain demi memartabatkan sekolah-sekolah agama negeri.

Keberjayaan pihak pengelola YIK dan BPI JAIS dalam memastikan keberkesanan pengurusan telah berjaya menjadikan sekolah-sekolah agama negeri yang wujud hari ini berada di era perkembangan dan bertaraf antarabangsa. Perkara ini diakui oleh pengkaji bila mana YIK dan BPI JAIS mampu melahirkan para pelajar cemerlang dalam pelbagai bidang penguasaan sehingga berpeluang menyambung pengajian ke peringkat global seperti Mesir, Arab Saudi, Jordan, Sepanyol, Indonesia dan sebagainya.¹⁸²

Melihat kepada keberkesanan pengurusan sekolah-sekolah agama YIK dan BPI JAIS, maka pengkaji dapat menyimpulkan tentang beberapa perkara yang dianggap sebagai satu kelebihan yang berjaya dicapai oleh kerajaan negeri dalam memartabatkan institusi sekolah agama pada kaca mata masyarakat tempatan. Perkara-perkara tersebut telah digariskan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

5.2.1 Peningkatan Mutu Pendidikan

Perkembangan sekolah-sekolah agama masa kini berlaku ekoran daripada sokongan yang tidak berbelah bagi daripada pihak kerajaan pusat dan kerajaan negeri terhadap badan pengelola melalui pelbagai inisiatif seperti peruntukan belanjawan yang mencukupi untuk disalurkan kepada badan pengelola untuk tujuan memastikan keberkesanan pengurusan sekolah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sebagai contoh,

¹⁸²Hab Pendidikan Islam, Yayasan Islam Kelantan, Terbitan YIK , 41.

pada tahun 2017 Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM9.7 juta kepada 46 institusi pondok dan sekolah agama rakyat di Kelantan untuk tujuan pembangunan dan infrastruktur institusi tersebut. Menurut Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, Kelantan diantara negeri yang terbanyak mendapat peruntukan ekoran kerana Kelantan merupakan negeri yang terbanyak mempunyai institusi pondok dan sekolah agama.¹⁸³

Pengkaji melihat perkara ini sebagai satu inisiatif penting kerana kekurangan dana akan membantukan proses pembangunan sekolah-sekolah agama tersebut, kerana dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan, para guru umumnya perlu didedahkan dengan pelbagai kursus-kursus yang bersesuaian bagi menjamin keberjayaan guru sebagai pelaksana utama kepada matlamat organisasi, bahkan para guru merupakan tonggak utama dalam melaksanakan dasar-dasar kurikulum sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh pihak-pihak pengurusan. Ekoran itu, pihak pengurusan memerlukan kepada satu belanjawan yang bersesuaian dengan keperluan unit demi merilisasikan matlamat asal penubuhan. Dalam pada itu, pihak pengurusan sekolah juga memerlukan belanjawan-belanjawan bagi melaksanakan sebarang bentuk kegiatan dan aktiviti serta membaikpulih infrastruktur yang boleh mendokong tahap perkembangan mutu pengajian semasa seperti pembinaan makmal computer, makmal sains, mini stadium, bengkel-bengkel kemahiran dan sebagainya.

5.2.2 Lahirnya Pelbagai Aliran Berkonsepkan Agama

Islam adalah agama yang sangat mementingkan ilmu mengatasi agama-agama lain. Ilmu dan penyelidikan merupakan perkara yang sangat dituntut sehingga mencapai tahap Fardhu Ain. Menurut Dr. Yusuf Qardawi, jatuh bangunnya sesebuah tamadun bergantung terhadap masyarakatnya, jadi untuk membangunkan sesebuah tamadun

¹⁸³ Siti Fatimah Awing, “Kerajaan Peruntukkan RM9.7J UNTUK SEKOLAH AGAMA DAN PONDOK”, GPS BESTARI, 22 Mei 2017.

manusia perlu menguasai pelbagai bidang ilmu yang didasari oleh ilmu agama.¹⁸⁴ Ekoran dari pemahaman tersebut, pihak-pihak pengelola sekolah agama kini berasa kebertanggungjawaban untuk mewujudkan pelbagai aliran pengajian yang diintegrasikan dengan ilmu agama demi memastikan berlakunya keseimbangan dalam sistem pendidikan masa kini. Keberjayaan pihak pengelola terbukti apabila berjaya mewujudkan pelbagai aliran pengajian seperti mana yang ada di sekolah-sekolah agama kelolaan YIK dan BPI JAIS.

Seperti yang diketahui, sistem pengajian pada suatu masa dahulu lebih berbentuk feudal, perkembangan semasa secara global disokong oleh pihak pengurusan yang baik maka hari ini terbentuknya sekolah-sekolah agama dalam pelbagai aliran yang menggunakan konsep kesepadan dalam sukatan kurikulum. Perkara ini dilihat bahawa pihak pengurusan kurikulum YIK mahupun BPI JAIS telah berjaya mencapai matlamat penubuhan melalui pembentukan pelbagai aliran seperti tahfiz sains, qiraat, pengajian pondok, turath, sains teknologi dan sebagainya. Wujudnya pelbagai aliran tersebut menyebabkan belakunya perluasan bidang pengajian. Jika suatu masa dahulu, apabila menyebut tentang sekolah agama, terlintas di benak fikiran bahawa hanya ilmu-ilmu agama yang menjadi kurikulum asas yang menjadi tumpuan dalam proses P&P, namun kini tanggapan tersebut telah berjaya dan akan terus merubah pandangan sebahagian masyarakat rentetan berlakunya perkembangan pelbagai aliran yang telah diintegrasikan dengan ilmu-ilmu moden sebagaimana yang wujud di institusi sekolah-sekolah agama pada hari ini.

¹⁸⁴ Rahimin Affandi Abdul Rahim, “Islam Hadhari Sebagai Wahana Ilmu Untuk Kecemerlangan Umat Islam Di Malaysia” (risalah Khas Sambutan Ma’al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1427 H, Putrajaya: JAKIM, 2006), 2.

5.2.3 Kebolehpasaran Dalam Kerjaya

Aliran agama? Apakah hala tuju masa depan? Adakah masuk universiti atau mendapat pekerjaan apabila tamat pengajian? Perkara ini bukan merupakan satu isu baru namun sejak dahulu sering diperkatakan oleh masyarakat. Aliran agama tidak dianggap segah aliran sains dan sastera namun pelajar-pelajar aliran agama sering kali di anak tirikan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak yakin akan kemampuan mereka dalam pencapaian akademik dan akhlak. Apa yang lebih menyedihkan, ada sesetengah beranggapan bahawa pelajar aliran agama hanya layak menjadi ustaz dan ustazah sahaja. Menurut tnc akademik dan antarabangsa usim, Prof. Dr Zulkiple Abd Ghani berkata, dalam perkara ini masyarakat seharusnya membuka mata dan mengubah minda serta membentuk pandangan baru terhadap pengajian agama. Ini kerana sekolah-sekolah agama kini bukan lagi seperti sekolah-sekolah agama yang wujud di era 1970-an yang menumpukan kepada pengajian kitab semata-mata, tetapi kini sekolah agama telah mengalami satu bentuk pengurusan yang jauh berbeza sebagaimana yang ada hari ini iaitu pengurusan kurikulum YIK dan bpi jais yang telah melaksanakan pelbagai jenis kurikulum demi menyeimbangkan ilmu dalam kalangan pelajar. Menurut beliau lagi, pelajar aliran agama memiliki pelbagai keistimewaan dan kelebihan antaranya penguasaan dalam banyak bahasa seperti bahasa melayu, inggeris dan bahasa arab ditambah dengan elemen pengukuhan kemahiran dan jati diri membolehkan mereka layak bersaing di pasaran industri.¹⁸⁵

¹⁸⁵Ruhaiza Rusmin, "Pelajar Aliran Agama Bukan Kelas Kedua", <https://www.hmetro.com.my/node/28009>, 2 februari 2015, 4.

5.2 RUMUSAN

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, ia dapat dirumuskan seperti berikut:

- 5.2.1 Berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap hasil kajian yang diperolehi telah menunjukkan bahawa secara keseluruhannya perkembangan sekolah-sekolah agama di Kelantan di bawah kelolaan YIK lebih pesat dari sudut perkembangannya ekoran daripada beberapa faktor antaranya perkembangan agama Islam yang lebih awal bertapak di Kelantan. Sebagaimana yang diketahui, Kelantan diantara negeri terawal menerima Islam berbanding Selangor yang agak jauh berbeza tempoh kedatangan Islam. Ekoran itu pengkaji merumuskan bahawa kedatangan Islam ke negeri-negeri tersebut menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi tahap perkembangan sekolah-sekolah agama di negeri-negeri tersebut.
- 5.2.2 Dalam pada itu, pengkaji tidak menafikan bahawa kini tahap perkembangan sekolah-sekolah agama di Kelantan dan di Selangor dilihat seakan-akan berjalan seiring ekoran daripada pelaksanaan sistem pentadbiran dan pemerintahan yang lebih bersifat kearah keislaman.
- 5.2.3 Keberkesanan pengurusan YIK dan BPI JAIS juga boleh dibuktikan melalui kemunculan pelbagai jenis sekolah-sekolah agama di Kelantan dan Selangor bahkan kewujudannya juga meliputi pelbagai aliran pengajian yang telah diintegrasikan dengan aliran-aliran baharu seperti aliran tafsir, sains, teknologi, qiraat, dakwah, turath dan sebagainya.
- 5.2.4 Dalam pada itu, pengkaji melihat keberkesanan pengurusan YIK dan BPI JAIS sehingga mampu membentuk pelbagai jenis penilaian sebagai medium untuk mengukur tahap keberjayaan pengurusan kurikulum yang dilaksanakan di sekolah-sekolah kelolaan.

5.2.5 Dalam pada itu, pengkaji juga merumuskan bahawa terdapat beberapa pekara yang perlu dititik beratkan oleh pihak pengurusan YIK dan BPI JAIS demi menjamin keupayaan sekolah-sekolah agama di Kelantan dan Selangor mampu berada di arena antarabangsa.

5.3 CADANGAN

Setelah menjalani kajian ini, pengkaji mempunyai dua cadangan asas. Pertama cadangan khusus kepada pihak pengelola dan pengurusan sekolah-sekolah agama negeri di Kelantan iaitu YIK, manakala BPI JAIS pula merupakan pihak pengelola bagi sekolah agama di Selangor. Kedua, cadangan umum terhadap pengkaji-pengkaji akan datang berkaitan aspek pengurusan sekolah-sekolah agama secara lebih menyeluruh. Disini pengkaji ingin menyatakan beberapa cadangan demi untuk menambahbaikkan lagi sistem pengurusan sekolah-sekolah agama YIK dan BPI JAIS.

5.3.1 Cadangan Pelaksanaan

5.3.1.1 Penstrukturran dan Penjenamaan semula Bagi Sekolah Rendah Agama YIK

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mencadangkan agar pihak pengurusan YIK menstrukturkan semula penjenamaan bagi sekolah-sekolah rendah agama kelolaan. Untuk makluman bersama, YIK umumnya mempunyai sekolah-sekolah rendah agama tetapi sekolah-sekolah tersebut digabungkan dengan sekolah-sekolah agama menengah. Maksudnya di sini, sekolah rendah agama YIK bermula dari darjah 1 sehingga ke darjah 6, permasalahannya sekolah-sekolah tersebut tidak mempunyai lokasi atau struktur bangunannya yang tersendiri tetapi kewujudannya boleh dianggap menumpang di sekolah-sekolah menengah agama terlibat. Perkara tersebut tidaklah sangat di ralatkan, namun apa yang pengkaji cadangkan supaya pihak pengurusan YIK menstrukturkan kembali nama-nama bagi sekolah-sekolah yang mempunyai dua aliran pengajian dalam

satu-satu sekolah. Contohnya, SMU (A) Riayaul Diniyah Kg Bukit Mas, Tanah Merah dan SMU (A) Riayaul Diniyah Kg Bukit kechik, Tanah Merah, Kelantan. kedua- dua sekolah tersebut mempunyai dua peringkat pengajian iaitu peringkat rendah dan peringkat menengah yang bermula dari darjah 1 sehingga tingkatan 3. Pengkaji mengandaikan adakah masyarakat luar dari sekitar tersebut akan mengetahui bahawa sekolah-sekolah tersebut turut menyediakan pengajian di peringkat rendah sedangkan dari segi penjenamaannya hanya menyatakan peringkat menengah sahaja iaitu SMU merupakan singkatan kepada sekolah menengah ugama. Jadi, pengkaji melihat perkara ini sebagai satu kelemahan dan ketidakupayaan dalam mempromosikan sekolah-sekolah rendah agama YIK. kerana masyarakat tidak mengetahui bahawasanya YIK mempunyai sekolah-sekolah rendah agama melainkan mereka yang berada di sekitar sekolah-sekolah tertibat sahaja. Perkara ini dilihat seolah-olah sekolah-sekolah rendah YIK tidak mempunyai identitinya yang tersendiri jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah rendah agama BPI JAIS, sekolah-sekolah tersebut jelas menunjukkan bahawa sekolah tersebut adalah sekolah rendah agama yang beridentitikan SRA mahupun SRAI.

5.3.1.2 Perangkaan Satu Sistem Penilaian Khusus Terhadap Sekolah Rendah Agama YIK

Pengkaji menyarankan agar pihak pengurusan peperiksaan YIK merangka satu sistem penilaian atau peperiksaan bagi sekolah-sekolah agama kelolaan peringkat rendah. Di sini pengkaji melihat kewajaran pihak pengurusan peperiksaan YIK membentuk satu penilaian sekurang-kurangnya sebagai satu tanda untuk mengukur aras keupayaan pelajar-pelajar dalam memahami sukatan matapelajaran yang diajar selama mana mereka pelajar di sekolah rendah agama kelolaan. Pengkaji menyarankan agar Pihak pengurusan peperiksaan YIK merujuk kepada unit peperiksaan BPI JAIS yang kini melaksanakan penilaian terhadap pelajar-pelajar sekolah rendah kelolaan mereka yang

dikenali sebagai PSRA. Penilaian ini merupakan satu penilaian penting kerana ia merupakan salah satu syarat untuk memohon masuk ke SMA kelolaan BPI JAIS.

5.3.1.3 Penelitian Terhadap Penilaian STUP YIK

Dalam pada itu, sepanjang penelitian pengkaji terhadap kepelbagaian keputusan keputusan peperiksaan kelolaan YIK dari tahun 2012 sehingga 2017, pengkaji melihat satu usaha perlu dilaksanakan untuk mengubah peratusan peperiksaan STUP YIK. STUP merupakan satu sistem penilaian yang telah dibentuk oleh pihak pengurusan peperiksaan YIK terhadap sekolah-sekolah agama pondok yang berdaftar di bawah YIK. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa peratusan stup sangat kurang memuaskan, dan melalui temubual pengkaji dengan beberapa orang pelajar pondok terlibat, mereka mengatakan bahawa umumnya mereka kurang pendedahan terhadap teknik-teknik menjawab dan kurang terbiasa dengan bentuk-bentuk soalan terdahulu. Pengkaji menganggap perkara ini adalah satu kewajaran yang tidak sepatutnya berlaku, kerana setakat apa yang diketahui soalan-soalan smu bagi tingkatan 4 kelolaan YIK adalah sama strukturnya bagi setiap tahun dan umumnya melingkupi soalan-soalan yang kebiasaannya telah keluar pada tahun-tahun yang lepas.¹⁸⁶

Jadi, secara keseluruhan pengkaji melihat kewajaran pihak pengurusan peperiksaan YIK mengambil pendekatan yang lebih progresif terhadap keputusan-keputusan STUP dengan mengkaji apakah faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan sedemikian. Melalui hasil penelitian, pengkaji merumuskan berlakunya keadaan sedemikian mungkin disebabkan oleh ketidakberjayaan guru dalam melaksanakan proses P&P di dalam kelas, mungkin juga disebabkan oleh ketidakfahaman pelajar tentang peri pentingnya peperiksaan yang telah dijalankan dan kebergunaannya sijil yang akan diperolehi atau mungkin juga disebabkan faktor-faktor

¹⁸⁶ Naimah Bt. Ab Rahman, (Guru SMU (A) Syukuriah Bukit Sireh, Kuala Krai, Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 4 November 2017.

lain. Ekoran itulah, pihak pengurusan peperiksaan YIK perlu lebih teliti terhadap perkara berikut.

5.3.1.4 Mempelbagaikan Aliran Pengajian Di BPI JAIS

Berdasarkan hasil pengkajian, pengkaji melihat bahawa pelbagai aliran pengajian agama telah wujud di BPI JAIS bahkan meliputi pelbagai peringkat samaada rendah mahupun menengah. Tidak cukup dengan itu, pengkaji menyarankan agar pihak pengurusan sekolah-sekolah agama BPI JAIS berusaha kearah memperkembangkan lagi aliran-aliran agama di Selangor seperti mana yang wujud di bawah kelolaan YIK pada hari ini. Pengkaji mengakui bahawa tahap perkembangan sekolah agama kelolaan BPI JAIS sehingga ke hari ini adalah sangat memuaskan rentetan dari penubuhan sekolah-sekolah Menengah Agama Tahfiz Quran pada tahun 2013 manakala terbentuknya pula satu aliran baru pada tahun 2016 iaitu Sekolah Menengah Agama Turath Dakwah. Penubuhan sekolah-sekolah tersebut memberi satu gambaran positif tentang tahap pengurusan BPI JAIS yang baik sehingga mampu melahirkan aliran-aliran baharu pada akhir-akhir ini. Di sini, pengkaji menyarankan agar pihak pengurusan BPI JAIS merangka aliran-aliran baharu seperti aliran agama diintegrasikan dengan aliran-aliran kemahiran seperti pembinaan, kulinari, perhotelan, automotif, langskap dan sebagainya supaya lahirnya pelajar-pelajar yang berilmu agama serta berkebolehan dan berkemahiran dalam bidang-bidang vokasional. Pengkaji menaruh harapan agar cadangan ini dipertimbangkan dan dipandang serius oleh pihak pengurusan BPI JAIS, kerana pengkaji yakin dan percaya bahawa pihak pengurusan mampu melaksanakannya demi memartabatkan lagi institusi sekolah-sekolah agama di Selangor bahkan dalam masa yang sama dapat menjadikan sekolah-sekolah agama di Selangor sebagai pilihan pertama ibubapa terhadap anak-anak mereka.

5.3.2 Cadangan Umum Kepada Pengkaji Akan Datang

Secara umumnya, pengkaji menyarankan kepada pengkaji-pengkaji akan datang supaya menjalankan kajian seumpama ini dalam ruang lingkup yang lebih luas, khususnya berkaitan pengurusan kurikulum dan peperiksaan bagi sekolah-sekolah agama negeri. Kajian sebegini amatlah penting untuk mencari dimana kelebihan sebagai rujukan bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan untuk memartabatkan sekolah-sekolah agama negeri dalam masa yang sama melalui kajian ini pengkaji akan menemui di mana kekurangan dan kelompongan yang sepatutnya di perbaiki.

5.4 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini, diharapkan dapat dijadikan garis panduan kepada pihak pengelola iaitu YIK dan BPI JAIS dalam usaha mewujudkan keberkesanan pengurusan demi memastikan perkembangan sekolah-sekolah agama negeri berada di tahap yang membanggakan. Jelas di sini bahawa, kepentingan pengurusan yang sistematik dan berstrategik mampu melahirkan para pelajar yang berdaya saing serta berjaya mencapai matlamat penciptaan asal manusia untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T.

RUJUKAN

BIBLIOGRAFI

Ab. Halim tamuri et al, “Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam JAIS Di Sekolah-Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor,”(Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajian Islam (PPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), j. 1, Bil, 1, 2013.

Abu Najihat al-Hafiz, *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qariah*, Batu Caves, Abdul Latif Hamidong, “Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu”, (kertas kerja Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Melayu), Kuala Lumpur, bil. 2, J.28, 1986. Selangor: Penerbitan Darul Iman, 2002.

Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya DiMalaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1995.

Abdullah Jusuh *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990.

Abdul Halim Tamuri, “Nilai, Amalan Dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat Hingga Kini *Dalam Peradaban Arab-Islam Dan Masyarakat Melayu*”, Bangi: Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2009.

Abdul Rahman Al-Nahlawi, *Usul Al Tarbiyah Al-Islamiyah Wa Asalibuhā Fi Al-Bayt Wa-Al-Madrasah Wa-Al-Mujtama'*, Dimashq: Dar Al-Fikr, 1996.

Abdul Halim Tamuri et.al, “Nilai, Amalan Dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat Hingga Kini”, (Kajian Bersama Fakulti Pendidikan Malaysia Dan Universiti Teknologi Malaysia), 2009.

Afaf Abdul Ghafor Hameed et.al, *Isu semasa pengajian Quran dan Sunnah*, Kuala Lumpur: Universiti Islam Malaysia, 2003.

Ahmad Mohd Salleh, *Falsafah, Pedagogi Dan Metodologi*, Shah Alam: Fajar Bakti, 1997.

Ahmad Kilani Mohamed, *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah Huraian Menurut Perspektif Islam*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2003.

Abd Rahman Abd Ghani, “Pengurusan Institusi Tahfiz Persendirian Di Negeri Selangor,” (*Jurnal Jpppl* 9 (t.t), 242.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Sejarah Dakwah*, Kuala Lumpur: Utusan Publication& Distributors Sdn Bhd, 2001.

Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah Dan Tamadun Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd, 2008.

Ahmad Mohd Salleh et.al, *Pendidikan Islam*, Mahir Publications: Selangor, 1997.

Ahmad Jelani Halimi *Sejarah Dan Tamadun Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2008.

Ali Mohammad Jubran Salleh, *Educational Administration: An Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: A.S Noordeen, 2002.

Aubaidillah Bin Yusof, “Pengajian “Tasawwur Islam” Dan Kesannya Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Ugama, Yayasan Islam Kelantan,” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur), 2003.

Azizi Umar et.al “Cabaran Penyelarasan Kuasa Antara Kerajaan Negeri Dan Persekutuan Dalam Mengurus Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)”, *Jurnal Of Islamic And Arabic Education*, J.4, Bil. 1,2012.

Azizi Umar et al, “Cabaran Melahirkan Ulama Melalui Pelaksanaan Kurikulum Diniah Di Sekolah Agama Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan” Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN)IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, Pusat Pengajian Umum, Institusi Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor, t.t.

Azizi Umar dan Supyan Hussin, “Hubungan Malaysia Dan Mesir Dalam Membangunkan Kurikulum Diniah Di Sekolah Agama Rakyat: Suatu Kajian Perkembangan Dan Cabaran Di Kelantan,” (Atikal, National University Of Malaysia, Januari 2008), 1.

Azizi Umar et. al, “Masalah Pengurusan Dan Keperluan Sekolah Agama Rakyat (Sar)/ Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (Kafa) Persendirian Di Selangor,”(Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajian Islam (PPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), j. 5, Bil, 1, 2013.

Azizah Mohd Rapini et.al, “Peranan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) Dan Keberkesanannya Dalam Sistem Pendidikan Sekolah Rendah Agama (SRA) Dan Sekolah Rendah Agama Integrasi(SRAI),” (Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajian Islam (PPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), j. 4, Bil, 1, 2013.

Azizi Umar, “Pengambilalihan Sekolah Agama Rakyat Oleh Kementerian Pendidikan: Suatu Kajian Mengenai Sejarah Dan Tujuan”, (Dissertasi M.Usuluddin Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 2001.

Azizi Hj Yahaya, “*Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Dan Pelajaran Di Dalam Bengkel Vokasional Di Dua Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan*”, Jurnal PSM TQAH (t.t), 1.

Azrin Ab. Majid et.al, “Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Malaysia”, (Seminar Isu-Isu Pendidikan Peringkat Kebangsaan: Analisis Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur (26-27 Apr 2014: Kajang, Selangor).), 2014.

Azizi Umar et.al, “Masalah Pengurusan Dan Keperluan Sekolah Agama Rakyat(SAR) / Kelas Al-Qurandan Fardu Ain (Kafa) Persendirian Di Selangor”, (Artikal Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia), Bangi: Selangor, t.t.

Auni Abdullah, *Tradisi Pemerintahan Islam Dan Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Darulfikir, 2005.

Ahmad Mohd. Saleh, Pendidikan Islam, Falsafah, Sejarah Dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2004.

Azizi Umar et al, “Masalah Pengurusan Dan Keperluan Sekolah Agama Rakyat(SAR) / Kelas Al-Qurandan Fardu Ain (Kafa) Persendirian Di Selangor”, (Artikal Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia), Bangi: Selangor, (T.T)

Al-Nahlawi, Abdul Rahman, *Usui Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah Wa As Alibi: Fi Al-Bait Wa Al-Madrasah Wa Al-Mujtama* (Beirut: Dar Al-Fikr, 1996).

Ahmad Fakhruddin Bin Mohd Tahir, “Pelaksanaan Dakwah Parti Islam Semalaysia (PAS) Melalui Politik,” (tesis Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, APIUM, 2014.

Che Som Bte Mansor, “Pendidikan Islam Di Sekolah-Sekolah Agama Di Pasir Mas, Kelantan”, (latihan ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 1989.

Dangiran Mustafa, Dangiran Mustafa 2007. *Heap Utama dan Perasmian Timbalan Ketua Pengarah JAPIM dalam Isu-isu Semasa Pendidikan Islam*. Majlis Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah-sekolah (MAKDIS/PEKDIS), Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dan Alumni Kolej Islam(ALKIS).<http://mendidik.blogspot.com/2007/05/halatuju-pendidikan-islam-di-malaysia.html>, 20.12.4, 2007.

Farid Mat Zain, “The Development Of Pondok And Madrasah In Kedah, 1909-1941”, *Artikal Jurnal Advances In Natural And Applied Sciences*, J. 6, Bil. 3, Fakulti Pengajian Islam, UKM: Bangi, 2012.

Fasiha Markhadi, *Isu-Isu Pendidikan Islam: Sekolah Agama Rakyat Di Malaysia*, ttp:tp, 2010.

Francis Wong et.al, *Education In Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia), 1971.

Ghazali Darussalam *Pedagogi Pendidikan Islam*, c.2. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2004.

Ghazali Basri et.al, “Pusat Pengajian Pondok Telong, Bachok Kelantan”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Fakulti Pengajian Pendidikan, Unversiti Putra Malaysia, t.t.

Hairunnizam Wahid et.al, Pembangunan Modal Insan Melalui Pendidikan Sekolah Agama: Satu Kajian awal di Sekolah Menengah Agama Bandar Baru Salak Tinggi: Selangor, (t.t)

Hajah Noresah Bt Baharom *Kamus Dewan Edisi Ke Empat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007.

Haron Din, *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1988

Hatifah Yussof “Pendidikan Syariah Islamiah: Satu Kajian Tentang Permasalahan Dalam Pengajaran Di Sekolah Agama Dan Harian (Kementerian Pendidikan) Dan Sekolah Agama Menengah Kerajaan Negeri Di Selangor”, (tesis Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia), Bangi, 2001.

Hanafi Mohamed, *Falsafah Pendidikan Menurut Al-Quran*, Batu Caves, Selangor: Pustaka Ilmi, 1996.

Hassan Bin Hushin, “Amalan Pengurusan Kurikulum Serta Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru”, Artikal Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, (t.t)

Imam Bernadib *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Penerbitan FIT-IKIP, 1982.

Ismail Omar et. al “Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Sijil Menengah Agama (SMA) Kurikulum Al-Azhar Di Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Di Negeri Selangor,” (jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajaran Islam (PPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), j.8, Bil, 1, 2012.

Jafarry Awang et.al, “Sosialisasi Agama Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Agama Di Selangor”, (kertas kerja dibentangkan di National Seminar Science, Technology and Social Science, Anjuran UiTM Pahang, 2008.

Kamaruzaman Yusoff et.al, “Sekolah Agama Islam Di Pahang: Satu Kajian Sejarah Dan Perkembangan Awal, (Tesis/Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia), Bangi, 2012.

Kamaruddin Husin, *Dinamika Sekolah Dan Bilik Darjah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn.Bhd, 1995.

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Ugama Islam Mengikut Shor2 Penyata Razak 1965, Dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1972

Mohd Arif Kosmo, Pembangunan Akhlak Pelajar Di Sekolah Agama”, Jurnal Pendidikan, J.23, bil, 1, 1988.

Mohd Hairudin Amin *Sekolah Agama Di Malaysia: Sejarah Isu Dan Cabaran*, Johor: UTM Press, 2012.

Muhd Yusuf B. Ibrahim, *Pengertian Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1971.

Maimun Aqsha Lubis et.al, “Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kurikulum Bu’uth Al-Azhar Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)”, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, J.39, bil. 1, 2014.

Maziah Yunus, “Yayasan Islam Kelantan: Sejarah Dan Peranannya Dalam Pendidikan Islam Di Negeri Kelantan”, (latihan ilmiah Jabatan Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 1988.

Malik Bennabi Syurut Al- Nahdah, Abd Al-Sabur Syahin Dan Umar Kamil Misqawi(Terj.), C.4, Damsyik, Syria: Dar Al- Fikr, 1987.

Mohd Roslan Mohd Nor et al., “Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia”, *Jurnal Al-Tadib*, j. 6, Bil 1, Januari 2011.

Mohd Hisham Md Nawi Et. Al, Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan: Satu Pengamatan Awal, H. 15

Mohd Subri bin Mohd Noor, “Pendidikan Akhlak Menerusi Seni Gamelan: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang Lima, Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor”, (disertasi (M. Usuluddin) Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) Kuala Lumpur, 2005.

Munsyi Abdullah *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn.Bhd, 1997.

Mohamad Yaacob, “Dakwah Islam Kerajaan Kelantan 1978-1984” (Tesis, Jabatan Pengurusan Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1998.

Mohd Aminudin Amin, *Sekolah Agama Di Malaysia: Sejrah, Isu Dan Cabaran*, UTM Press: Johor Bahr, 2012.

Mukhamad Hadi Musolin Subagio, “Peranan Sekolah Menengah Agama Rakyat Negeri Kedah Di Dalam Pendidikan Islam: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Agama (Arab) Yayasan Khairiah Kampung Pisang”, (dissertasi M. Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 2006.

Muhamad Zahiri Awang Mat et. al, “Tahap Profesionalisme Guru Agama Di Sekolah Rendah Agama Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor”, (Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajian Islam (PPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), j. 2, Bil, 1, 2013.

Mohamad Fuad Bin Ishak et.al, “Kepuasan Kerja Guru-Guru Agama Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Selangor”,(Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajian Islam (PPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), j. 7, Bil. 1, 2012.

Mohd Subri bin Mohd Noor, “Pendidikan Akhlak Menerusi Seni Gamelan: Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang Lima, Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor”, (Disertasi (M. Usuluddin) Jabatan Sejarah dan

Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) Kuala Lumpur, 2005.

Mohd Suzli bin Abdullah, “ Permasalahan Aktiviti Ko-Kurikulum Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan Daerah Pasir Mas”,(tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia,Sintok Kedah),1997.

Mohd Sidek Bin Mamat, “Pengajian Seni Khat Di Sekolah Menengah Ugama (ARAB) Maahad Muhammadi (Lelaki), Kota Bharu: Kajian Tentang Kaedah Dan Keberkesanannya”, (Dissertation (M.Usuluddin), Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 2005.

Mohd Roslan Mohd Nor, “Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia”, *Jurnal Al-Ta'dib*, j.6, Bil. 1, 2011.

Muhammad Faizal A. Ghani et.al “Amalan Sekolah Cemerlang Di Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah menengah Kebangsaan Agama: Satu Perbandingan”, *Jurnal Pendidikan Islam*, J. 1, bil. 2, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2013.

Mohd Nasir B. Abd Hamid et.al, “Beban Jam Pengajian: Suatu Kajian Perbandingan Antara Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) Dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) negeri Kedah dan Perlis”, (Laporan Penyelidikan Institut Penyelidikan Pembangunan dan Pengkomesilan, Universiti Teknologi Mara), Shah Alam: Selangor, 2005.

Muhd Nur Manutu, “Perkembangan Pendidikan Di Malaysia: Beberapa Analisa Kritis Terhadap Pemikiran-Pemikiran Asas Dalam Perspektif Sejarah”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil.2. Selangor: Angkatan Belian Islam Malaysia, 1984.

Mohd Roslan Mohd Nor et.al, “Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia”, *Jurnal Al-Tadib*, j. 6, Bil 1, 2011.

Mohd Ismail Bin Mustari et. al, “Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor” (Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia), 2004.

Muhammad Munir Musri, *Al-Tarbiyah Al-Islamiyah: Usuluhu Wa-Tatawwuruhu Fi Al Bilad Al-‘Arabiah*, Al-Qahirah: ‘Alam Al-Kutub, 2000.

Md. Miskan Kamari, “Sistem Pentadbiran Sekolah Agama Dan Arab Negeri Johor: Satu Tinjauan Di Pejabat Agama Negeri Johor Dan Juga Tiga Buah Sekolah: Sekolah Men Arab (Maahad Johor), Sekolah Rendah Arab Al-Quran Waddin Dan Sekolah Agama Dato’ Abdullah Esa, Johor Bahru.” (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.

Muhammad Sarim Haji Mustajab, “Islam Dan Perkembangan Dalam Masyarakat Melayu Di Semenanjung Tanah Melayu” (tesis Sarjana, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia), Bangi: Selangor, 1975.

Nor Raudah Hj. Siren et. al, “Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Malaysia”, (Kertas Kerja Persidangan, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur), T.T.

Nik Azis Nik Pa et al, *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan Islam Di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd, 2008.

Nawawee Mohammad, Proses Pendidikan Berorientasikan Agama/ Arab, Al- Islam Jun 1981, Bil 6 Tahun 8, Utusan Melayu, 1981.

Nik Mohd Rahimi “Tahap Kemahiran Kefahaman Mendengar Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri”, (Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia), j. 45, bil. 1, 2006.

Nabir Haji Abdullah, *Ma'had A L-Ihya' Al-Shrif*, Jabatan Sejarah, UKM: Bangi, Selangor, 1961.

Noraini Mohd Zain, “Pengajian Al-Quran Di Kelantan: Tumpuan Kepada Sekolah-Sekolah Di Yayasan Islam Kelantan”, (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur), 2002.

Othman Ismail, *Education In Kelantan*, Kota Bharu: Pejabat Pelajaran Kelantan, 1975.

Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991.

Rahimin Affandi Abdul Rahim, “Islam Hadhari Sebagai Wahana Ilmu Untuk Kecemerlangan Umat Islam Di Malaysia” (risalah Khas Sambutan Ma’al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1427 H, Putrajaya: JAKIM, 2006), 2.

Roszaini Bin Mohd Zainal “Tanggapan Pentadbir Dan Lembaga Pengelola Sekolah Terhadap Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Dalam Mengelarkan Identiti Sekolah Agama Rakyat Di Daerah Pontian”, (Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia), Johor, 2013.

Roslan Hussin, “Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat Di Negeri Perak”, (Tesis Fakulti Pendidikan Islam, UKM), Bangi, 2003.

Shafie Abu Bakar “Ke Arah Pembaikian Dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok Di Malaysia”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1984.

Sufean Hussin, *Pendidikan Islam Di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1993.

Sarimah Mokhtar et.al, “Persepsi Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Selangor”, *Jurnal GJAT*, J. 1, bil. 1, Tawau: Sabah, 2011.

Said Aqil Siroj, *Tasawuf Sebagai Kritik Sosial: Mendepankan Islam Sebagai Inspirasi, Bukan Aspirasi*, Bandung: PT Mizan Pustaka, 2006.

Shafie Abu Bakar, “Ke Arah Pembaikan Dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok Di Malaysia”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 2. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1984.

Sufean Hussin, *Pendidikan Islam Di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1993.

Siti Fatimah Awing, “kerajaan peruntukkan RM9.7J UNTUK SEKOLAH AGAMA DAN PONDOK”, GPS BESTARI, 22 MEI 2017

Wan Ezielia Binti Wan Aziz, Pelaksanaan Pengurusan Kurikulum Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Kluster Daerah Johor Bahru, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 2014

Yusri Bin Chek, “Pelajaran Tajwid Al-Quran Di Malaysia: Kajian Terhadap Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran Di SMKA Kuala Lumpur”, (Disertasi M. Usuluddin, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 2005.

Yusri Bin Chek, “Pelajaran Tajwid Al-Quran Di Malaysia: Kajian Terhadap Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran Di SMKA Kuala Lumpur”, (Disertasi M. Usuluddin, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 2005.

Yazid Muhamad Noh, “Kaedah Pengajaran Al-Quran Di Sekolah Menengah Bestari, Jabatan Agama Islam Selangor, Subang Jaya”, (Disertasi Sarjana Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, 2008.

Zawawi Ismail et.al, “Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia”, *Journal Of Language Studies*, J. 11, bil. 2, 2011.

Zawawi Haji Ahmad, *Pendidikan Islam: Kaedah Dan Teknik Pengajaran*, Kuala Lumpur: International Book Servive, 1984.

Zulkafli Mohd Yusof et al, “Persepsi Ibu Bapa Terhadap Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR): Kajian Kes Di Negeri Kedah”, (Kajian Ilmiah Institut Penyelidikan, Pembangunan Dan Pengkomersilan, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam), Selangor, 2005.

Zainal Abidin Haji Abdul Kadir, “Reformasi Pendidikan Islam Di Sekolah: Matlamat Dan Harapan”, (Kertas Kerja Persidangan Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran & Harapan, Kuala Terengganu: Kolej Agama Sultan Zainal Abidin), Terengganu, 1993.

Zulkafli Mohd Yusof et.al, “Persepsi Ibu Bapa Terhadap Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR): Kajian Kes Di Negeri Kedah”, (Kajian Ilmiah Institut Penyelidikan, Pembangunan Dan Pengkomersilan, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam), Selangor, 2005.

Rujukan Laman Sesawang

Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM), <http://www.moe.gov.my/v/sabk-smka,18 Januari 2015>

Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, <http://www.bpi.edu.my/en/tahfiz-model-ulul-albab>, 19 Januari 2015

http://eprints.utm.my/11980/1/Amalan_Pengurusan_Kurikulum_Serta_KeselamatanDanKesihatan_Di_Sekolah_Rendah_Islam_Hidayah.pdf, 4 Mac 2015. Hassan Bin Hushin (T.T), “Amalan Pengurusan Kurikulum Serta Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru”, Artikal Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, h. 1

Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, <http://www.bpi.edu.my/en/tahfiz-model-ulul-albab>, 19 Januari 2015.

Temubual

Senah @ Hasnah Bt Ishak, (guru al-Quran di Kampung Batu Mengkebang, Kuala Krai, Kelantan), dalam temubual bersama penulis 13 Disember 2014.

Haji Che Soh, kg Pasir Puteh, (imam tua kg Batu Mengkebang, Kuala Krai) dalam temubual dengan penulis , 15 November 2014

Naimah Bt. Ab Rahman, (Guru SMU (A) Syukuriah Bukit Sireh, Kuala Krai, Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 4 November 2017.

Ahmad Pakaruddin Deraman, (Penolong Pengarah Unit Peperiksaan YIK), dalam temubual bersama penulis, 5 Oktober 2017.

Che Kamaruddin Kamel (Pengarah Unit Sekolah YIK), dalam temubual dengan penulis, 5 Oktober 2017.

Akhbar

Zulaikha Othman, “2,408 Pelajar Raih Mumtaz Sijil Menengah Ugama,” *Sinar Harian Edisi Kelantan*,” 4 Januari 2018, 9.

Mohd Ezli Mashut, “ Selangor Catat 90.8% dalam PSRA 2017, Naik 1.2%,” *Selangor Kini*, 15 November 2017, 8.

Norzamira Che Noh, “Peratus Kelulusan PSRA Selangor Merosot,” *Berita Harian*, 15 November 2016, 4.

University Of Malaya